

Stiftung für liberale Politik
Friedrich-Naumann-Stiftung

Bacaan Liberalisme

Bacaan Liberalisme

Dipilih, diperkenal dan diberi catatan tambahan oleh Detmar Doering

Diterjemahkan oleh:

Chuah Siew Eng

Zaitun Mohamed Kasim

Shanon Shah Mohd Sidik

Kuala Lumpur

Malaysia, 2005

Bacaan Liberalisme

Dipilih, diperkenal dan diberi catatan tambahan oleh Detmar Doering

Edisi ke-4, Sankt Augustin, 1999

(Argument der Freiheit; Jilid 3)

ISBN

NE: Doering, Detmar (Ed.); GT

Friedrich-Naumann-Stiftung:

Akademi Antarabangsa untuk Kepimpinan, Gummersbach

Dilarang menyunting dan menyebarkan bacaan ini dalam sebarang bentuk mekanikal, elektronik dan sistem lain tanpa kebenaran penerbit. Hakcipta dipelihara dari segi seluruh bacaan ini melalui fotokopi atau cara serupa, perakam audio, melafazkannya, penyiaran radio dan televisyen, menyimpan dalam fail pemprosesan data, terjemahan dan pemprosesan kesusasteraan dan yang lain.

KANDUNGAN

Kata Pengantar.....	5
Pengenalan.....	6
Ludwig von Mises: LIBERALISME – SATU REKOD KEJAYAAN	8
John Locke: SERUAN UNTUK TOLERANSI.....	19
William Leggett: HAK RAKYAT.....	233
Wilhelm von Humboldt: TUJUAN KEWUJUDAN MANUSIA.....	27
Adam Smith: PASARAN DAN INDIVIDU.....	33
Frederic Bastiat: KEBEBASAN SEBAGAI PERSAINGAN.....	37
Edmund Burke: PRINSIP REFORMASI	44
John Stuart Mill: KEBEBASAN DAN PENDIDIKAN	49
David Hume: KEPENTINGAN DIRI DAN KeadILAN.....	53
Friedrich August von Hayek: FIKSYEN KeadILAN SOSIAL	61
John Prince-Smith: KEBEBASAN PERDAGANGAN	68
Jose Ortega y Gasset: KEZALIMAN RAKYAT MASSA	77
Robert Nozick: UTOPIA	83

Kata Pengantar

Melihat keadaan dunia kini, ia memang memerlukan perubahan politik. Ia perlu kembali kepada prinsip yang kuat. Kesan keruntuhan rejim komunis di Eropah Timur menunjukkan bukannya mudah membina dan mengekalkan susunan sosial liberal. Setakat ini masih tidak ada “penghujung sejarah” dan ia tidak dijangka akan berlaku. Kelihatan di seluruh dunia kemenangan perjuangan liberal tetapi juga kemunculan pembangkang baru. Di kebanyakan tempat, nasionalisme agresif atau fanatik keagamaan menggantikan komunisme sebagai “doktrin penyelamat” yang baru – yang membawa kesan teruk kepada masyarakat di situ.

Namun ada tanda-tanda bahaya, walaupun yang kurang jelas, dalam demokrasi liberal negara maju yang turut mengancam dengan cara tersendiri. Sistem sosial yang sebenarnya tidak dapat dikekalkan kian dianggap sebagai satu peringkat perkembangan. Pada masa yang sama, rakyat kian dibebani cukai dan birokrasi. Akhirnya, peluang ekonomi yang ditawarkan oleh pasaran bebas kini dikurangkan ke tahap di mana kadar pengangguran yang tinggi tampak seperti sesuatu yang tetap.

Kesan ini boleh dilihat pada Republik Persekutuan, khususnya, kerana kekurangan keberanian dan keyakinan yang diperlukan untuk mengubahsemula keadaan politik. Kehidupan politik kini tanpa haluan. Namun penyokong fahaman liberal sepatutnya tidak menghadapi masalah untuk menyampaikan wawasan masyarakat bebas dan terbuka, yang sentiasa mencari hak penentuan diri bagi rakyat individu. Wawasan ini mempunyai tradisi yang panjang dan dihormati dan ia begitu diperlukan sekarang. Oleh itu, Yayasan Friedrich-Naumann ingin menyumbang kepada perubahan politik dengan penyuntingan semula buku *Kleines Lesebuch uber den Liberalismus*.

Liberalisme sentiasa memiliki hujah terbaik, sepertimana pembaca akan ketahui setelah membaca buku ini. Modal terbaiknya ialah asas intelektualnya yang meyakinkan. Kita tidak patut mempertaruhkannya dengan sewenang-wenang.

Rolf Berndt

Pengerusi Eksekutif

Yayasan Friedrich Naumann

Pengenalan

Tidak banyak gerakan politik yang mempunyai tradisi intelektual yang setanding dengan tradisi liberalisme. Pemikir-pemikir Barat yang terulung memilih gerakan ini. Mereka telah menambah kepada tradisi kebebasan klasik dan abad pertengahan. Namun hanya pada 300 tahun kebelakangan inilah idea kebebasan dirangka secara logik sebagai asas satu sistem politik. Oleh itu liberalisme mewakili yang terbaik daripada tradisi Barat dan kemodenan. Sudah tentulah idea liberal kebebasan ini tidak membentuk kebenaran muktamad. Ini termasuk idea liberal kebebasan. Tidak ada definisi liberalisme yang menyeluruh, dan tidak mungkin akan ada definisi sedemikian. Hakikat ini bukan sahaja kerana politik sentiasa membawa cabaran baru yang memerlukan jawapan liberal yang baru. Sebab utamanya adalah kerana liberalisme tidak direka “sekaligus”, sebaliknya ia merupakan hasil pemikiran ramai individual. Setiap satunya telah menyumbang kepada perkembangan liberalisme dengan cara tersendiri. Koleksi teks klasik liberalisme ini bertujuan untuk memberi gambaran hakikat ini. Sudah tentunya tidak ada koleksi yang dapat berbuat demikian dengan selengkapnya. Untuk mengelakkan kritikan dari segi itu, koleksi ini tidak pun mendakwa ia menyeluruh; tradisi liberalisme klasik terlalu rumit untuk berbuat demikian. Koleksi ini cuba menanam minat terhadap tradisi pemikiran politik yang agung dengan memberi beberapa contoh kepelbagaian tradisi ini. Teks yang dipilih untuk jilid ini bermula dari karya John Locke pada abad ke-17, merangkumi zaman kegemilangan liberalisme pada abad ke-19 (diwakili di sini oleh Frederic Bastiat, contohnya) sehinggalah penulis sezaman seperti Popper, Gray dan Nozick. Karya-karya ini juga meliputi rangkuman topik yang luas. John Stuart Mill menyentuh mengenai pendidikan, David Hume mengenai keadilan, Wilhelm von Humboldt mengenai tujuan kewujudan manusia, John Prince-Smith mengenai perdagangan bebas – kesemua ini antara beberapa contoh. Pemikir-pemikir tersohor seperti Adam Smith wujud di samping pemikir-pemikir lain yang malangnya telah diabaikan, seperti William Leggett dari Amerika Syarikat. Yang paling penting ialah pembentangan beberapa pendekatan asas falsafah yang berbeza; malah sesetengahnya saling bercanggah. Kesemuanya menyumbang kepada idea liberal kebebasan. Manakala Locke menitikberatkan hak individu yang wujud sebelum konsep kerajaan, Hume mengasaskan pemikiran politiknya di atas andaian bahawa kebebasan dan keadilan hanya wujud bersama perkembangan kebudayaan yang memperoleh ciri dinamikinya daripada usaha individu untuk meraih faedah. Pendapat ini diperkembangkan ke tahap yang esktrim oleh Ludwig von Mises yang hanya mengambilkira individu dan keupayaannya untuk pengiraan ekonomi dan

menolak sebarang idea mengenai hak semulajadi yang mendahului kerajaan. Namun semuanya memberi kesimpulan yang sama, iaitu perlindungan hartanah adalah antara tugas terpenting kerajaan berperlembagaan liberal. Manakala Mill dan Ortega y Gasset melihat ada ancaman terhadap kebebasan walaupun dalam sesebuah demokrasi sekalipun; Legget menganggap demokrasi sebagai asas falsafah kebebasan yang penting. Tetapi semua pendekatan ini mempunyai satu kesamaan: mereka menyokong idea liberalisme mengenai kebebasan. Pendekatan-pendekatan ini juga menyokong idea bahawa semua kuasa mesti dikaitkan kepada kebebasan individu. Mereka menyumbang kepada perjuangan menentang setiap bentuk totalitarianisme terbuka dan menguatkan amaran terhadap keretakan kebebasan yang berlaku secara senyap akibat penglibatan kerajaan yang berniat baik. Banyak pendekatan jelas sampai ke matlamat yang sama. Matlamat ini ialah masyarakat terbuka dan liberal yang berasaskan ideal kebebasan individu dan dasar kerajaan berperlembagaan dan ekonomi pasaran bebas. Pertimbangan mengenai asas-asas masyarakat sebegini (koleksi ini bertujuan untuk mencetuskan pemikiran mengenai hal ini) sentiasa relevan. Seperti yang pernah dinyatakan Friedrich August von Hayek, "Prinsip asas bahawa dasar kebebasan individu merupakan satu-satunya dasar progresif sebenar, masih benar hari ini sepertimana juga pada abad ke-19."

Detmar Doering¹

1 Detmar Doering, dilahirkan pada tahun 1957, Ph.D., ialah Naib Pengarah Institut Liberal Yayasan Friedrich Naumann.

Ludwig von Mises: LIBERALISME – SATU REKOD KEJAYAAN

Ludwig von Mises (1881-1973) adalah antara pelopor utama ekonomi kebangsaan aliran Austria. Hampir semua idea liberalismenya berdasarkan teori pertimbangan individu mengenai faedah dan teori ini lumrah dalam aliran ini. Penglibatan kerajaan mengganggu keupayaan untuk melihat harga sebagai tanda kekurangan. Bagi von Mises, pandangan ini menyangkal sosialisme secara saintifik. Walaupun sudah lama pandangan ini tidak diendahkan oleh ramai ahli intelek tetapi akhirnya ia terbukti benar: sosialisme, yang tidak berupaya mengira kos secara rasional, ditakdirkan gagal dari segi ekonomi. Ketika idea kebebasan hampir-hampir luput di dunia berbahasa Jerman, bukunya, *Liberalism*, yang ditulis pada tahun 1927, adalah antara beberapa percubaan berani untuk menjustifikasikan idea ini. Ciri individualistik dan anti-etatistik pemikirannya menawan ramai peminat, terutamanya di Amerika Syarikat di mana beliau bekerja sebagai pengajar setelah melarikan diri daripada tentera Nazi.

Liberalisme

Ahli falsafah, sosiologi dan ekonomi abad ke-18 dan awal abad ke-19 merumus program politik yang berfungsi sebagai panduan kepada dasar sosial, pada mulanya di England dan Amerika Syarikat, kemudian di benua Eropah, dan akhirnya di pelusuk dunia yang lain. Program ini tidak disempurnakan di mana-mana tempatpun. Malah, di England sekalipun, yang dikenali sebagai tanah air liberalisme serta contoh terbaik negara liberal, penyokong dasar liberal tidak pernah berjaya mendapat segala tuntutan mereka. Di beberapa negara lain, hanya sesetengah daripada rancangan liberal diterimapakai, manakala yang selainnya yang tidak kurang pentingnya ditolak dari mula lagi atau ditinggalkan setelah beberapa ketika. Adalah keterlaluan jika dikatakan era liberalisme wujud di dunia pada suatu masa dahulu. Liberalisme tidak pernah dibenarkan berkembang sehingga matang.

Namun, walaupun kekuasaan idea liberal hanya seketika dan terlalu singkat, ia mencukupi untuk mengubah wajah dunia. Perkembangan ekonomi yang hebat berlaku. Pembebasan kuasa pengeluaran manusia telah menggandakan cara perolehan nafkah dengan berlipatkali ganda. Menjelang Perang Dunia (yang merupakan hasil perjuangan yang pahit dan berpanjangan untuk menentang semangat liberal, dan perang yang membuka jalan kepada zaman serangan yang lebih sengit lagi ke atas prinsip liberal), dunia merakamkan kepadatan penduduk yang tinggi dan setiap penghuni dapat hidup dengan lebih baik daripada keadaan dalam abad sebelum itu. Kemakmuran yang

dihasilkan oleh liberalisme telah mengurangkan dengan drastik kadar kematian bayi, yang merupakan ancaman yang paling besar pada abad-abad sebelum itu. Kemakmuran tersebut juga, hasil keadaan hidup yang bertambah baik, memanjangkan purata jangka hayat manusia.

Kemakmuran ini juga bukan terhad kepada orang bernasib daripada kelas tertentu. Menjelang Perang Dunia, mutu hidup pekerja di negara-negara industri di Eropah dan di Amerika Syarikat dan di dominion England di serata dunia lebih tinggi daripada bangsawan pada zaman sebelum itu. Bukan sahaja dia dapat makan dan minum mengikut kehendaknya; dia juga dapat memberi anak-anaknya pendidikan yang lebih baik; jika dia mahu, dia dapat mengambil bahagian dalam perkembangan intelek dan kebudayaan negaranya; dan jika dia cukup berbakat dan bertenaga, dia boleh menaikkan kedudukan sosialnya dengan senang. Sebenarnya, di negara-negara yang menerimapakai program liberal dengan sebanyaknya, puncak piramid sosial bukannya diduduki oleh golongan yang bernasib baik sejak lahir lagi kerana mewarisi harta ibu-bapa mereka atau kedudukan sosial yang tinggi mereka. Sebaliknya, ia diduduki oleh orang yang menggunakan upayanya sendiri untuk memajukan diri dari tangga terbawah dan membebaskan diri daripada keadaan asal yang serba kekurangan. Pagar yang memisahkan tuan tanah dan buruhnya telah runtuh. Apa yang muncul kemudian hanyalah rakyat yang mempunyai hak samarata. Tidak ada orang yang dipinggirkan atau dianiaya berdasarkan identiti kebangsaannya, pendapatnya, atau kepercayaannya. Penganiayaan dalam negeri yang berdasarkan fahaman politik dan agama telah dihentikan dan perang antarabangsa telah mula berkurangan. Para optimis pula tidak teragak-agak mengatakan bahawa zaman keamanan abadi mula menyubur.

Tetapi kejadian yang sebaliknya berlaku. Pada abad ke-19 penentang liberalisme yang kuat dan hebat timbul dan berjaya melenyapkan sebahagian besar daripada pengaruh golongan liberal. Dunia kini tidak mahu mendengar idea liberalisme. Di luar England, istilah "liberalisme" melanggar undang-undang. Sudah tentulah di England masih ada golongan "liberal" tetapi itu setakat nama sahaja bagi kebanyakan daripada mereka. Hakikatnya, mereka sosialis sederhana.

Hari ini kuasa politik di mana-mana pun terletak dalam tangan parti anti-liberal. Program anti-liberalisme yang dibebaskan oleh kuasa-kuasa yang membawa kepada Perang Dunia – dan melalui kuota import dan eksport, tarif, had-had imigrasi dan langkah-

langkah seperti ini – telah menyebabkan pemencilan sesama diri antara negara-negara. Dalam setiap negara eksperimen sosialis yang dijalankan mengakibatkan penurunan daya pengeluaran tenagakerja yang diiringi keadaan serba kekurangan dan kesengsaraan yang meruncing. Sesiapa yang berani menghadapi fakta-fakta ini mesti mengakui bahawa di serata tempat ada tanda-tanda yang menunjukkan bencana akan menimpa ekonomi dunia. Anti-liberalisme sedang menghala ke arah kejatuhan tamadun manusia secara umumnya.

Jika seseorang mahu mengenali liberalisme dan objektifnya, tidak memadai dengan hanya merujuk kepada sejarah untuk mendapatkan maklumat mengenai pegangan ahli politik berfahaman liberal dan pencapaian mereka. Kerana di mana-mana tempat pun liberalisme tidak berjaya melaksanakan programnya sebagaimana yang dirancang.

Kita tidak akan dapat mengenali ciri liberalisme sebenar dengan meneliti program dan tindakan parti-parti hari ini yang mendakwa ia liberal. Liberalisme di England pada hari ini dianggap lebih mirip kepada Toryisme dan sosialisme berbanding dengan program pedagang bebas sebelumnya. Jika ada pengikut liberal yang berpendapat bahawa tarif perlindungan, pemilikan negara kereta api, lombong-lombong dan keusahawanan yang lain adalah serasi dengan liberalisme, maka jelaslah bahawa yang tertinggal daripada fahaman liberalisme hanya nama sahaja.

Tidak mencukupi juga jika seseorang itu membentuk fahamannya sendiri mengenai liberalisme dengan mengkaji tulisan-tulisan pengasasnya. Liberalisme bukan doktrin yang siap atau dogma tetap. Sebaliknya, ia merupakan aplikasi ajaran-ajaran sains ke atas kehidupan sosial manusia. Dan sepertimana ekonomi, sosiologi dan falsafah telah maju sejak zaman David Hume, Adam Smith, David Ricardo, Jeremy Bentham dan Wilhelm von Humboldt, begitu juga dengan doktrin liberalisme hari ini berlainan daripada ketika kemunculan falsafah ini, walaupun prinsip asasnya tidak berubah. Bertahun-tahun lamanya tiada orang yang cuba membentangkan satu karya yang ringkas dan padat mengenai makna dasar doktrin ini. Mungkin ini dapat dijadikan justifikasi tulisan ini.

Kebajikan material

Liberalisme merupakan doktrin yang menumpukan perhatian kepada perlakuan manusia. Matlamat muktamadnya adalah perkembangan luaran manusia dari segi kebajikan material dan ia tidak terlibat langsung dalam keperluan dalaman, kerohanian

dan metafizikal manusia. Ia tidak menjanjikan manusia kebahagiaan dan kesenangan, tetapi hanya kepuasan terbanyak daripada segala keinginan yang dapat dipenuhi oleh duniawi.

Liberalisme kerap dicela kerana sikap luaran dan materialistik terhadap duniawi dan kebendaan yang tidak berkekalan. Ada yang mengatakan bahawa kehidupan manusia bukan terdiri daripada makan dan minum sahaja. Ada keperluan lain yang lebih tinggi dan penting daripada makanan, minuman, rumah dan pakaian. Kekayaan duniawi yang terbanyak pun tidak akan dapat memberi kebahagiaan kepada manusia; batin dan rohaninya masih kosong dan tidak puas. Kelemahan liberalisme yang paling serius adalah ia tidak menawarkan penyelesaian kepada aspirasi manusia yang lebih mendalam dan mulia.

Tetapi pengkritik yang berhujah sebegini menunjukkan bahawa mereka mempunyai tanggapan yang tidak sempurna dan materialistik mengenai keperluan yang lebih tinggi dan mulia ini. Polisi sosial, melalui kaedah-kaedah yang sedia ada, dapat menghasilkan masyarakat yang kaya atau miskin tetapi ia tidak akan berjaya membuat mereka gembira atau memuaskan hajat paling dalam mereka. Segala usaha luaran gagal di sini. Polisi sosial hanya dapat menyingkirkan punca luaran kesakitan dan kesengsaraan; ia dapat memajukan sistem yang memberi makanan kepada mereka yang lapar, memberi pakaian kepada mereka yang tidak berpakaian dan memberi tempat berteduh kepada mereka yang tidak berumah. Kebahagiaan dan kesenangan tidak bergantung kepada makanan, pakaian, dan tempat berteduh, tetapi kepada apa yang manusia hargai dalam dirinya, yang mengatasi segala-galanya. Liberalisme melibatkan diri hanya dalam kesejahteraan material manusia, bukan kerana ia memandang rendah perkara-perkara kerohanian tetapi kerana yakin bahawa perkara-perkara yang mulia dan mendalam tidak boleh dipengaruhi oleh kawalan luaran. Liberalisme cuba memberi kesejahteraan luaran sahaja kerana ia sedar bahawa kekayaan dalaman dan kerohanian hanya dapat timbul di dalam hati manusia dan bukannya dari rangsangan luaran. Ia cuba menghasilkan prasyarat luaran bagi perkembangan dalaman, itu sahaja matlamatnya. Memang tidak dapat diragui bahawa seseorang yang hidup dalam keadaan yang lebih makmur pada abad ke-20 berupaya memenuhi keperluan kerohaniannya berbanding dengan seseorang yang hidup pada abad ke-10 yang tidak mempunyai masa senggang kerana terpaksa kais pagi makan pagi, dan juga runsing terhadap ancaman musuh.

Kepada mereka yang menerima doktrin asetik sepenuhnya – seperti pengikut kebanyakan kumpulan-kumpulan agama di Asia dan fahaman Kristian zaman pertengahan – dan melihat ideal kehidupan manusia pada unggas di hutan dan ikan di laut, yakni miskin dan bebas daripada keinginan, kita tidak ada jawapan apabila mereka mencela liberalisme atas sikap materialistiknya. Kita hanya dapat meminta supaya dibiarkan mengikut haluan kita tanpa gangguan, seperti juga kita tidak menghalang mereka daripada perjalanan mereka ke syurga mengikut cara tersendiri. Biarlah mereka memencilkan diri di dalam tempat mereka dengan aman, jauh dari manusia dan dunia luaran.

Ramai orang sezaman kita tidak dapat memahami ideal asetik. Tetapi sebaik sahaja seseorang menolak prinsip kehidupan asetik, dia tidak harus mencela liberalisme atas dasarnya yang mahu mencapai kesejahteraan duniawi.

Matlamat Liberalisme

Terdapat pendapat yang berleluasa bahawa liberalisme berbeza daripada gerakan politik yang lain kerana ia meletakkan kepentingan sebahagian daripada masyarakat – yakni kelas yang mempunyai hartanah, golongan kapitalis, usahawan – di atas kepentingan kelas masyarakat yang lain. Dakwaan ini salah. Matlamat liberalisme yang tetap ialah kebajikan semua dan bukannya kebajikan sebarang kumpulan khas. Inilah – walaupun benar tetapi tidak begitu tepat – yang ingin disampaikan oleh golongan utilitarian berbangsa Inggeris dalam formula mereka, “kebahagiaan yang paling banyak daripada bilangan orang yang paling banyak.” Dari segi sejarah, liberalisme ialah gerakan politik yang pertama yang bertujuan menggalakkan kebajikan semua; bukan kumpulan terpilih: Kedua-dua liberalisme dan sosialisme bertujuan membawa kebaikan bagi semua; namun kedua-duanya berbeza bukan dari segi matlamat tetapi dari segi cara yang dipilih untuk mencapainya.

Jika hujah seterusnya mengatakan bahawa matlamat polisi liberal adalah, atau mesti, memihak kepada kepentingan khas sesuatu strata masyarakat, maka persoalan ini masih dapat dibincangkan. Tulisan ini akan cuba menunjukkan bahawa celaan begini tidak wajar. Tetapi apabila seseorang berhujah, dia tidak boleh, dari awal lagi, menuduh orang yang mencela itu tidak adil; walaupun kita menganggap pendapatnya salah, ianya mungkin diutarakan kerana orang itu betul-betul mempercayainya. Bagaimanapun, sesiapa yang mengutuk liberalisme dengan cara ini mengakui bahawa matlamat

liberalisme tidak memihak dan apa yang dikehendaki oleh liberalisme tidak lebih daripada apa yang dikatakannya.

Lain pula dengan pengkritik yang mencela liberalisme atas andaian bahawa fahaman itu hanya mahu menggalakkan kepentingan khas kelas-kelas masyarakat yang tertentu dan bukannya kebajikan umum. Pengkritik-pengkritik begini jahil dan tidak adil. Dengan memilih cara kutukan sebegini, mereka mendedahkan bahawa mereka sedar kelemahan hujah sendiri. Mereka menggunakan alasan-alasan yang beracun dengan sewenang-wenangnya kerana tanpanya mereka tidak akan berjaya.

Jika seorang pesakit ingin memakan makanan idaman yang sebenarnya memudaratkan kesihatannya, dan sekiranya seorang doktor cuba meyakinkan pesakit mengenai akibat tindakannya itu, tiada orang yang begitu dangkal sekali sehingga mengatakan: "Doktor itu tidak menghirau kebajikan pesakitnya; sesiapa yang mahu pesakit itu sembuh tidak patut mencegahnya daripada menikmati makanan yang begitu sedap." Semua orang akan memahami bahawa doktor menasihati pesakit bahawa dia terpaksa mengorbankan keseronokan memakan makanan tersebut atas sebab-sebab kesihatan. Tetapi dalam hal polisi sosial pula, seseorang cenderung mempunyai fikiran yang berbeza. Apabila pemikir liberal cuba menasihati bahawa beberapa langkah popular tidak patut diambil kerana ia dijangka akan memberi kesan buruk, dia dikecam sebagai musuh rakyat. Sebaliknya, pujian diberi kepada demagog yang mengusulkan langkah yang kelihatannya sesuai pada ketika itu tanpa mempertimbangkan kesan buruk yang timbul.

Tindakan wajar melibatkan pengorbanan sementara dan inilah yang membezakannya daripada tindakan yang tidak wajar. Pengorbanan sementara ini bukan pengorbanan yang sebenar kerana ianya akan memberi pulangan atau faedah pada masa hadapan. Orang yang mengelakkan makanan yang sedap tetapi tidak berkhasiat hanya membuat pengorbanan sementara. Hasil 'pengorbanan' ini – kesihatan yang tidak terjejas – menunjukkan bahawa dia tidak rugipun, malah dia untung. Walau bagaimanapun, tindakan wajar ini memerlukan kebijaksanaan untuk merumuskan akibat sesuatu tindakan. Demagog mengambil kesempatan hakikat ini. Dia menentang orang liberal yang mengajukan pengorbanan sementara (yang nampaknya seolah-olah ia satu pengorbanan tetapi sebenarnya bukan), dan mengecam orang liberal sebagai musuh rakyat yang tidak berperikemanusiaan. Pada masa yang sama, dia meletakkan dirinya sebagai kawan kemanusiaan. Dia tahu cara menyentuh dan menyayatkan hati

pendengarnya dengan memberi kiasan keadaan serba kekurangan dan penuh sengsara, demi menyokong hujahnya.

Polisi anti-liberal ialah polisi penggunaan modal. Ia menyarankan supaya kerajaan membelanja jumlah yang banyak pada masa sekarang walaupun ini akan merugikan generasi akan datang. Sama seperti kes pesakit di atas. Dalam kedua-dua contoh ini, manusia berdepan dengan dua pilihan: satu mengelakkan daripada keburukan relatif di masa hadapan dan yang satu lagi memberi kepuasan sementara yang banyak secara relatif. Apabila demagog berhujah seolah-olah persoalan itu adalah mengenai 'keras hati' menentang 'kemurahan hati', dia sebenarnya berbohong dan tidak jujur. Bukan sahaja ahli politik dan wartawan parti anti-liberal yang menggunakan celaan sebegini. Hampir semua penulis aliran *Sozialpolitik* telah menggunakan kaedah serangan yang sungguh tidak adil ini.

Keadaan serba kekurangan dan kesengsaraan yang wujud dalam dunia ini bukan satu hujah menentang liberalisme, sungguhpun pembaca suratkhbar mungkin percaya kerana tidak berfikir lebih dalam dari itu. Sasaran liberalisme sememangnya ialah penghapusan keadaan serba kekurangan dan kesengsaraan, dan ia menganggap cara yang diajakannya satu-satunya cara yang sesuai untuk matlamat itu. Biarlah sesiapa yang berfikir dia tahu cara yang lebih baik, malah berbeza, untuk mencapai matlamat ini menunjukkan buktinya. Tetapi dakwaan bahawa liberalisme tidak memperjuangkan kebaikan sejagat, dan bahawa ia hanya mementingkan kumpulan-kumpulan khas, sama sekali tidak boleh diterima sebagai 'bukti'.

Keadaan dunia masa kini yang serba kekurangan dan kesengsaraan tidak boleh didukung sebagai hujah untuk menentang liberalisme sekali pun dunia hari ni mengikut polisi liberal. Yang terus menjadi persoalan adalah sama ada keadaan serba kekurangan dan kesengsaraan mungkin menjadi lebih teruk andainya dunia menerimapakai polisi lain. Memandangkan segala kawalan dan halangan yang dikenakan terhadap institusi hartanah persendirian dalam setiap bidang berpunca dari polisi anti-liberal, tidak masuk akal langsung untuk membuat sebarang kesimpulan mengenai kesahihan prinsip liberal, semata-mata berdasarkan hakikat bahawa keadaan ekonomi kini bukannya seperti yang diharapkan. Untuk menghargai pencapaian liberalisme dan kapitalisme, seseorang patut membandingkan keadaan sekarang dengan keadaan pada zaman pertengahan atau pada abad-abad awal zaman moden.

Kini, kita hanya dapat membuat kesimpulan melalui pertimbangan teori, mengenai apa yang mungkin dicapai oleh liberalisme dan kapitalisme jika ia diberi kebebasan bertindak.

Liberalisme dan Kapitalisme

Masyarakat yang melaksanakan prinsip liberal biasanya bergelar masyarakat kapitalis, dan keadaan masyarakat tersebut pula disebut sebagai kapitalisme. Oleh kerana polisi ekonomi yang diunjurkan liberalisme tidak dapat dipraktikkan dengan sepenuhnya di merata dunia, keadaan dunia sekarang memberi gambaran yang tidak sempurna mengenai makna dan pencapaian kapitalisme jika ia dibenarkan berkembang sehingga penuh. Walaupun begitu, kita boleh mengatakan bahawa zaman ini zaman kapitalisme, kerana segala punca kekayaan pada zaman kita dapat dijejaki kembali kepada institusi kapitalis. Idea liberal yang masih hidup dalam masyarakat dan dalam sistem kapitalisme kita telah membolehkan sejumlah besar manusia sezaman kita menikmati tahap kehidupan yang jauh lebih tinggi daripada tahap beberapa generasi dahulu, dan yang itu pun hanya dinikmati oleh golongan kaya dan bernasib.

Namun gambaran fakta-fakta ini amat berbeza dalam retorik demagog yang biasa. Mendengar hujah mereka, seseorang akan terfikir bahawa segala kemajuan dalam teknik pengeluaran berbalik kepada sekumpulan kecil yang dipilih kasih, manakala kehidupan masyarakat massa bertambah sengsara. Walau bagaimanapun, apabila seseorang itu berfikir sejenak, dia akan menyedari bahawa hasil segala inovasi teknologi dan industri kini dapat memberi kepuasan kepada masyarakat massa dengan lebih baik. Segala industri besar yang mengeluarkan barangan pengguna memanfaatkan mereka secara langsung; segala industri yang mengeluarkan mesin dan keluaran separa-siap memanfaatkan mereka secara tidak langsung. Perkembangan industri pada abad-abad kebelakangan ini, seperti juga perkembangan industri abad ke-18, yakni "Revolusi Industri", telah menghasilkan kepuasan yang lebih baik terhadap keperluan masyarakat massa. Melalui ciri-cirinya yang menjimatkan tenagakerja dan masa, kemajuan industri pakaian, penggunaan mesin dalam pengeluaran kasut dan pembaikan dalam pemerosesan dan pengagihan barangan makanan telah memanfaatkan masyarakat massa yang paling meluas. Masyarakat massa hari ini mendapat pakaian dan makanan yang lebih baik daripada sebelumnya kerana kemajuan industri-industri ini. Walau bagaimanapun pengeluaran massa memberi bukan sahaja makanan, tempat berlindung dan pakaian, tetapi juga kehendak lain masyarakat

massa. Akhbar, seperti juga dengan industri filem, menawarkan perkhidmatannya kepada masyarakat massa; malah teater dan lain-lain bentuk seni yang kukuh, kian menjadi tempat hiburan masyarakat massa.

Walau bagaimanapun, akibat propaganda fanatik daripada parti-parti anti-liberal yang memutarbelitkan fakta-fakta, orang hari ini mengaitkan idea liberalisme dan kapitalisme dengan imej dunia yang terjebak di dalam lurah kesengsaraan dan kemiskinan yang semakin bertambah. Namun, sebanyak mana propaganda yang bersifat celaan dibuatpun, ia tidak akan berjaya memberi konotasi negatif kepada perkataan “liberal” dan “liberalisme”, seperti yang diharapkan demagog. Usaha propaganda anti-liberal tidak dapat memadamkan fakta bahawa perkataan-perkataan ini berdaya mencetuskan perasaan yang dirasai oleh orang biasa apabila dia terdengar perkataan “kebebasan”. Oleh itu, propaganda anti-liberal mengelak daripada menyebut perkataan “liberalisme” terlalu kerap dan lebih suka mengaitkan keburukan yang dikatakan berpunca daripada sistem liberal dengan istilah “kapitalisme”. Perkataan tersebut mencetuskan imej seorang kapitalis yang keras hati, yang hanya memikirkan bagaimana mengaut kekayaan untuk dirinya sendiri walaupun ia mungkin melibatkan penindasan orang lain.

Apabila seseorang membuat tanggapannya mengenai seorang kapitalis, dia tidak akan terfikir bahawa susunan sosial yang berlandaskan prinsip liberal yang sebenar membuka hanya satu jalan kepada usahawan dan golongan kapitalis ke arah kekayaan, yakni dengan membekalkan kepada rakan se manusia benda-benda yang mereka fikir mereka sendiri perlukan. Propaganda anti-liberal tidak mengaitkan kapitalisme dengan kemajuan yang mengagumkan dalam tahap kehidupan masyarakat massa, tetapi menyebut kapitalisme apabila merujuk kepada fenomena yang timbul hanya kerana kekangan terhadap liberalisme. Tidak ada rujukan dibuat kepada fakta bahawa kapitalisme telah meletakkan gula – satu barangan yang merupakan barangan mewah dan juga makanan asas – ke dalam tangan masyarakat massa. Kapitalisme hanya dihubungkan dengan gula apabila harga gula dinaikkan melebihi harga dunia pasaran akibat tindakan sesuatu kartel. Seolah-olah perkembangan sebegini dapat berlaku dalam susunan sosial yang melaksanakan prinsip liberal! Di negara yang mempunyai regim liberal, di mana tidak ada tarif, mustahil akan wujud sebuah kartel yang berupaya menaikkan harga komoditi mengatasi harga dunia pasaran.

Demagog anti-liberal, yang menuduh liberalisme dan kapitalisme sebagai bertanggungjawab di atas segala pembaziran dan kesan buruk polisi anti-liberal, menggunakan urutan hujah seperti berikut: Seseorang bermula dari andaian bahawa tujuan prinsip liberal adalah untuk menggalakkan kepentingan kapitalis dan usahawan dengan merugikan kepentingan penduduk yang lain, dan bahawa liberalisme ialah polisi yang memihak kepada yang kaya berbanding dengan yang miskin. Kemudian seseorang memerhatikan bahawa ramai usahawan dan kapitalis, di bawah keadaan tertentu, mengajukan tarif perlindungan, dan yang lain pula – yakni pengeluar senjata – menyokong polisi “persediaan kebangsaan”; dan, tanpa hujung pangkal membuat kesimpulan bahawa polisi-polisi ini semestinya polisi “kapitalis”.

Walau bagaimanapun, ini tidak benar; sebenarnya liberalisme bukan polisi yang berpusatkan kepentingan mana-mana kumpulan tertentu, tetapi polisi yang berpusatkan kepentingan seluruh umat manusia. Oleh itu, dakwaan bahawa usahawan dan kapitalis menyokong liberalisme kerana sebab-sebab tersendiri adalah tidak betul. Mereka menyokong program liberal berdasarkan sebab yang sama dengan orang lain. Mungkin ada kes individu dalam mana sesetengah usahawan dan kapitalis menyembunyikan minat khas mereka dalam program liberalisme; tetapi minat khas usahawan dan kapitalis lain yang bersaing dengan minat mereka, akan sentiasa wujud. Hal ini tidak semudah seperti yang disangka oleh orang yang mengesyaki “minat” dan “pihak yang berkepentingan” di mana-mana jua. Contohnya, apabila sesebuah negara mengenakan tarif terhadap besi, penjelasan untuk tindakan ini tidaklah semudah ‘dibuat untuk memanfaatkan syarikat-syarikat besi’. Di dalam negara, ada juga orang yang mempunyai kepentingan bertentangan, malah antara usahawanpun; dan apa-apa pun halnya, mereka yang menerima faedah daripada tarif ke atas besi ialah minoriti yang kian berkurangan. Rasuah juga tidak dapat menjelaskan tindakan ini kerana orang yang dapat dirasuah hanyalah golongan minoriti; dan, lagipun, kenapakah hanya satu kumpulan – pelindung – merasuah, dan bukannya penentang mereka, pedagang bebas?

Hakikatnya begini: ideologi yang membenarkan pengenaan tarif perlindungan bukannya dicipta oleh “pihak berkepentingan” atau oleh orang yang disogok pihak berkepentingan, tetapi oleh penggubal ideologi yang memberi kepada dunia, idea yang memandu perjalanan urusan manusia. Dalam zaman kita, di mana idea anti-liberal berkuasa, hampir semua orang mempunyai pendapat yang sama, sepertimana seratus tahun yang

lalu kebanyakan orang mengikut ideologi liberal ketika itu. Jika ramai usahawan hari ini mengusulkan tarif perlindungan, ia sebenarnya kesan polisi anti-liberalisme. Ia tidak ada kena-mengena langsung dengan liberalisme.

Daripada Ludwig von Mises, *Liberalism in the Classical Tradition* (Liberalisme dalam Tradisi Klasik), diterjemahkan kepada Bahasa Inggeris oleh Ralph Raico, edisi ke-3, Irvington-di-Hudson, New York, 1985, ms. 1-5, 7-13.

John Locke: SERUAN UNTUK TOLERANSI

Ahli falsafah Inggeris John Locke (1632-1704) dianggap oleh ramai ahli sejarah sebagai pengasas semangat sebenar liberalisme. Falsafah politiknya berdasarkan idea kontrak sosial yang diputuskan secara demokratik bagi tujuan perlindungan hak dan harta individu. Idea Locke inilah yang memberi ilham kepada Deklarasi Kemerdekaan Amerika Syarikat. Tambahan lagi beliau menyokong toleransi agama pada waktu toleransi sebegitu jarang kedapatan, sepertimana yang ditunjukkan dalam petikan "Surat Mengenai Toleransi" (1689).

Bagi saya komanwel kelihatan seperti sebuah masyarakat yang dibentuk hanya untuk memperoleh, memelihara, dan memajukan kepentingan awam mereka. Saya huraikan kepentingan awam sebagai kehidupan, kebebasan, kesihatan dan kesenangan badan; dan pemilikan benda-benda seperti wang, tanah, rumah, perabot dan sebagainya. Majistret awam, bertugas untuk memastikan benda-benda yang wujud dalam kehidupan ini dimiliki secara adil oleh semua orang secara amnya, dan oleh setiap ahli masyarakat secara khususnya, melalui pelaksanaan tanpa berat-sebelah undang-undang saksama. Jika sesiapa berniat untuk melanggar undang-undang keadilan dan kesaksamaan awam yang ditubuhkan untuk memelihara benda-benda ini, niatnya harus disekat dengan menakutkannya terhadap hukuman yang bakal diterima. Hukuman ini terdiri daripada penarikan atau penyusutan kepentingan awam atau benda-benda yang patut dinikmatinya seperti yang disebut di atas. Tetapi kerana tiada orang yang rela menerima hukuman yang berbentuk penarikan hartanya, apa lagi kebebasan atau nyawanya, maka majistret diberikan kuasa dan amanat rakyat untuk melaksanakan hukuman terhadap mereka yang melanggar hak orang lain.

Memandangkan keseluruhan bidang kuasa majistret hanya bertumpu kepada hal-hal awam, dan semua kuasa, hak dan dominion awam terikat dan terhad kepada penjagaan perkara-perkara ini, dan ia tidak harus diperluaskan kepada penyelamatan rohani; pada saya perkara-perkara yang berikut amat terselah.

Pertama, kerana penjagaan rohani bukan tanggungjawab majistret, mahupun orang lain. Tugas ini bukannya diarahkan oleh Tuhan; kerana nampaknya Tuhan tidak pernah memberi kuasa sebegini kepada seorang manusia sehingga mereka memaksa orang lain untuk mengikut perintah agamanya. Kuasa sebegini juga tidak boleh diberi kepada majistret dengan persetujuan rakyat; kerana tiada orang yang akan membiarkan penyelamatan rohaninya. Manusia juga tidak akan secara membabi-butu membiarkan

orang lain, sama ada raja atau rakyat, menentukan pegangan iman atau ibadat mereka. Kerana tiada orang yang dapat dapat menghayati imannya berpandukan kehendak orang lain walau sebanyak mana pun dia mencuba. Segala jiwa dan kuasa agama yang sebenar wujud dalam pemikiran dan desakan minda; dan iman tidak akan menjadi iman tanpa kepercayaan. Walau apa pun kepercayaan kita terhadap apa-apa ibadat, jika kita tidak betul-betul puas hati bahawa kepercayaan kita adalah yang tulen dan ibadat kita diterima Tuhan, kepercayaan dan amalan sebegini bukan sahaja tidak akan dapat menyelamatkan rohani kita, malah ia akan menjadi halangan besar kepada matlamat tersebut. Kerana, dengan menunaikan amalan atau ibadat yang tidak disenangi Tuhan, bukan sahaja kita tidak dapat menebus dosa, malah kita sebenarnya menambahkan dosa kita apabila kita melakukan sesuatu yang hipokrit dan memurkakan Tuhan.

Kedua, penjagaan rohani bukan tugas majistret awam kerana kuasanya terbatas kepada tindakan duniawi: tetapi agama yang betul-betul dapat menyelamatkan rohani seseorang terletak pada gesaan dalaman minda, dan tanpa ini, tiada yang dapat diterima oleh Tuhan. Dan inilah lumrah pemahaman agama: ia tidak dapat dipaksa dari luar. Tiada sebarang hukuman duniawi, sama ada rampasan tanah, penjara, penyeksaan, yang dapat mengubah penilaian dalaman seseorang manusia.

Ketiga, mari kita pertimbangkan tugas majistret dalam isu toleransi: yang sememangnya amat berat. Kita telah membuktikan bahawa penjagaan rohani bukan tugas majistret: Walaupun bidang kuasa majistret, yang terdiri daripada penetapan undang-undang dan desakan mengikut hukuman, dapat menyakinkan dan mengubah pemikiran manusia, ia tidak akan dapat menyelamatkan rohani mereka. Tetapi penjagaan yang murah hati, yakni dalam bentuk ajaran, teguran dan pujukan, tidak boleh dinafikan kepada manusia. Penjagaan rohani ialah milik dirinya sendiri dan harus dibiarkan begitu. Tetapi bagaimana pula jika dia mengabaikan penjagaan rohaninya? Jawapan saya, bagaimana pula jika dia mengabaikan penjagaan kesihatannya, atau hartanahnya, yang lebih relevan kepada kerajaan majistret daripada benda-benda lain? Adakah majistret akan menggubal yang mencegah manusia daripada menjadi miskin atau sakit?

Undang-undang memastikan agar kepunyaan dan kesihatan rakyat tidak dicabuli oleh penipuan dan penindasan orang lain, tetapi ia tidak dapat mencegah mereka daripada mengabaikan atau menyalahgunakan kepunyaan dan kesihatan mereka sendiri. Tiada

sesiapa pun yang dapat dipaksa untuk menjadi kaya atau sihat. Tuhan sendiri pun tidak akan menyelamatkan manusia daripada angkara mereka sendiri.

Namun begitu, bayangkanlah jika seorang raja memaksa rakyatnya untuk menjadi kaya dan memelihara kesihatan dan kekuatan tubuh badan mereka. Adakah kita akan menggubal undang-undang yang akan memaksa mereka berjumpa dengan doktor-doktor Romawi dan mengikat mereka kepada rawatan tersebut? Jadi, tidakkah mereka boleh mengambil sesuatu ubat atau bubur melainkan apa yang disediakan di Vatican, contohnya, atau di sebuah kedai di Geneva? Atau, supaya rakyat menjadi kaya, patutkah kita menggubal undang-undang yang memaksa mereka menjadi pedagang atau ahli muzik? Atau patutkah semua orang menjadi penyedia makanan dan minuman atau bekerja sebagai tukang kerana ada di antara mereka yang dapat menyara hidup keluarga mereka dengan begitu baik dan menjadi kaya dalam kerjaya-kerjaya tersebut.

Tetapi bagaimana pula kalau orang mendakwa bahawa ada seribu jalan ke kekayaan tetapi hanya satu ke syurga? Ini sememangnya kata-kata yang pandai, terutamanya apabila ia ditutur oleh mereka yang ingin memaksa orang lain untuk mengikut cara tertentu; kerana jika terdapat banyak cara untuk mencapai sesuatu matlamat, maka tidak akan wujud alasan untuk memaksa seseorang untuk mengikut cara tertentu.

Tetapi, jika saya ingin ke Baitulmuqaddis, apa yang saya perlukan hanyalah maklumat tepat lokasinya; jadi kenapa pula saya dipukul dan dicabuli orang lain kerana saya tidak memakai kasut but, contohnya, atau kerana rambut saya tidak mengikut potongan yang betul, atau kerana saya tidak mengikut fesyen yang betul; kerana saya makan daging yang tidak disembelih atau makanan kesukaan saya semasa dalam perjalanan; kerana saya mengelak jalan-jalan kecil tertentu yang pada saya seolah-olah menuju ke belukar berduri atau tebing jurang; kerana saya memilih lorong yang paling lurus dan bersih antara beberapa lorong dari jalan yang sama; kerana saya tidak mahu ditemani pengembara tertentu yang tidak cukup serius dan juga yang bermasam muka; atau secara terperinci, kerana saya mengikut panduan yang, sama ada ya atau tidak, berjubah putih dan berserban.

Sememangnya jika kita pertimbangkan betul-betul, kita akan dapati bahawa perkara-perkara remeh-temeh seperti yang disebut ini boleh diamali atau ditinggalkan, tanpa memperlekehkan agama atau penyelamatan rohani asalkan tidak berlandaskan

kepercayaan karut atau hipokrisi; saya mengatakan bahawa perkara-perkara sebeginilah yang melahirkan permusuhan yang tidak dapat dileraikan di kalangan persaudaraan Kristian walaupun mereka saling bersefahaman dalam perkara-perkara yang penting dan asas dalam agama Krisitian.

Tetapi jika kita mengakui pandangan orang fanatik yang mengutuk segala benda yang tidak mengikut cara mereka, dan keadaan-keadaan sebegini menghasilkan kesudahan-kesudahan yang berbeza-beza, apa pula yang dapat kita simpulkan? Hanya satu antara pelbagai jalan ini yang merupakan jalan sebenar ke kebahagiaan abadi. Namun kerana wujud pelbagai cara yang diikuti manusia, kita masih tidak pasti cara mana satu yang betul.

Tiada kerajaan mahupun undang-undang yang terbaik dapat memastikan bahawa majistret dapat menemui jalan ke syurga dengan lebih berkesan daripada usaha individu untuk mencari jalan tersebut. Badan saya lemah kerana ditimpa penyakit dan saya rasa hanya ada satu penawar yang malangnya tidak diketahui; adakah tugas majistret pula untuk menentukan penawar tersebut, semata-mata kerana terdapat satu penawar dan tidak diketahui pun apa penawar tersebut? Kerana hanya satu cara untuk mengelakkan diri saya daripada maut, lebih selamatkah jika saya mengikut arahan majistret?

Perkara-perkara yang patut disoal oleh setiap orang dan diketahui melalui meditasi, kajian, carian dan usahanya sendiri, tidak patut dilihat sebagai sesuatu yang dibuat oleh orang-orang tertentu sahaja. Raja sememangnya dilahirkan dalam kedudukan yang lebih tinggi daripada orang lain dari segi kuasa; tetapi dari segi sifat raja setaraf dengan rakyat. Hak atau keupayaan memerintah tidak bermakna pemerintah tersebut akan berpengetahuan mengenai perkara-perkara lain; apatah lagi dengan agama sebenar; kerana jika benar mereka berpengetahuan sedemikian, bagaimana pula fahaman dan pelaksanaan hal-hal keagamaan oleh raja-raja di dunia ini begitu jauh berbeza?

Daripada: John Locke, *Ein Brief uber Toleranz* (Sepucuk surat mengenai Toleransi), penyunting J. Ebbinghaus, Hamburg 1957, ms. 12-14, 42-46.

William Leggett: HAK RAKYAT

Sebagai penerbit dua jurnal di New York, the *Evening Post* dan the *Plaindealer*, William Leggett (1801-1839) terbukti seorang wartawan yang paling berkesan dalam sayap laissez-faire pengikut Presiden Amerika Syarikat Andrew Jackson (1829-1837). Pentadbiran Jackson dianggap zaman kegemilangan yang sebenar liberalisme klasik di Amerika Syarikat. Pada ketika itu, kuasa agung kerajaan dikurangkan secara mendadak. Dalam karangannya yang ditulis dengan amat bergaya, Leggett mempertahankan perdagangan bebas, hak negeri dan sebuah demokrasi yang tertakluk kepada had-had perlembagaan yang radikal. Beliau seorang penentang yang paling konsisten dalam soal penghambaan di negeri-negeri Selatan.

Dalam taklimat terakhirnya kepada Kongres, Presiden Amerika Syarikat Andrew Jackson (1829-1837) memberi pendapat berikut yang kita akan jadikan subjek komentari ringkas ini: “Andaian bahawa oleh sebab Kerajaan kita ditubuhkan untuk kebaikan rakyat, maka ia semestinya diberi kuasa untuk berbuat apa-apa yang nampaknya akan memberi kebaikan umum, adalah satu kesilapan yang boleh dibuat oleh minda yang jujur sekalipun.”

Sesiapa yang telah meneliti jalan yang dipilih oleh Kerajaan Umum dan Negeri sejak penubuhannya, kini sudah tentunya yakin bahawa satu daripada kezaliman yang terbesar dalam sistem kita berpunca daripada terlalu banyak undang-undang. Sudah pastinya, jika kita mengumpul akta-akta Kongres dan Perundangan Negeri, jumlahnya sampai beribu-ribu setahun. Mungkinkah rakyat Amerika Syarikat perlu disekat dan diganggu oleh pelbagai belunggu seperti ini; atau mustahilkah mereka dapat berkelakuan baik jika tidak digari setiap tahun oleh undang-undang dan peraturan baru? Setiap undang-undang yang berlebihan ialah ciptaan tidak bertanggungjawab dan tidak diperlukan, yang datang daripada kebebasan bertindak, dan undang-undang sebegini menjejaskan hak terpelihara rakyat. Mari kita lihat apakah hak-hak ini.

Semua kerajaan pada mulanya ditubuhkan untuk perlindungan diri dan harta; dan rakyat hanya mengamanahkan kepada pemerintah mereka kuasa-kuasa yang diperlukan untuk mencapai tujuan-tujuan agung ini. Semua kuasa yang tidak diamanahkan tinggal pada tangan rakyat, dan ini mungkin boleh dinamakan sebagai hak terpelihara mereka. Dalam mendefinisikan tujuan kerajaan, semua penulis bersetuju bahawa tujuannya adalah seperti yang dinyatakan tadi, yakni perlindungan hak diri dan harta. Apa pun kuasa yang diperlukan untuk tujuan ini telah diamanahkan oleh rakyat, manakala selainnya disimpan

mereka. Lindungilah diri dan harta mereka; dan selebihnya akan mereka tangani sendiri. Mereka tidak mahu sebarang kerajaan dibentuk untuk mengatur perihal peribadi mereka, mahupun untuk menentukan halatuju industri mereka dan menyalurkan keuntungan daripada industri mereka. Mereka tidak mahu penggubal undang-undang yang tidak arif tentang hal-hal mereka; mereka tidak mahu campurtangan kerajaan dalam bengkel kerja dan bidang mereka; dan mereka tidak mahu kehakiman untuk membuat keputusan mengenai perkelahian dalaman mereka. Mereka memerlukan sistem undang-undang yang memelihara hak dan harta mereka yang pada masa yang sama menghalang pencabulan hak dan harta sesama sendiri.

Untuk mencapai objektif utama dalam pembentukan kerajaan, tidak ada sebarang alasan hak-hak istimewa boleh diberi kepada satu kelas masyarakat dan tidak pula kepada orang lain untuk dinikmati secara saksama. Hak-hak istimewa sebegini akan menghancurkan matlamat mulia semua bentuk kerajaan, kerana ia cenderung menghasilkan, atau sekurang-kurangnya memperkuatkan, ketidaksamarataan kekayaan dan pengaruh yang merupakan punca-punca ancaman terhadap orang perseorangan dan harta, dan ini sepatutnya dilindungi kerajaan. Haluan sebegini akhirnya akan cenderung menguatkan mereka yang sudah kuat dan melemahkan mereka yang lemah. Ini menyenangkan lagi pencabulan terhadap hak diri dan harta mereka yang lemah.

Antara hak-hak yang diperuntukkan oleh rakyat Amerika Syarikat kepada diri mereka sendiri ialah kesamarataan menyeluruh dalam hak keistimewaan awam. Hak ini wujud secara tersirat pada semua golongan rakyat dan hanya dilucutkan apabila dinyatakan oleh rakyat. Tetapi bagi rakyat Amerika Syarikat, hak ini bukan sahaja tersirat, tetapi dijamin, dan ditegaskan, dan diakui sebagai prinsip asas dalam perlembagaan umum kerajaan dan negeri-negeri. Wakil-wakil kerajaan Amerika Syarikat diberi hak untuk campurtangan dalam hal persendirian rakyat hanya dalam hal perdagangan. Sebabnya jelas. Kuasa untuk campurtangan dalam hal perdagangan amat diperlukan oleh kerajaan supaya ia dapat menubuhkan sistem undang-undang dan cukai yang seragam, dan membuat perjanjian komersial dengan negara asing. Tanpa kuasa ini, satu sistem tetap bagi perdagangan asing tidak akan wujud; setiap orang mungkin membuat persetujuan peribadinya tanpa mengikut sebarang peraturan. Justeru itu kerajaan hanya tertinggal dua pilihan: sama ada membiarkan sahaja kapal-kapal dan tidak campurtangan dalam hal-hal perdagangan atau berperang untuk melindungi pihak-pihak yang tidak dapat dikawalinya. Dan hanya setakat inilah kuasa ini untuk “mengawal”

usaha industri. Kuasa ini tidak diperlukan untuk mencapai matlamat sesebuah kerajaan yang baik demi mana-mana kelas, dan ianya tidak pernah diakui oleh komuniti secara lisan mahupun tersirat.

Namun jika kita meneliti haluan perundangan dalam Amerika Syarikat sejak ia menerima pelbagai bentuk-bentuk kerajaan, kita akan mendapati bahawa badan-badan perundangan telah sering dipergunakan secara sistematik, atas seribu satu alasan, untuk menarik-carikkan hak terpelihara rakyat. Sembilan persepuluh dari perundangan mereka terdiri daripada pencerobohan terhadap prinsip agung, yakni hak saksama; tanpa perlindungan hak saksama, tiada bangsa yang dapat mengekalkan kebebasannya. Wakil-wakil rakyat semakin merampas dan menggunakan semua hak yang sebenarnya milik rakyat jika kerajaan kita ditadbir dengan tulen. Kerja wakil rakyat sekarang ialah seolah-olah menggubal undang-undang istimewa, bukannya undang-undang am; mereka menggubal undang-undang bukan untuk semua, tetapi hanya untuk segolongan kecil; mereka bukan memelihara hak rakyat, tetapi memberikannya pula kepada korporat. Ada korporat bagi tujuan amal derma – kerana manusia tidak boleh menderma kepada yang miskin kecuali jika mereka dikorporatkan; ada juga korporat bagi tujuan pendidikan – kerana kanak-kanak tidak akan belajar kecuali dalam sistem yang memberi keistimewaan eksklusif; korporat bagi tujuan memintal dan menenun – kerana jentera dan kenderaan tidak akan bergerak kecuali jika mereka diperbadankan – korporat bagi ini dan itu, dan bagi apa pun matlamat yang direka oleh manusia yang mahu meraut wang. Setiap satunya bukan sahaja menikmati peluang keistimewaan yang dinafikan untuk yang lain (dan peluang yang hanya dapat dinikmati oleh mereka yang kaya kerana asas korporat-korporat ini ialah duit, duit, duit), malah setiap satunya juga melanggar hak terpelihara rakyat umum. Kerajaan seolah-olah melucutkan sebahagian daripada kedaulatan rakyat untuk seketika atau selamanya, atau mengganggu matlamat industri persendirian dengan melahirkan pesaing yang pasti memusnahkan perniagaan mereka.

Dengan cara ini kerajaan negara dan negeri kita telah, sehingga akhir-akhir, digunakan untuk mencuri hak-hak terpelihara sejumlah besar rakyat, untuk memberi atau menjualkannya kepada beberapa golongan kecil yang kaya, dan dengan itu, melalui bantuan hak-hak tertentu, membolehkan mereka bergabung dengan lebih berjaya untuk menentang hak dan usaha individu. Rakyat diletakkan antara dua bahang api. Pada satu sisi pihak Kongres menubuhkan Bank besar dan memberi puluhan juta dolar

kepada korporat besar dari semua bidang; pada sisi yang lain pula negeri-negeri Amerika Syarikat membentuk satu lagi belunggu, yakni pelbagai jenis badan yang mempunyai hak istimewa, setiap satunya memerintah kawasannya sendiri; setiap satunya menelan perniagaan individu; setiap satunya menentukan harga barangan dan kadar kerja, dan setiap satunya sebuah kawasan undi yang korup (*rotten borough*) dan mengundi kembali ahli Kongres. Pada suatu masa dahulu, kawasan-kawasan *rotten borough* ini, sepertimana yang pernah berlaku di England, telah mengundi kembali majoriti ahli Kongres! Tidak hairanlah perlindungan dan larangan, pembaikan dalaman, dan hak-hak korporat antara satu-satunya kata-kata yang terdengar dalam badan kehormat itu; dan tidak hairanlah suara rakyat terbengkalai. Jika tidak kerana Andrew Jackson yang jujur, berani, serta berfikiran murni dan jelas, dan penasihat-penasihatnya yang dihormati, tiada secebis hak terpelihara rakyat pun yang akan tinggal akibat dari pelaksanaan prinsip (yang disangkal oleh orang yang agung dan bijak) yang berbunyi “kerana kerajaan kita ditubuhkan untuk kebaikan rakyat maka ia semestinya diberi kuasa untuk berbuat apa-apa yang nampaknya akan memberi kebaikan umum.”

Prinsip ini membenarkan sesebuah kerajaan untuk berbuat apa-apa sahaja atas alasan bertindak untuk kebaikan umum. Ia akan menjadi alat ahli politik yang bermuslihat, spekulator yang berminat, atau penyokong yang tidak berakal. Ia akan semakin merampas segala hak-hak terpelihara rakyat; ia akan menjadi hakim kejayaan ekonomi individu; dan oleh itu sebelum kita menyedarinya, kita akan menjadi mangsa depotisme yang baru, yang mempunyai sistem undang-undang yang dibuat oleh kita sendiri. Masa akan menentukan sama ada gari-gari buatan sendiri ini lebih ringan kerana telah dipahat oleh rakyat sendiri.

Daripada: *Evening Post*, 13 Disember 1834; dipetik daripada: William Leggett, *Democratick Editorials. Essays in Jacksonian Political Economy* (Karangan mengenai Ekonomi Politik Jacksonisme) penyunting Lawrence H. White, Indianapolis 1984 (Liberty Fund), ms. 7-11.

Wilhelm von Humboldt: TUJUAN KEWUJUDAN MANUSIA

Wilhelm von Humboldt (1767-1835), negarawan Prussia dan penyelidik dan ahli falsafah bidang bahasa, ialah wakil pemikiran neo-humanisme German yang paling penting. Aliran pemikiran ini menganggap tujuan kewujudan sebenar manusia terletak pada kesempurnaan perkembangan kebolehan individu. Di dalam karyanya, *The Limits of State Action* (Had-had Tindakan Pemerintah) yang ditulis pada 1792 tetapi hanya diterbitkan selepas kematiannya pada 1851, Humboldt mengolah idea ini dalam bentuk yang sangat liberal, dan menyeru kepada penubuhan negara dan pemerintahan yang minimal (*minimal state*). Pada pandangannya, negara hanya perlu memelihara kebebasan, yakni syarat yang sangat penting bagi perkembangan individu, dan tidak lebih dari itu.

Matlamat kemuncak Manusia (yang ditentukan oleh peraturan berdasarkan akal budi yang abadi dan tidak boleh diubah, dan bukannya berdasarkan kehendak yang berubah-ubah dan tidak jelas) ialah perkembangan yang setinggi-tinggi dan yang paling harmonis kesemua dayanya ke arah kesempurnaan dan ketekalan. Kemungkinan berlakunya perkembangan ini berdasarkan satu syarat yang utama dan sangat diperlukan, iaitu kebebasan; tetapi ada sesuatu syarat lagi yang penting – yang berkait rapat dengan kebebasan – iaitu kepelbagaian situasi yang sebenar. Manusia yang sebebaskan dan seberdikari mana sekali pun akan terjejas perkembangannya apabila diletakkan dalam keadaan yang tidak berubah-ubah. Tetapi, seperti mana yang terbukti jelas, pada suatu sisi, kepelbagaian ini dihasilkan oleh kewujudan kebebasan, dan pada sisi yang lain pula ada spesis penindas, yang walaupun tidak mengenakan kekangan terhadap manusia itu sendiri, mempengaruhi keadaan sekeliling; kedua-dua syarat ini, yakni kebebasan dan kepelbagaian, boleh dianggap, dari satu sudut, sebagai sama sahaja. Namun, kekaburan pemahaman kita boleh diperjelaskan dengan menunjukkan perbezaan antara keduanya.

Setiap manusia boleh bertindak hanya dengan menggunakan satu kebolehan yang dominan pada sesuatu masa; atau dalam kata lain, keadaan semulajadi menyediakan kita, pada masa-masa tertentu, untuk satu bentuk aktiviti spontan. Jadi, ini nampaknya bermakna, manusia ditakdirkan ke arah mempertingkatkan sebahagian dari dirinya, kerana menumpukan tenaga kepada terlalu banyak matlamat akan melemahkannya.

Tetapi manusia mempunyai kuasa untuk mengelak keadaan 'berat-sebelah' ini dengan berusaha untuk menyepadukan berbagai kebolehannya yang berlainan dan berasingan.

Dia dapat berbuat demikian dengan menyatukan secara spontan pada setiap detik hidupnya beberapa perkara – yakni aktiviti-aktiviti yang kian lesu, aktiviti yang akan dihidupkan semula di masa yang akan datang – dan dengan meningkatkan dan mempelbagaikan dayaupayanya, dengan menyepadukan kesemua perkara tersebut dan bukan hanya mencari pelbagai matlamat bagi tujuan berasingan. Apa yang dicapai, dalam kes seorang individu, melalui penyepaduan masa lampau dan masa hadapan dengan keadaan semasa, dihasilkan dalam lingkungan masyarakat melalui saling kerjasama di antara ahlinya; kerana, pada setiap peringkat hidupnya, setiap individu hanya boleh mencapai hanya salah satu daripada pelbagai kesempurnaan itu, yang mencerminkan pelbagai ciri-ciri sifat manusia. Justeru itu, hanya melalui penyatuan sosial inilah, berdasarkan kesemua kehendak dan kebolehan ahli-ahlinya, setiap orang dapat mengambil bahagian dalam kekayaan sumber yang dikumpul daripada kalangan ahli-ahli yang lain. Pengalaman berbagai negara, yang paling kasar sekalipun, memberi kita contoh penyatuan yang menjadi pembentuk kelakuan individu, iaitu pergabungan kedua jantina. Dan, walaupun dalam kes ini perbezaan dan juga keinginan untuk bersatu adalah lebih jelas dan terang, keinginan untuk penyatuan, dalam pergabungan-pergabungan yang lain di mana tidak terdapat perbezaan jantina sekalipun, tidak kurang aktif; cuma lebih sulit untuk dikenalpasti di sini dan mungkin kerana kesulitan ini jugalah, keinginan ini lebih penting.

Jika kita terus mendalami idea ini, ianya mungkin akan membawa kita kepada pengertian yang lebih jelas mengenai perhubungan-perhubungan zaman silam, terutamanya orang Yunani, di mana pembuat-pembuat undang-undang juga terlibat dalam perhubungan-perhubungan tersebut. Apa yang saya maksudkan ialah perhubungan-perhubungan yang kerap tetapi memang tidak wajar, dinamakan cinta biasa, dan kadangkala tetapi tidak tepat, dinamakan persahabatan biasa. Keberkesanan kesemua perhubungan-perhubungan sebegitu sebagai sumber pemupuk kebolehan, bergantung sepenuhnya kepada tahap kejayaan kesemua individu dalam menggabungkan keberdikarian mereka dengan keakraban pergabungan tersebut; kerana tanpa keakraban ini, seseorang individu itu tidak akan dapat memiliki ciri-ciri orang lain, tapi pada masa yang sama, keberdikarian juga penting supaya setiap individu itu dapat menikmati perubahan ini dalam caranya yang tersendiri.

Dari satu sisi, daya dan tenaga individu itu penting kepada kedua-dua pihak; dan dari sisi yang lain pula, perbezaan di antara kedua-duanya, yang tidak terlalu besar

hinggakan satu pihak tidak mampu memahami yang lain, atau pun tidak terlalu kecil hinggakan tiada perasaan kagum terhadap kebolehan pihak yang lain, dan keinginan untuk menyerap dan mengasimilasikan sifat itu ke dalam perwatakan sendiri.

Jadi, kekuatan individu ini dan kepelbagaiannya, bergabung dalam satu bentuk original. Dan seterusnya setiap insan tidak boleh lupa terhadap satu perkara yang menjadi asas kemartabatan umat manusia dan matlamat yang memerlukan segala daya usaha dan sesuatu yang penting untuk mempengaruhi orang lain – keindividualan upaya dan waja diri. Sepertimana keindividualan berputik secara semulajadi daripada kebebasan bertindak dan daripada kepelbagaian agen-agen perubahannya, begitu jugalah ia melahirkan kebebasan dan agen-agen tersebut. Pada kacamata seseorang yang sempurna keindividualannya, sesuatu yang tidak bernyawa yang dalam proses perubahan berperingkat sekali pun akan tampak seperti mempunyai keindividualannya tersendiri. Dia akan membawa dirinya ke dalam alam semulajadi itu sendiri; memang benar bahawa setiap manusia mengamati keindahan dan kekayaan dunia di luar dirinya sepertimana dia mengenali keindahan ini di dalam dirinya sendiri. Apabila manusia bukan sahaja terbuka secara pasif kepada perasaan dan pengaruh dari luar tetapi juga merupakan suatu agen atau penggerak, kesan dan sebab ini akan bertambah terjalin sebagaimana perasaan dalaman dan persepsi luaran.

Justeru itu, berdasarkan hujah-hujah di atas, saya membuat kesimpulan bahawa daya akal budi pasti akan mendorong manusia untuk menginginkan keadaan di mana setiap individu bukan sahaja menikmati kebebasan mutlak untuk membina dirinya melalui upayanya sendiri dalam kesempurnaan sifat individunya. Malah manusia akan menginginkan keadaan di mana dunia luarnya itu tidak digubah oleh manusia tetapi hanya menerima pengaruh dari setiap individu secara rela, berdasarkan kemahuan serta nalurinya, dan hanya dibatasi oleh keupayaan serta haknya.

Daripada prinsip ini, saya berpendapat, akal budi tidak harus menarik balik apa jua sekali pun melainkan terdesak. Jadi, ianya mesti menjadi asas setiap sistem politik dan titik permulaan perbincangan kita ini. Mengingat kesimpulan dari bab sebelum ini, kita dapat merangkumi idea kita mengenai peranan Kerajaan (dengan batasan-batasan had yang sepatutnya) dalam satu formula umum, dan mendefinisikan matlamatnya sebagai segala apa yang boleh dicapai oleh sesebuah kerajaan bagi kebaikan bersama, tanpa mengabaikan prinsip yang baru kita sepakati ini; dan, dari titik tolak ini, kita boleh

menyimpulkan batasan yang lebih ketat, yakni sebarang campurtangan dari kerajaan dalam hal-hal peribadi, yang tiada kena mengena dengan perlindungan hak dari pencabulan, harus dikecam hebat. Walaubagaimanapun, kita perlu meneliti, satu-persatu, bahagian-bahagian aktiviti sesebuah Kerajaan, sama ada yang biasa dilakukan atau yang bakal dilakukan, sebelum kita dapat menetapkan batasannya dengan lebih positif dan memberikan jawapan yang sempurna kepada persoalan kita di sini.

Jadi, sesebuah pemerintahan atau negara itu mempunyai dua matlamat; ia bertujuan untuk menggalakkan kebahagiaan atau untuk menjauhi keburukan, sama ada keburukan ini berlaku secara semulajadi mahupun diakibatkan oleh manusia. Jika sesebuah negara itu hanya menumpukan perhatian kepada matlamat kedua ini, ianya hanya menumpukan perhatian kepada isu keselamatan; dan saya menentang sama sekali konsep keselamatan ini dalam sebarang peranan negara, dan merangkumkan isu ini di bawah tajuk Kebajikan Positif. Tambahan pula, cara-cara yang digunakan oleh sesebuah negara akan memberi kesan pada tahap-tahap yang berlainan terhadap bidang aktiviti-aktiviti yang dilakukannya. Sesebuah negara itu mungkin akan mencapai matlamatnya, sama ada melalui 1) paksaan, dorongan melalui teladan dan gesaan; atau 2) ia mungkin akan menggabungkan kesemua ini dalam cubaannya untuk membentuk kehidupan warganya, dan untuk mencegah sebarang tindakan berlainan dengan kehendaknya; ataupun, akhir sekali, 3) ia mungkin akan cuba mempengaruhi fikiran warganya, supaya akur kepada kehendaknya. Terdapat beberapa tindakan yang khusus yang tergolong dalam pemantauan politik bentuk yang pertama di atas. Dalam kes kedua, kerajaan akan mempengaruhi gaya hidup seharian, manakala dalam kes ketiga di atas pula, kerajaan akan mempengaruhi dan mengawal perwatakan, pendapat dan corak pemikiran seseorang warga. Di samping itu, pengaruh 'agensi yang mengekang' ini paling minima dalam kes pertama di atas, lebih tinggi dalam kes kedua, dan paling tinggi sekali dalam kes ketiga; mungkin kerana ia menyentuh sumber-sumber yang bakal mencetuskan tindakan-tindakan yang lain, atau kerana kebarangkalian pengaruh ini meningkatkan keperluan terhadap institusi-institusi.

Tetapi, walau apa pun institusi atau jabatan tindakan politik yang mengawal ketiga-tiga bentuk pengaruh ini, hampir kesemuanya mempunyai hubungkait yang rapat. Contohnya, kebergantungan di antara pelaksanaan kebajikan dan pemeliharaan keselamatan; tambahan pula, apabila sebarang pengaruh yang membabitkan tindakan-tindakan tertentu diulangi sehingga menjadi tabiat, ia akan mengubah perwatakan atau

sifat itu sendiri. Kebergantungan di antara institusi-institusi politik menyebabkan kita sulit untuk mengklasifikasikan pelbagai aspek isu yang kita kaji ini. Namun, apa yang paling baik adalah mengkaji dari mula lagi, sama ada sesebuah kerajaan itu harus prihatin terhadap kebajikan positif negaranya, atau memadai dengan tugas-tugas menyediakan kelengkapan-kelengkapan keselamatan; dan, seterusnya, dengan menghadkan pandangan kita mengenai institusi kepada peranannya yang paling penting sama ada dari segi objektif mahupun dari segi natijahnya, kita perlu membincangkan cara-cara betul untuk mencapai matlamat-matlamat tersebut.

Maka, apa yang saya tekankan di sini adalah 1) keseluruhan usaha kerajaan untuk meningkatkan kebahagiaan negara; 2) segala usaha untuk menitikberatkan permintaan dan sara hidup penduduknya, sama ada secara langsung (seperti melalui undang-undang kemiskinan), atau secara tidak langsung (seperti sokongan bidang pertanian, industri dan perdagangan); 3) segala peraturan kewangan dan matawang, impot dan eksport, dan sebagainya (asalkan kesemua ini prihatin terhadap kebajikan positif); dan akhirnya, 4) kesemua langkah-langkah yang diambil untuk menghadapi atau mengelak dari bencana alam. Secara ringkasnya, setiap institusi politik ditubuhkan untuk memelihara atau menambah kebajikan fizikal sesebuah negara. Kebajikan moral biasanya tidak dibincangkan secara berasingan, tetapi sebagai isu yang merujuk kepada keselamatan, dan saya akan bincangkan ini kemudian nanti.

Pada pandangan saya, kesemua institusi ini memberikan akibat yang buruk, dan bercanggah dengan sistem pengaturan kemasyarakatan; yakni satu sistem yang telah dibina dengan aspirasi tinggi tetapi begitu tidak serasi dengan sifat manusia. Setiap institusi ini mempunyai semangat mahu memerintah; dan betapa bijak atau terpuji semangat ini, ia biasanya menghasilkan keseragaman nasional dan cara pergerakan yang terkekang dan dipaksa.

Sepatutnya manusia boleh berkumpul dalam komuniti-komuniti untuk mendisiplin dan memantapkan keupayaan mereka, walaupun untuk mencapai keadaan ini mereka mungkin terpaksa mengorbankan sebahagian dari barang berharga dan kebahagiaan mereka. Tetapi apa yang berlaku adalah mereka rela mengorbankan kuasa mereka demi kekayaan mereka. Kepelbagaian yang timbul akibat penyatuan individu-individu ini merupakan puncak kejayaan kehidupan sosial, dan apabila kerajaan campur tangan, kepelbagaian ini akan turut lenyap. Di bawah sistem sebegini, penyatuan di antara ahli-

ahli individu sesebuah negara bukan berdasarkan kontrak sesama manusia tetapi sebaliknya setiap orang mempunyai kontrak yang berasingan dengan negaranya, atau secara lebih tepat lagi, semangat yang wujud di dalam kerajaan – yakni satu perhubungan di mana keberadaan kerajaan itu membelenggu keupayaan bebas individu. Sebab-sebab tertentu mengakibatkan kesan-kesan tertentu; dan begitu juga dengan campurtangan negara: semakin meningkat campurtangan negara, semakin mirip setiap individu itu dengan individu lain, dan juga hasil dari aktiviti mereka. Sebenarnya, inilah yang dikehendaki pihak pemerintah. Mereka inginkan keselesaan, kemudahan, keamanan; dan ini akan hanya tercapai jika tiada perselisihan di antara individu.

Tetapi apa yang dilakukan dan dirancang oleh manusia adalah sangat berbeza – mereka inginkan kepelbagaian dan aktiviti. Hanya inilah yang membentuk sifat yang giat dan berwarna-warni. Pasti tiada seorang pun yang akan, bagi dirinya, lebih rela diberikan keselesaan dan kesenangan berbanding dengan kejayaan; sesiapa yang mengkehendaki keadaan sebaliknya boleh dianggap seseorang yang tidak faham sifat manusia dan ingin menjadikan manusia itu sebagai mesin.

Sebagai kesimpulan dari kesemua hujah-hujah di atas, prinsip pertama perbincangan ini adalah Kerajaan mesti berhenti menuntut apa jua atas nama kebajikan positif warganya; dan tidak boleh mengambil sebarang tindakan yang lebih dari apa yang benar-benar diperlukan bagi keselamatan dalam dan luar negeri; dan tidak boleh menggunakan matlamat lain untuk mengenakan kekangan terhadap kebebasan.

Dari: Wilhelm von Humboldt, *The Limits of State Action* (Had-had Tindakan Pemerintah) (penyunting) J.W. Burrow, Cambridge 1969, ms 16-18, 20-24, 37.

Adam Smith: PASARAN DAN INDIVIDU

Sungguhpun Adam Smith (1723-1790) seorang profesor falsafah di Edinburgh, beliau ialah pengasas sebenar ekonomi kebangsaan moden. Dalam karya falsafahnya yang utama, *Theory of Moral Sentiments* (Teori Sentimen Moral), yang merupakan satu karya klasik abad ke-18 mengenai falsafah moral dari Scotland, Smith cuba mengasaskan sistem etikanya berdasarkan pengamatan sifat manusia. Beliau menekankan nilai simpati. Dalam karya pelopornya mengenai ekonomi, *The Wealth of Nations*, beliau mengembangkan idea yang serupa tetapi premis utamanya ialah usaha manusia untuk memperoleh faedah ekonomi. Faedah ini paling sesuai untuk menggalakkan kebaikan umum apabila ia bebas bergerak mengikut had-had undang-undang. Sehingga hari ini, pengaruhnya berterusan dalam aliran liberal ekonomi pasaran, di mana beliau ialah pengasas sebenar.

Hasil industri ialah apa yang ia tambah kepada bahan yang digunakan untuk mengusahakannya. Keuntungan pengusaha berkadar langsung dengan nilai hasil ini, sama ada besar atau kecil. Tetapi hanya demi keuntunganlah manusia tergerak untuk melabur dalam sesuatu usaha; justeru itu manusia akan selalu cuba melabur dalam usaha yang akan memberi hasil yang terbesar nilainya, atau hasil yang dapat ditukar dengan jumlah wang atau barangan lain yang terbanyak mungkin.

Tetapi pendapatan tahunan masyarakat sentiasa sama dengan nilai pertukaran seluruh hasil tahunan industrinya, atau sebenarnya, nilai pertukaran itu. Oleh itu, apabila setiap individu berusaha menyokong industri tempatan dengan melaburkan modalnya di dalam industri tersebut dan mengarah halatuju industri supaya memberi pulangan yang terbesar nilainya, dia akan juga berusaha untuk menambah kepada pendapatan tahunan masyarakat sebanyak mana yang dia terdaya. Sebenarnya, dia tidak bermaksud untuk menyokong kepentingan umum, malah dia tidak tahu pun jumlah sokongan yang diberikannya. Oleh kerana dia memilih untuk menyokong industri tempatan dan bukannya industri asing, segala usahanya akan bertumpu kepada keselamatan dan kepentingan dirinya sendiri; dan dengan mengarah industri tersebut supaya nilai pulangannya terbesar yang boleh, tujuannya hanyalah untuk mengaut faedah untuk dirinya sendiri. Dalam hal ini, sepertimana yang lain, dia dipimpin oleh satu tangan halimunan untuk mencapai satu matlamat yang sebenarnya bukan merupakan tujuan asalnya. Ini tidak semestinya sesuatu yang buruk bagi masyarakat. Dengan mengejar kepentingan dirinya, seseorang individu kerap menguntungkan masyarakat dengan lebih berkesan lagi berbanding dengan apabila dia bermaksud untuk

menguntungkan masyarakat. Saya tidak pernah melihat banyak kebaikan yang dibuat oleh mereka yang kononnya berdagang demi kebaikan umum. Ia satu kepura-puraan, malah, tidak biasa berlaku di kalangan saudagar, dan sepatah dua kata pun sudah cukup untuk memujuk mereka supaya jangan berbuat demikian.

Apakah jenis industri yang boleh digunakan oleh modalnya untuk memberi hasil yang nilai terbesar? Jelas bahawa setiap individu yang berada dalam keadaan tempatan dapat membuat penilaian tersebut dengan lebih berkesan berbanding dengan sebarang negarawan atau penggubal undang-undang. Negarawan yang cuba mengarahkan individu ke arah penggunaan modal tertentu, bukan sahaja membebankan diri dengan perhatian yang amat tidak diperlukan, tetapi juga mengambilalih kuasa yang tidak dapat diamanahkan bukan sahaja kepada seorang individu, tetapi juga sebarang majlis atau senat. Dan kuasa ini paling bahaya dalam tangan seorang yang berani dan cukup bodoh untuk mempercayai bahawa dia berdaya melaksanakan tugas tersebut.

Undang-undang yang memberi monopoli pasaran tempatan kepada sebarang seni atau perusahaan industri tempatan, sama juga seperti mengarah orang persendirian berkenaan cara penggunaan modal mereka. Dalam hampir semua keadaan, undang-undang sebegini pastinya tidak berguna atau mengancam. Jika hasil tempatan dapat dibekalkan dalam pasaran tempatan semurah hasil industri asing, jelas bahawa undang-undang ini tidak berguna. Jika hasil tempatan tidak dapat berbuat demikian, ini bermakna bahawa undang-undang tersebut mengancam. Petua setiap ketua keluarga yang berhemat berbunyi begini: jangan membuat sendiri apa yang akan menelan lebih belanja berbanding dengan jika ia dibeli. Tukang jahit tidak cuba membuat kasutnya sendiri tetapi membelinya daripada tukang kasut. Tukang kasut pula tidak cuba menjahit baju sendiri tetapi menggaji seorang tukang jahit untuk itu. Petani tidak cuba membuat kedua-dua barangan tetapi membeli dari tukang-tukang tersebut. Mereka akan mendapati bahawa, demi faedah sendiri, mereka patut menggunakan seluruh usaha mereka dalam cara yang memberikan mereka kelebihan berbanding dengan jiran mereka, dan untuk membeli apa-apa keperluan lain dengan menggunakan sebahagian daripada hasil ini atau dengan membayar.

Apa yang hemat dalam perilaku setiap keluarga tidak mungkin merugikan dalam kerajaan yang hebat. Jika sebuah negara asing dapat membekalkan komoditi yang lebih murah kepada kita berbanding dengan jika kita sendiri yang membuatnya, lebih baik kita

beli daripada mereka dengan menggunakan sebahagian daripada hasil usaha kita yang digunakan dalam cara yang memberi kita kelebihan. Oleh itu, industri am negara, tidak akan dikurangkan kerana akan sentiasa setimpal dengan modal yang menggerakkannya, seperti dalam kes tukang-tukang yang disebut di atas; apa yang hanya perlu dibuat adalah mencari cara penggunaan modal yang akan memberikan kelebihan yang terbanyak. Sudah tentunya apabila modal disalurkan kepada pengeluaran barang yang dapat dibeli dengan lebih murah berbanding dengan jika ia dibuat, modal kita tidak digunakan dalam cara yang akan memberi kelebihan terbanyak. Nilai keluaran tahunan ini sudah tentu berkurangan apabila modal dipesongkan daripada pengeluaran yang menghasilkan komoditi yang mempunyai nilai yang lebih tinggi berbanding dengan komoditi yang diarahkan untuk dilabur. Menurut andaian itu, komoditi tersebut dapat dibeli daripada negara asing dengan lebih murah berbanding dengan jika ia dibuat di dalam negeri. Oleh itu, ia dapat dibeli dengan menggunakan hanya sebahagian daripada komoditinya atau hanya sebahagian daripada harga komoditi tersebut jika ia dihasilkan oleh industri tempatan dari jumlah modal yang sama industri. Ini dapat berlaku sekiranya aliran modal dibenarkan mengikut halatujau semulajadi. Oleh itu, industri negara dialihkan daripada kerja yang lebih menguntungkan kepada yang kurang menguntungkan, dan nilai pertukaran keluaran tahunan ini, bukannya ditambah oleh setiap undang-undang sebegini seperti yang dikehendaki penggubalnya, tetapi dikurangkan pula.

Sememangnya, melalui undang-undang begini, sesuatu keluaran mungkin dapat diperoleh dengan lebih cepat berbanding dengan ketiadaan undang-undang tersebut, dan setelah masa berlalu mungkin kita dapat membuatnya di rumah semurah atau lebih murah daripada di negara asing. Tetapi walaupun industri masyarakat boleh terus bergerak dengan lebih cepat dengan bantuan kelebihan, ini tidak semestinya bermakna bahawa jumlah keseluruhan, sama ada industri atau pulangannya, akan dapat diperkukuhkan oleh sebarang undang-undang sebegini. Penambahan industri masyarakat setimpal dengan penambahan modal industri, dan modal pula hanya akan bertambah setimpal dengan apa yang dapat diperolehi daripada pulangannya. Tetapi kesan serta-merta setiap undang-undang sebegini adalah pengurangan pulangan, dan apa yang mengurangkan pulangannya sudah pasti tidak mungkin menambahkan modalnya lebih cepat berbanding dengan keadaan semulajadi, yakni jika kedua-dua modal dan usaha bebas mencari kegunaan sendiri.

Dengan cara inilah setiap sistem yang cuba menyuntik pelaburan modal kepada sesuatu jenis industri, sama ada melalui galakan luar biasa; atau mengambil secara paksa modal dari satu jenis industri untuk menampung industri lain; sebenarnya sistem inilah yang menghancurkan tujuan agung yang ingin digalakkannya. Sistem ini bukannya menggiatkan kemajuan masyarakat ke arah kekayaan sebenar dan kejayaan tetapi sebaliknya membantut kemajuan masyarakat; ia bukannya menambah nilai sebenar hasil tahunan tanah dan tenagakerja masyarakat tetapi mengurangkannya.

Oleh itu apabila semua sistem, sama ada yang bercirikan pilihan atau kekangan, ditolak, sistem kebebasan semulajadi yang jelas dan mudah akan bertapak dengan sendirinya. Setiap orang, selagi dia tidak melanggar undang-undang keadilan, bebas berusaha demi kepentingan diri dalam cara tersendiri, dan menyaing usaha dan modalnya dengan usaha dan modal orang lain. Pemerintah dilepaskan sepenuhnya daripada satu tugas yang biasanya memberikan pemerintah kemegahan diri yang palsu; kebijaksanaan atau pengetahuan manusia tidak akan mencukupi untuk memastikan pelaksanaan yang betul, tugas mengawas usaha orang persendirian, dan tugas mengarahkannya kepada penggunaan yang paling sesuai demi kepentingan masyarakat. Menurut sistem kebebasan semulajadi, pemerintah hanya mempunyai tiga tugas; tiga tugas yang sememangnya amat penting, yang jelas dan mudah difahami umum. Pertama, tugas melindungi masyarakat daripada keganasan dan pencerobohan masyarakat bebas yang lain; kedua, tugas melindungi setiap ahli masyarakat dari penindasan sesama sendiri, dan ketiga, tugas menubuh dan menyelenggara institusi awam tertentu, yang tidak boleh mendukung kepentingan mana-mana individu atau sekumpulan kecil individu; kerana keuntungan tidak mungkin dapat memberi pulangan kepada golongan-golongan ini; sebaliknya ia akan memberi manfaat yang berlipatkali ganda kepada sesebuah masyarakat yang agung.

Daripada: Adam Smith, *An Inquiry into the Nature and the Causes of the Wealth of Nations* (Satu Tinjauan Ke Atas Ciri dan Punca Kekayaan Negara), Dua Jilid dalam Satu, penyunting Edwin Cannan, Chicago 1976, I ms. 477-479, II ms. 208-209.

Frederic Bastiat: KEBEBASAN SEBAGAI PERSAINGAN

Frederic Bastiat (1801-1805), penerbit *Journal des Economistes*, mungkin wartawan Perancis yang paling berpengaruh dalam gerakan perdagangan bebas di abad ke-19. Karyanya, *Harmonies Economiques*, yang muncul pada tahun 1850 dan merupakan sumber petikan yang berikut, mempunyai pengaruh berkekalan dalam gerakan perdagangan bebas di seluruh Eropah. Ini benar terutamanya di negara Jerman di mana karya ini diterbitkan dalam bentuk terjemahan pada tahun 1850 oleh John Prince Smith. Walaupun gaya Bastiat, yang dipuji Ludwig von Mises sebagai 'seronok dibaca', masih mempunyai daya tarikan bagi pembaca moden, Bastiat malangnya agak dilupai di Eropah. Di Amerika Syarikat, tulisannya yang optimis terhadap perjuangan kebebasan ekonomi, masih popular di kalangan ahli ekonomi yang cenderung kepada pemahaman liberal klasik.

Tidak ada perkataan dalam perbendaharaan kata ekonomi kepolitikan yang mencetuskan kemarahan dan kutukan terhadap reformis moden seperti perkataan "persaingan", yang sering diiringi perkataan "anarkistik".

Apakah maksud "persaingan anarkistik"? Saya tidak tahu. Apakah yang dapat menggantikannya? Itu pun saya tidak tahu.

Memang benar saya mendengar laungan "Organisasi! Persatuan!" Tetapi apakah maksudnya? Secara muktamad, kita mesti mencapai satu persetujuan. Saya benar-benar ingin tahu apakah kuasa yang dicadangkan oleh pengusul-pengusul ini terhadap saya dan terhadap semua manusia yang hidup di bumi kita ini; kerana, sebenarnya, satu-satunya kuasa yang saya dapat berikan kepada mereka ialah kuasa akal budi, jika mereka dapat mengamati akal budi. Adakah mereka benar-benar bercadang untuk melucutkan hak saya untuk menggunakan penilaian sendiri dalam hal yang secara langsung membabitkan kewujudan saya? Adakah mereka berharap untuk mengambil kuasa saya untuk membanding perkhidmatan yang saya beri dengan perkhidmatan yang saya terima? Adakah mereka bermaksud bahawa saya patut bertindak di bawah had yang ditetapkan mereka dan bukannya mengikut kebijaksanaan saya sendiri? Jika mereka memberikan saya kebebasan, persaingan juga turut diberikan. Jika mereka merampas kebebasan saya, saya akan tinggal sebagai hamba mereka. Mereka mengatakan bahawa persatuan yang akan didirikan ini bebas dan tidak dipaksa. Bagus! Tetapi jika demikian, setiap kumpulan dengan ahli-ahli persatuannya akan dilagakan dengan kumpulan lain, sepertimana individu juga dilagakan dengan individu lain, dan

akibatnya ialah persaingan. Persatuan tersebut akan meliputi semua, jawab mereka. Ini sudah melampau. Adakah kamu bermaksud bahawa persaingan anarkistik merosakkan masyarakat kita sekarang dan untuk mengubati gejala ini kita terpaksa tunggu sehingga semua manusia – orang Perancis, orang British, orang Cina, orang Jepun, orang Kafir, orang Hottentot, orang Lapp, orang Cossack, orang Patagonia – setelah diyakin oleh hujah kamu, bersetuju untuk bersatu hingga ke akhir hayat dalam satu persatuan yang dicipta oleh kamu? Tetapi awas! Ini mengakui bahawa persaingan tidak dapat dimusnahkan; dan beranikah anda memandai-mandai mendakwa bahawa sesuatu yang tidak dapat dimusnahkan dan oleh itu sebuah fenomena masyarakat yang keberuntungan mungkin sesuatu yang jahat?

Lagi pun, apakah maksud persaingan? Adakah ia sesuatu yang wujud dan mempunyai nyawa sendiri, seperti penyakit taun? Tidak. Persaingan hanyalah merupakan keadaan di mana tiada penindasan. Dalam hal yang membabitkan saya, saya mahu membuat pilihan sendiri, dan saya tidak mahu orang lain membuat pilihan bagi saya sambil tidak menghiraukan kehendak saya; itu sahaja. Dan jika seseorang bercadang untuk menggantikan penilaian saya dengan penilaiannya dalam hal-hal yang membabitkan saya, saya akan menuntut untuk menggantikan penilaiannya dengan penilaian saya dalam hal-hal yang membabitkan dirinya. Apakah jaminan bahawa cara ini akan mewujudkan keadaan yang lebih baik? Jelas bahawa persaingan ialah kebebasan. Apabila kita menghancurkan kebebasan bertindak, kita juga menghancurkan peluang dan seterusnya kuasa untuk memilih, menilai dan membanding; ia seperti menghancurkan akal budi, menghancurkan fikiran, menghancurkan manusia sendiri. Dari mana pun mereka bermula, inilah kesimpulan yang dicapai oleh reformis moden kita; demi kemajuan masyarakat, mereka bermula dengan menghancurkan individu, kononnya kerana semua kejahatan berpunca dari individu, seolah-olah semua yang baik tidak datang darinya juga.

Kita sudah melihat bahawa perkhidmatan ditukar dengan perkhidmatan. Dalam analisis muktamad, setiap orang wujud di bumi ini dengan tanggungjawab untuk memenuhi kepuasannya melalui usahanya sendiri. Oleh itu, jika seseorang tidak menyusahkan kita; kita juga mesti membalas sedemikian rupa. Jika usahanya membawa kepuasan kepada kita, maka kita mesti membalas sedemikian untuknya.

Tetapi siapa pula yang membuat perbandingan ini? Usaha ini, susah-payah ini, perkhidmatan ini yang ingin ditukarkan, mesti dibandingkan supaya kesaksamaan, satu kadar yang berpatutan, dapat dicapai, kecuali kita mahukan ketidakadilan, ketidaksaksamaan, kebergantungan kepada nasib menjadi lumrah hidup – yang merupakan satu lagi cara untuk membuang keterangan akal budi manusia keluar dari mahkamah. Oleh itu, perlu ada satu atau lebih penilai. Siapakah yang akan menjadi penilai-penilai ini? Tidakkah masuk akal bahawa di dalam setiap kes tertentu, permintaan mesti dinilai oleh mereka yang menikmatinya, kepuasan oleh mereka yang mencarinya, usaha oleh mereka yang bertukarnya? Adakah betul-betul dicadangkan bahawa pemantaun berterusan ini yang dibuat oleh pihak-pihak berkepentingan digantikan dengan suatu kuasa sosial (walaupun ia terdiri dari pihak reformis sendiri) yang ditugaskan untuk menentukan syarat-syarat rumit yang melibatkan jumlah pertukaran yang tidak terhingga di seluruh dunia? Tidak jelaskah bahawa ini bermakna penubuhan kuasa despot yang paling cenderung gagal, paling berleluasa, paling rambang, paling bersifat merisik, paling tidak tahan, paling tidak berwawasan, dan, nasib baik, biar saya tambah, paling mustahil, yang diilhamkan dalam otak seorang pemerintah Timur?

Kita hanya perlu tahu bahawa persaingan ialah ketiadaan sebarang kuasa rambang yang ditubuhkan sebagai penilai pertukaran, untuk memahami bahawa ia tidak boleh dilenyapkan. Paksaan tidak sah memang dapat mengekang, mengurangkan kesan, menghalang kebebasan pertukaran, sepertimana ia dapat menghalang kebebasan berjalan; tetapi ia tidak akan dapat melenyapkan mana-mana satu perkara ini tanpa melenyapkan manusia sendiri. Memandangkan hakikat ini, satu persoalan yang tinggal ialah sama ada persaingan cenderung ke arah kebahagiaan atau kesengsaraan manusia – Adakah manusia cenderung secara semulajadi ke arah kemajuan atau ke arah kemerosotan?

Saya tidak teragak-agak mengatakan bahawa persaingan, yang sememangnya kita boleh namakan sebagai kebebasan, ialah pada asasnya hukum demokrasi – walaupun ini tidak disenangi dan dilanda kecaman. Ia merupakan hukum yang paling progresif, paling egalitarian, paling saksama secara sejagat yang telah dianugerah keberuntungan demi kemajuan masyarakat manusia. Hukum persaingan inilah yang membolehkan masyarakat umum menikmati semua kelebihan yang nampaknya telah dianugerahi Alam secara percuma kepada negara-negara tertentu sahaja. Hukum ini jugalah yang menganugerahkan kepada masyarakat umum segala taklukan Alam yang menjadi

warisan generasi yang disampaikan oleh golongan cerdik pandai dari setiap abad. Apa yang perlu dilakukan hanyalah kerja tokok-tambah yang tidak berbayar, kerana mereka dapat menggunakan sumber alam. Dan jika, seperti yang selalu berlaku pada permulaannya, nilai kerja ini tidak setimpal dengan kesungguhannya, sekali lagi persainganlah, melalui tindakan yang tidak dirasai tetapi konstan, yang memulihkan imbangan supaya ia lebih adil dan tepat berbanding dengan jika ia dibiarkan di bawah penghitungan pihak berkuasa yang cenderung gagal. Tuduhan bahawa persaingan cenderung ke arah ketidaksamarataan sama sekali tidak benar. Sebaliknya, segala ketidaksamarataan yang bukan semulajadi ialah akibat ketiadaan persaingan; dan jika jurang yang memisahkan seorang Sami Agung dengan seorang paria lebih besar daripada jurang antara seorang Presiden dan seorang karyawan di Amerika Syarikat, ini adalah kerana persaingan (atau kebebasan) ditindas di Asia, dan tidak di Amerika Syarikat. Oleh itu, sementara ahli sosialis melihat persaingan sebagai punca segala kejahatan, sebenarnya serangan ke atas persainganlah yang merupakan unsur penghancur yang menghalang segala perkara yang baik. Walaupun hukum ini telah disalahfahami oleh ahli sosialis dan penyokong mereka, walaupun pelaksanaannya kerap keras, tiada hukum yang lebih kaya dalam harmoni sosial dan membawa kepada lebih faedah secara amnya; tiada hukum yang memperakui dengan begitu jelas kelebihan rancangan Tuhan terhadap usaha manusia yang sia-sia.

Di sini ingin saya mengingatkan pembaca mengenai kesan yang menghairankan tetapi tidak boleh dinafikan mengenai aturan sosial yang telah disorotkan, kerana biasanya tabiat menyebabkan kita terlupa kesan ini. Ia boleh dicirikan seperti demikian: Jumlah kepuasan yang dinikmati setiap ahli masyarakat melalui aturan sosial ini jauh lebih besar daripada jumlah kepuasan yang dia boleh capai melalui usahanya seorang diri. Dalam perkataan lain, jelas terdapat ketidakseimbangan antara penggunaan dan tenaga kerja kita. Saya rasa fenomena ini, yang kita boleh lihat dengan mudah jika kita melihat keadaan kita sejenak, harus mendorong kita bersyukur kepada masyarakat yang merupakan puncanya.

Kita masuk ke dunia ini tanpa sebarang benda, digamit pelbagai kehendak, dan hanya diberikan kebolehan untuk memenuhi kehendak tersebut. Nampaknya, *a priori*, bahawa harapan kita yang paling besar adalah untuk mendapatkan kepuasan yang sama dengan tenaga kerja kita. Jika kita memiliki lebih banyak benda-benda, sehingga tidak terbilang, dengan siapakah kita berhutang? Jawapannya, kepada aturan semulajadi masyarakat yang kita sering kutuk atau cuba hancurkan.

Fenomena ini sendiri adalah amat luar biasa. Sememangnya sesetengah manusia akan mengguna lebih banyak barangan berbanding dengan hasil mereka, jika, dalam satu cara atau yang lain, mereka merampas hak orang lain dan menerima perkhidmatan tanpa membayar untuknya. Tetapi bolehkah hakikat ini benar bagi semua manusia secara serentak? Bagaimanakah setiap manusia – selepas mereka bertukar-tukaran perkhidmatan tanpa paksaan atau rampasan tetapi berdasarkan prinsip “nilai diganti nilai” – boleh mengatakan bahawa dia menggunakan lebih barangan dalam sehari berbanding dengan apa yang boleh dihasilkannya dalam seratus tahun?

Pembaca sedar bahawa penyelesaian masalah ini terletak pada penglibatan kuasa-kuasa Alam dalam kerja-kerja pengeluaran; iaitu hakikat bahawa semakin banyak ‘barangan’ percuma sampai ke tangan umum hasil daripada haba, kesejukan, cahaya, graviti, tarikan semulajadi, daya elastik, yang kian membantu tenagakerja manusia. Bantuan ini memudahkan kerja-kerja pengeluaran dan ini menurunkan nilai kerja seseorang manusia.

Jika pembaca berfikir bahawa nilai turun dengan serta-merta dan secara automatik hanya dengan menggunakan kuasa-kuasa Alam dan membebaskan tenagakerja manusia, ini bermakna saya gagal menjelaskan teori nilai. Sebenarnya tidak, kerana jika demikian kita boleh berkata, seperti menurut ahli ekonomi di England: Nilai berkadar secara langsung dengan tenagakerja. Manusia yang menggunakan bantuan kuasa Alam yang percuma dapat menjalankan kerjanya dengan lebih mudah; tetapi dia tidak mengorbankan apa-apa pun yang lazim diterimanya. Manusia perlu digalakkan berbuat demikian, melalui tekanan luaran – yang kuat, tetapi adil. Tekanan ini ialah persaingan. Selagi tidak ada campur tangan, selagi manusia yang menggunakan kuasa Alam kekal memiliki rahsia penggunaan tersebut, kuasa Alam itu sememangnya percuma, tetapi ia masih tidak sampai ke semua; taklukan Alam sudah dicapai tetapi keuntungannya hanya sampai ke tangan seorang atau suatu golongan kelas. Ia masih belum memanfaatkan seluruh umat manusia. Tidak ada apa-apa yang telah berubah dalam dunia, kecuali harga penuh masih perlu dibayar untuk satu bentuk perkhidmatan, walaupun ia dihasilkan oleh seseorang yang menggunakan bantuan kuasa Alam. Pada satu sisi kita ada seorang manusia yang menuntut jumlah tenagakerja yang sama seperti dahulu daripada rakan semanusianya, manakala dia pula menawarkan mereka jumlah tenagakerja yang berkurangan; dan, pada sisi yang lain pula semua manusia masih terpaksa mengorbankan jumlah masa dan penat-lelah yang sama untuk mendapatkan komoditi yang kini dihasilkan separuhnya oleh Alam.

Jika keadaan ini berkekalan, setiap ciptaan baru akan memberi dunia satu lagi sumber ketidakserataan yang kian merebak. Dan bukan sahaja kita tidak boleh mengatakan bahawa nilai berkadaran langsung dengan tenagakerja; malah, kita tidak akan dapat mengatakan bahawa nilai *akan cenderung* berkadaran langsung dengan tenagakerja. Segala apa yang kita katakan dalam bab awal mengenai penggunaan percuma dan hala-tuju ke arah peluasan milik komunal akan menjadi satu ilusi. Hakikat bahawa perkhidmatan ditukar untuk perkhidmatan lain, sepertimana kurniaan percuma Tuhan berubah tangan dari seorang ke seorang sehingga ia sampai ke pengguna terakhir, bukan lagi merupakan satu kebenaran. Semua manusia yang pernah mengeksploitasi sebarang kuasa Alam akan mengenakan harga bagi hasilnya, campur kos tenagakerjanya, di masa akan datang buat selamanya; dalam satu perkataan, manusia akan disusun mengikut prinsip monopoli sejagat dan bukannya prinsip meluaskan penggunaan percuma dan umum.

Tetapi ini bukan keadaannya. Tuhan telah menganugerahkan kepada makhluk-makhlukNya kemewahan dalam bentuk haba, cahaya, graviti, udara, air, tanah, dan keajaiban hidupan tumbuhan, elektrik, dan banyak lagi rahmatNya yang tidak terhingga. Dan walaupun Tuhan telah menanam dalam hati setiap manusia perasaan kepentingan diri yang menarik segala benda kepadanya seperti sebuah magnet; Tuhan juga melalui aturan masyarakat telah memberi satu lagi tenaga penggerak utama yang berfungsi untuk memastikan hadiahNya masih mempunyai tujuan asalnya: percuma dan umum kepada semua. Tenaga penggerak utama ini ialah persaingan. Oleh itu, kepentingan diri ialah kuasa individualistik yang tidak dapat ditawan di dalam diri kita yang mendorong kita ke arah kemajuan dan penemuan, tetapi pada masa yang sama mendorong kita untuk memonopolikan penemuan kita. Persaingan pula ialah kuasa kemanusiaan yang tidak kurang kuat yang merampas kemajuan, sepantas ia dicapai, daripada tangan individu dan meletakkannya ke dalam tangan semua manusia. Kedua-dua kuasa ini, yang mungkin dikecam jika dipertimbangkan secara berasingan, bekerja bersama untuk menghasilkan keharmonian sosial.

Sekali pandang kita boleh berkata bahawa tidak hairanlah sifat individualis manusia, yang wujud sebagai kepentingan diri apabila manusia menjadi pengeluar, telah sentiasa menentang idea persaingan, telah mengutuknya, dan cuba menghapuskannya, sambil menggunakan kuasa, muslihat, hak-hak istimewa, dalil yang bijak tetapi mengelirukan, monopoli, had, kawalan kerajaan, dan sebagainya untuk menyokong kedudukannya. Kaedahnya yang tidak bermoral menunjukkan dengan jelas tujuannya yang juga tidak

bermoral. Tetapi yang menghairankan, dan malang sekali, ialah ekonomi politik – yakni ekonomi politik yang palsu – yang diwar-warkan dengan begitu bersemangat oleh aliran sosialis, di atas nama kasih kepada kemanusiaan, kesaksamaan, dan persaudaraan telah mendukung satu bentuk keindividualan yang paling ekstrim dan mengabaikan perjuangan untuk kemanusiaan.

Daripada: Frederic Bastiat, *Economic Harmonies* (Harmoni Ekonomi), diterjemahkan kepada Bahasa Inggeris oleh W.H. Boyers, Irvington-di-Hudson, NY, 1964, ms 284-290.

Edmund Burke: PRINSIP REFORMASI

Edmund Burke (1729-1797) ialah seorang penulis British dan ahli parlimen Whig (pelopor kepada Parti Liberal). Melalui pidato dan risalah yang amat berkesan dan bergaya, beliau telah menganjur polisi reformasi yang mendalam. Beliau telah menyebelahi pihak Amerika dalam konflik yang membawa kepada kemerdekaan Amerika Syarikat, dan beliau membantah pengaruh parlimen dan rasuah oleh King George III. Namun demikian, penolakannya terhadap pandangan bahawa masyarakat boleh dirancang sepenuhnya (suatu penolakan yang dikongsi oleh rakannya, Adam Smith) menjadikan beliau penentang terhadap semua idea revolusi yang didorong oleh ideologi; beliau menjadi musuh ketat Revolusi Perancis. Dalam 'Renungan tentang Revolusi di Perancis' pada tahun 1790, Burke menjangka bahawa keseluruhan revolusi tersebut, akibat daripada harapan yang terlalu tinggi atas kuasa akal untuk membuat perancangan, akan menyingkirkan nilai liberalnya, dan beliau juga telah meramalkan pemerintahan melalui keganasan. Tetapi dalam karya ini juga beliau telah memasukkan rayuan yang sungguh berkesan untuk polisi reformasi atau pembaharuan, kerana: "negara yang tidak mampu membuat perubahan juga tidak akan mampu memelihara kewujudannya".

Pemimpin anda di Perancis bermula dengan pura-pura mengagumi, malah memuja, perlembagaan British; tetapi semakin mereka maju, semakin mereka memandangnya dengan kehinaan. Rakan-rakan ke Persidangan Nasional anda di kalangan kami mempunyai pendapat yang lengkap tentang apa yang, pada asalnya, difikirkan sebagai keagungan negara mereka. Persatuan Revolusi telah mendapati bahawa negara Inggeris tidaklah bebas.

Maka tidak hairanlah mereka merujuk kepada contoh-contoh dari luar negara dengan semangat yang berkobar-kobar kerana berpendapat bahawa segala yang terkandung dalam perlembagaan dan kerajaan di tempat asal mereka, sama ada di gereja atau negara, sebagai tidak sah dan dirampas, atau paling kurangnya sebagai satu sindiran. Tatkala dibuai tanggapan sebegini, tiada gunanya kita berbincang dengan mereka tentang amalan nenek-moyang mereka, undang-undang asasi negara mereka dan bentuk tetap sebuah perlembagaan yang kesemuanya telah memberi manfaat seperti yang dibuktikan oleh pengalaman sejarah serta kekuatan orang awam dan kemewahan negara yang kian meningkat. Mereka benci kepada pengalaman kerana menganggapnya satu kebijaksanaan orang yang tidak berilmu; manakala bagi perkara-perkara yang lain itu, mereka akan ledakkan dengan hebat kesemua teladan purbakala, semua contoh terdahulu, piagam dan akta parlimen, dengan periuk api yang telah mereka tanam di bawah tanah. Mereka memiliki "hak manusia". Tiada buku panduan

untuk hal ini; tiada perjanjian yang mengikat mereka; ianya tidak boleh ditolak ansur atau didolak-dalihkan: sebarang benda yang tidak memenuhi tuntutan mereka dengan sepenuhnya dianggap penipuan dan ketidakadilan. Kerajaan-kerajaan yang menentang hak-hak tersebut tidak akan kekal memerintah, sekali pun ia mentadbir secara adil dan lembut. Walaupun bentuknya tidak mematuhi teorinya, tentangan yang dibuat oleh orang-orang ini yang menggadaikan corak pemerintahan masyarakat melalui spekulasi mereka tidak membezakan apa-apa jenis pemerintah; ia sah digunakan terhadap sebuah kerajaan lama dan bersifat kedermawanan, dan ia sah juga terhadap pemerintah zalim yang paling ganas, atau rampasan kuasa yang terbaru. Orang-orang sebegini selalu mencari masalah dengan kerajaan, bukan dalam soal penganiayaan, tetapi dalam soal kecekapan dan pemilikan. Saya tidak mempunyai apa-apa untuk dikatakan terhadap kejanggalan metafizik politik mereka. Biarlah mereka buat apa yang mereka suka – *“Illa se jactat in aula – Aeolus, et clauso ventorum carcere regnet.”* – Tetapi jangan biarkan mereka bebas keluar dari penjara sehingga bumi terhanyut akibat taufan mereka, dan lautan membuak sehingga menenggelamkan kita.

Saya bukannya menafikan secara teori mahupun praktik (andainya saya diberi kuasa untuk memberi atau menafikan sekalipun) hak manusia yang sebenar. Dengan menafikan tuntutan palsu mereka terhadap hak, saya tidak bermaksud untuk menganiayai sebarang tuntutan benar yang akan dibinasakan oleh hak palsu tersebut. Jika masyarakat awam dibentuk untuk kebaikan manusia, maka semua manfaat yang dibentuk bagi masyarakat awam turut menjadi hak manusia juga. Masyarakat awam ialah satu institusi yang bersifat kedermawanan; dan undang-undang hanyalah satu bentuk kemurahan hatinya yang bertindak mengikut peraturan. Manusia berhak untuk hidup mengikut peraturan tersebut; mereka berhak untuk berbuat adil sesama sendiri, tidak kira sama ada mereka mempunyai tugas awam atau pekerjaan biasa. Mereka berhak ke atas hasil berkat usaha mereka; dan ke atas sarana untuk memajukan usaha mereka. Mereka berhak untuk mewarisi harta-benda ibu-bapa mereka; untuk membesarkan dan memajukan kehidupan anak-anak mereka; untuk mendapatkan pendidikan dalam hidup; dan untuk mendapat simpati ketika menghadapi kematian orang yang dikasihi. Seseorang individu berhak berbuat apa sahaja untuk dirinya sendiri asalkan perbuatan itu tidak mencabuli hak orang lain; dia juga mempunyai hak saksama ke atas segala yang ditawarkan oleh masyarakat hasil daripada penggabungan kemahiran dan kuasa masyarakat. Dalam perkongsian ini, semua manusia memiliki hak yang sama tetapi bukan hak ke atas benda yang sama. Dalam perkongsian ini,

seseorang yang memiliki saham berjumlah lima shiling mempunyai hak terhadap sahamnya itu, sepertimana orang yang memiliki lima ratus paun mempunyai hak terhadap bahagiannya yang lebih besar. Tetapi dia tidak berhak ke atas dividen yang sama besar dalam hasil daripada stok bersama ini. Jadi saya menolak pandangan bahawa pembahagian kuasa, pengaruh dan hala-tuju pengurusan negara ialah hak azali manusia dalam masyarakat awam; kerana tumpuan pertimbangan saya hanyalah terhadap manusia *sosial* dalam masyarakat awam. Pembahagian kuasa, pengaruh dan hala-tuju pengurusan negara perlu ditentukan oleh norma-norma biasa masyarakat.

Jika masyarakat awam dihasilkan oleh norma-norma, maka norma-norma itu mesti menjadi undang-undangnya. Norma-norma tersebut mesti menghadkan dan mengolah segala butir-butir perlembagaan yang dibentuk di bawahnya. Semua jenis kuasa perundangan, kehakiman atau pelaksanaan ialah ciptaannya. Ciptaan-ciptaan ini tidak boleh wujud di bawah keadaan yang lain. Oleh yang demikian, di bawah norma masyarakat awam, bolehkah seseorang itu menuntut hak yang sememangnya tidak mengakui hakikat kewujudannya? Hak yang sama sekali menjijikkannya? Satu niat pertama masyarakat awam, yang juga merupakan satu peraturan asasinya, adalah bahawa tiada seorang pun yang boleh menghakimi halnya sendiri. Dengan itu setiap insan sekaligus melepaskan hak asasi utama yang sepatutnya dimiliki oleh seseorang yang tidak tertakluk di bawah sebarang perjanjian. Ini bermakna insan tersebut tidak boleh menghakimi dirinya dan juga tidak boleh memperjuangkan kepentingan dirinya sendiri. Seterusnya, dia juga telah melepaskan semua hak untuk mentadbir dan membela diri sendiri, yakni hukum alam yang utama. Manusia tidak boleh menikmati hak pemerintahan awam dan hak pemerintahan bukan awam secara serentak. Untuk memperolehi keadilan, dia melepaskan hak untuk menentukan apa yang paling penting bagi dirinya. Untuk memperolehi kebebasan, dia menyerahkan segala kebebasannya kepada kerajaan.

Kerajaan dibentuk bukan kerana hak semulajadi; hak semulajadi boleh, dan memang, wujud bebas daripada kerajaan; malah ia wujud dengan jauh lebih jelas, dan jauh lebih sempurna dari segi abstrak: tetapi kesempurnaan abstraknya ini juga merupakan kelemahan praktikalnya. Apabila manusia berhak ke atas segala benda, maka mereka akan menghendaki segala benda juga. Kerajaan ialah satu entiti yang dicipta oleh kebijaksanaan manusia untuk memenuhi kehendaknya. Manusia berhak ke atas pengabulan kehendak-kehendaknya oleh kebijaksanaan sendiri. Antaranya adalah

supaya terdapat penghalang yang sewajar bagi nafsu masing-masing. Masyarakat awam perlu mengenakan kawalan terhadap nafsu orang perseorangan. Bukan itu sahaja, kecenderungan manusia perlu sentiasa dibendung, kudrat mereka dikawal, dan nafsu mereka dikuasai dalam masyarakat massa dan tubuh badan, dan juga di dalam setiap individu. Ini hanya boleh dilakukan oleh kuasa luaran; dan tidak boleh tertakluk kepada kudrat dan nafsu tersebut yang sebenarnya perlu dikawal oleh masyarakat sendiri melalui penubuhan badan pemerintah. Dari segi ini, kekangan terhadap kehendak manusia, serta juga kebebasannya, dianggap sebagai sebahagian daripada hak-hak mereka. Tetapi, memandangkan kebebasan dan kekangan ini berubah mengikut masa dan keadaan serta boleh diubahsuai berkali-kali sehingga tidak terbilang, ia tidak boleh ditentukan dengan menggunakan sebarang peraturan abstrak; dan kerana itulah amat bodoh jika kita berbincang mengenainya.

Tatkala anda mengurangkan hak-hak penuh setiap insan dan membenarkan manusia mentadbir dirinya sendiri dan menghadapi kesukaran yang timbul daripada penganan sebarang had – yang bertujuan positif – ke atas hak-hak penuh tersebut, dari saat itulah hal penubuhan kerajaan bertukar menjadi pertimbangan yang berdasarkan kesenangan (*convenience*) yang berubah-ubah. Sebab itulah penubuhan kerajaan dan pengagihan kuasanya yang sewajar memerlukan kemahiran yang halus dan teliti. Ia memerlukan pengetahuan yang mendalam tentang sifat dan keperluan manusia, serta juga tentang perkara-perkara yang memudahkan atau menghalang pelbagai matlamat masyarakat, yang perlu dicapai melalui mekanisme institusi awam. Kerajaan perlu dianggotai oleh pentadbir yang menguatkannya, dan kelemahannya patut diberi penawar. Apa gunanya perbincangan tentang hak abstrak seorang insan untuk mendapatkan makanan atau ubat? Persoalannya ialah cara mendapatkan dan mengagihkannya. Untuk membuat pertimbangan ini, nasihat saya adalah supaya bantuan petani dan pegawai perubatan diperolehi, dan bukannya bantuan profesor metafizik.

Seperti kebanyakan kaedah eksperimental yang lain, kaedah merekabentuk, merubah atau membaikpulih sebuah komanwel tidak boleh diajar secara naluri (*a priori*). Ia juga bukan sains amali yang boleh dipelajari setelah mendapat pengalaman yang singkat. Kesan sebenar usaha-usaha untuk membentuk moral bukan selalunya boleh dilihat dengan serta-merta; apa yang pada mulanya mungkin mengancam kepentingan umum mungkin sangat berkesan dalam pelaksanaannya di masa akan datang; dan keberkesanannya mungkin juga timbul daripada kesan buruknya pada peringkat awal.

Keadaan yang sebaliknya juga berlaku: dan pelbagai skim bernas yang bermula dengan sangat baik mempunyai kesudahan yang sangat memalukan dan menyedihkan. Biasanya terdapat matlamat yang kabur atau terpendam dalam kerajaan, yang pada mulanya kelihatan tidak penting tetapi mungkin kelak menentukan sebahagian besar daripada kesejahteraan kerajaan. Ilmu untuk membentuk kerajaan lebih bersifat amali dan bertujuan praktikal, dan memerlukan pengalaman – malah pengalaman yang jauh lebih mendalam berbanding dengan apa yang mungkin dipelajari oleh seseorang insan seumur hidupnya, walau sedalam mana sekali pun kebijaksanaan dan keprihatinannya.

Daripada: Edmund Burke, *Reflections on the French Revolution and Other Essays*, (Renungan terhadap Revolusi Perancis dan Karangan-karangan Lain), penyunting A.J. Grieve, London, 1910, ms. 53, 55-59.

John Stuart Mill: KEBEBASAN DAN PENDIDIKAN

John Stuart Mill (1806-1873), anak kepada ahli falsafah dan sejarawan, James Mill, yang juga seorang pemikir liberal, dianggap sebagai contoh tipikal pemikir liberal England pada abad ke-19. Dalam karya ekonomi beliau yang terbaru, di bawah pengaruh isterinya, pejuang hak wanita Harriet Taylor-Mill, beliau lebih cenderung “membuat kompromi lemah” dengan sosialisme (menurut Ludwig von Mises). Namun demikian, dalam petikan berikut daripada karangan klasiknya, *On Liberty* atau terjemahannya, *Tentang Kebebasan* (1859), beliau mengambil pendirian liberal sepenuhnya, yang menolak dengan tegas penguasaan penuh negara ke atas pendidikan.

Seorang insan seharusnya bebas bertindak sesuka hati dalam hal-ehwal peribadinya; tetapi dia tidak seharusnya bebas untuk bertindak sesuka hati bagi pihak orang lain atas alasan bahawa hal-ehwal orang lain juga merupakan hal-ehwalnya sendiri.

Walaupun sesebuah negara menghormati kebebasan setiap insan perihal peribadi masing-masing, ia terikat untuk mengawasi sepenuhnya tindakan seseorang insan itu berdasarkan kuasa yang diberikan kepadanya untuk bertindak ke atas insan yang lain. Kewajipan pengawasan ini diabaikan hampir sepenuhnya dalam kes perhubungan kekeluargaan, yakni kes yang lebih penting daripada kesemua kes-kes yang lain memandangkan pengaruh langsungnya ke atas kesejahteraan manusia. Kuasa seakan kuku besi pihak suami terhadap isteri tidak perlu diperjelaskan di sini; hanya satu perkara sahaja yang diperlukan untuk menyingkirkan kekejaman ini dengan sepenuhnya, yakni bahawa pihak isteri harus mempunyai hak yang sama serta mendapat perlindungan undang-undang sebagaimana semua insan yang lain. Dalam hal ini, asas hujah pendukung ketidakadilan bukanlah kebebasan, sebaliknya mereka berjuang secara terbuka sebagai pembela kuasa.

Namun berkenaan kanak-kanak pula, kita dapati bahawa penyalahgunaan fahaman tentang kebebasan menghalang Kerajaan daripada menunaikan tanggungjawabnya. Tidak hairanlah jika kita terfikir bahawa anak seseorang insan adalah sebahagian daripada dirinya, memandangkan pendapat-pendapat yang menentang keras sebarang campurtangan undang-undang terhadap penguasaan mutlak dan eksklusif insan itu terhadap anaknya. Tentangannya lebih hebat berbanding dengan campurtangan

pemerintah terhadap kebebasannya sendiri untuk bertindak: betapa rendahnya penghargaan manusia terhadap kebebasan berbanding dengan kekuasaan!

Sebagai contoh, pertimbangkanlah kes pendidikan. Bukankah ia prinsip yang terbukti jelas, yakni pemerintah perlu menuntut dan mewajibkan pendidikan setiap insan yang lahir sebagai warganegara, sehingga suatu tahap yang tertentu?

Namun, siapakah yang berani untuk mengakui dan menegaskan kebenaran ini? Hampir tiada insan yang akan menafikan bahawa ia merupakan tanggungjawab suci setiap ibu-bapa (atau sebagaimana telah ditentukan oleh undang-undang dan amalan kini, pihak bapa), setelah melahirkan anak ke dunia ini, untuk memberikan anak itu pendidikan yang sewajarnya untuk membolehkannya memainkan peranan dalam hidupnya di dunia ini, baik terhadap orang lain mahupun terhadap dirinya sendiri.

Tetapi walaupun ini diisytiharkan sebulat suara sebagai tanggungjawab bapa, hampir tiada sesiapa dalam negara ini yang akan menuntut bahawa bapa itu sendiri yang diwajibkan untuk memberikan pendidikan kepada anaknya. Dia tidak dituntut untuk berusaha atau berkorban untuk mendapatkan pendidikan untuk anaknya, sebaliknya dia diberikan pilihan sama ada untuk menerima atau menolak tawaran pendidikan yang diberikan secara percuma!

Tindakan melahirkan seorang anak tanpa memastikan terlebih dahulu keupayaan untuk memberikan makanan kepada tubuh badannya dan pendidikan dan latihan untuk akal fikirannya, masih belum diiktirafkan sebagai satu jenayah moral, sama ada terhadap anak yang malang tersebut mahupun terhadap masyarakat; dan jika pihak ibu-bapa tidak menunaikan tanggungjawab ini, maka pemerintah patut memastikan bahawa tanggungjawab ini ditunaikan dan dibiayai sejauh boleh, oleh pihak ibu-bapa.

Jika tanggungjawab untuk mewajibkan pendidikan sejagat diakui, ini akan mengakhiri kesulitan dalam menentukan apa yang patut diajar oleh pemerintah dan bagaimana ia patut diajar, yang kini menjadi bahan medan pertempuran pelbagai puak dan parti. Ini menyebabkan masa dan tenaga yang sepatutnya dihabiskan untuk memberikan pendidikan dibazirkan dalam pertengkaran mengenai pendidikan. Jika kerajaan membuat keputusan untuk mewajibkan pendidikan yang baik untuk setiap kanak-kanak, ia tidak akan perlu menawarkan pendidikan tersebut. Ia boleh membiarkan pihak ibu-

bapa memperoleh pendidikan untuk anak-anak mereka di tempat dan dengan cara pilihan mereka, dan kerajaan hanya perlu membantu membayar yuran sekolah untuk kanak-kanak dari golongan miskin, dan membiayai sepenuhnya yuran sekolah bagi kanak-kanak yang tidak dibantu oleh sesiapa.

Tentangan terhadap tanggungjawab pemerintah dalam soal pendidikan, bukanlah mengenai sama ada ia harus melaksanakan pendidikan atau tidak, tetapi ditujukan kepada keadaan apabila pemerintah sendiri mengarahkan pendidikan tersebut: ini merupakan dua perkara yang berlainan. Saya, seperti juga orang lain, tidak akan bersetuju jika keseluruhan atau sebahagian besar daripada pendidikan rakyat terletak di tangan pemerintah. Segala yang telah diperkatakan tentang pentingnya keindividualan perwatakan seseorang itu, dan kepelbagaian pendapat dan tingkahlaku, melibatkan, dengan tahap kepentingan yang sama, kepelbagaian pendidikan. Pendidikan umum yang disediakan oleh pemerintah hanyalah satu helah untuk membentuk acuan untuk setiap insan supaya menyerupai satu sama lain: dan oleh kerana acuan tersebut hanya memuaskan kehendak mereka yang berkuasa dalam kerajaan, sama ada ia merupakan raja, golongan agama, bangsawan, atau puak majoriti daripada generasi yang sedia wujud; ia akan mewujudkan, bergantung kepada kecekapan dan kekuatan pemerintah, suatu kezaliman ke atas akal fikiran, yang secara nalurinya akan mengakibatkan kezaliman ke atas tubuh badan.

Pendidikan yang diasaskan dan dikuasai oleh pemerintah seharusnya wujud – itu pun jika ia perlu wujud – sebagai satu daripada pelbagai eksperimen yang saling bersaing. Ia harus dilaksanakan untuk tujuan iktibar dan perangsang untuk memastikan institusi pendidikan yang lain mencapai suatu tahap kecemerlangan yang tertentu. Melainkan jika masyarakat secara amnya berada dalam keadaan yang sangat mundur sehingga tidak mampu menubuhkan sebarang institusi pendidikan yang utuh dan melainkan jika kerajaan yang mengambil alih peranan ini: barulah kerajaan boleh, sebagai darurat yang lebih kecil, mengendalikan pengurusan sekolah dan universiti, seperti juga ia boleh mengambilalih syarikat saham bersama, apabila perusahaan persendirian yang mampu mengendalikan industri secara besar-besaran, tidak wujud dalam negara tersebut.

Tetapi secara amnya, jika negara itu mempunyai bilangan orang yang berkelayakan yang mencukupi untuk menawarkan pendidikan di bawah naungan kerajaan, orang-orang ini juga akan berupaya dan sanggup memberikan pendidikan yang sama baik

atas prinsip sukarela, asalkan dijaminakan bayaran di bawah undang-undang yang mewajibkan pendidikan dan dengan bantuan pemerintah bagi mereka yang tidak mampu membayar kos pendidikan.

Daripada: John Stuart Mill, *On Liberty* (Tentang Kebebasan), London, 1865, ms. 62-63.

David Hume: KEPENTINGAN DIRI DAN KEADILAN

Pendirian skeptis radikal David Hume (1711-1776), yang ditujukan kepada kedua-dua agama dan rasionalisme, menjadikannya seorang yang sangat dicurigai oleh pemikir sebayanya. Kini Hume diakui secara umumnya sebagai pelopor terpenting aliran Scotland mengenai falsafah moral, serentak dengan rakannya Adam Smith. Falsafah politik dan etikanya, yang dibentangkan secara terperinci oleh pada tahun 1739 di dalam karyanya "A Treatise of Human Nature" (Karangan tentang Sifat Manusia), menggabungkan konsep utilitarian mengenai usaha manusia untuk mencari kebahagiaan dengan keraguan skeptis mengenai perancangan struktur politik dan sosial yang dilakukan oleh masyarakat massa yang tidak berkeelayakan. Kepentingan falsafah ekonomi dan perundangan Hume dalam teori liberal moden hanya kebelakangan ini diberi pengiktirafan yang sepatutnya, terutamanya melalui penafsiran karyanya oleh Friedrich August von Hayek.

Saya sudah menunjukkan secara tersirat bahawa kesedaran kita terhadap setiap jenis sifat murni manusia tidak timbul secara semulajadi, dan ada yang timbul daripada keadaan dan keperluan umat manusia. Jenis sifat murni ini mencetuskan kegembiraan dan kelulusan masyarakat melalui dorongan helah yang direka. Saya menegaskan di sini bahawa keadilan ialah sifat murni jenis ini dan saya akan cuba mempertahankan pendapat ini melalui hujah yang saya harap adalah ringkas dan meyakinkan, sebelum saya meneliti ciri-ciri helah yang mencetuskan kesedaran tentang sifat murni ini.

Nyatalah apabila kita memuji sebarang tindakan, hanya niatnya yang dipertimbangkan, manakala tindakan dilihat sebagai petanda atau isyarat kewujudan prinsip-prinsip tertentu dalam minda dan perwatakan. Apa yang dilihat di luar tidak menunjukkan nilai kebaikan tindakan itu. Kita mesti merenung ke dalam tindakan tersebut untuk mencari kualiti moralnya. Tetapi oleh kerana kita tidak boleh berbuat begitu secara langsung, kita terpaksa mengamati tindakan sebagai petanda luaran bagi kualiti moralnya. Namun tindakan-tindakan ini masih berupaya berfungsi sebagai satu petanda, dan niat yang menghasilkannya ialah matlamat muktamad pujian dan penerimaan kita.

Dengan cara yang sama, apabila kita memerlukan sesuatu tindakan diambil oleh seseorang, atau menuduh seseorang kerana tidak bertindak seperti yang kita hendaki, kita selalu mengandaikan bahawa orang itu sepatutnya dipengaruhi oleh niat yang sewajarnya untuk melakukan tindakan tersebut, dan kita menganggap orang itu kejam jika dia tidak mengendahkan niat itu. Selanjutnya, sekiranya kita mendapati bahawa niat murni masih tersemam di dalam jiwanya tetapi dia dihalang daripada bertindak oleh

keadaan yang tidak kita ketahui, maka kita akan rela menarik balik tuduhan kita dan menabiknya seolah-olah dia sebenarnya telah bertindak sepertimana yang kita hendaki.

Oleh itu, setiap tindakan murni nampaknya hanya memperolehi nilai kebaikannya apabila didorongi niat yang murni, dan setiap tindakan murni dianggap hanya sebagai petanda niat tersebut. Daripada prinsip ini saya membuat kesimpulan bahawa niat murni awal yang memberi nilai kebaikan bagi mana-mana tindakan tidak boleh diambilkira apabila mempertimbangkan kemurniaan tindakan tersebut; seharusnya wujud niat atau prinsip semulajadi yang lain sebagai dasar pertimbangan terhadap kemurniaan tindakan itu. Anggapan bahawa petanda kemurniaan tindakan itu ialah niat awal yang menghasilkannya dan menjadikan tindakan itu murni, ialah satu hujah yang berpusing-pusing. Sebelum kita boleh membuat pertimbangan mengenai kemurniaan sesuatu tindakan, tindakan itu mesti benar-benar murni; dan kemurniaannya mesti timbul daripada niat murni yang tertentu; dan oleh itu, niat murni ini semestinya berlainan daripada tanggapan tentang kemurniaan tindakan tersebut. Niat murni ialah satu syarat untuk menjadikan sesuatu tindakan itu murni, dan sesuatu tindakan itu mestilah murni sebelum kita boleh membuat tanggapan terhadap kemurniaannya; oleh itu, sesuatu niat murni mesti wujud sebelum tanggapan itu dapat dibuat.

Ini bukan hanya satu kehalusan metafizik, tetapi ia wujud di dalam semua hujah harian kita walaupun kita mungkin tidak dapat menyebutnya dalam istilah falsafah yang begitu jelas. Kita menyalahkan seorang bapa kerana mengabaikan anaknya. Kenapa? Kerana ia menunjukkan ketiadaan kasih sayang semulajadi yang menjadi tanggungjawab setiap ibu-bapa. Jika kasih sayang bukan satu tanggungjawab, maka penjagaan anak juga tidak mungkin menjadi satu tanggungjawab; dan mustahillah tanggungjawab menjadi asas tindakan kita dalam memberi kasih sayang kepada anak kita. Oleh itu dalam kes ini, semua insan mengandaikan ada niat yang tertentu di sebalik tindakan, dan niat ini berlainan daripada kesedaran tanggungjawabnya.

Ambillah contoh seorang insan yang mengambil banyak tindakan yang baik hati: menenteramkan orang yang sedih, meredakan hati orang yang kesusahan, dan menawarkan harta-bendanya kepada orang yang sama sekali tidak dikenali. Tidak ada sifat yang lebih murni dan disenangi. Kita menganggap tindakan ini sebagai bukti sifat kemanusiaan yang terunggul. Sifat kemanusiaan ini memberi nilai kebaikan terhadap tindakan tersebut. Oleh itu, tanggapan terhadap nilai kebaikan ini adalah berasaskan

pertimbangan sekunder. Tanggapan tersebut diterbitkan daripada prinsip kemanusiaan yang baik dan dipuji, yang mendahului tanggapan itu.

Pendek kata, kita boleh buktikan, sebagai suatu perumpamaan yang tidak boleh diragui, bahawa tiada tindakan yang boleh menjadi murni atau baik dari segi moral, kecuali apabila timbul niat dalam sifat manusia untuk menghasilkan tindakan murni, dan niat ini berasingan daripada kesedaran nilai moralnya.

Tetapi mungkinkah kesedaran moraliti atau tanggungjawab menghasilkan sesuatu tindakan tanpa apa-apa niat yang lain? Jawapan saya, mungkin; tetapi ini bukannya satu penafian doktrin ini. Apabila sebarang niat atau prinsip murni sudah menjadi tabii dalam sifat manusia, seseorang yang merasakan hatinya kekosongan niat tersebut mungkin membenci diri sendiri atas sebab itu, dan mungkin melakukan tindakan yang sepatutnya menyusuli niat tersebut, semata-mata atas kesedaran tanggungjawab tertentu dan bukannya dengan niat yang wajar dalam hatinya. Dia berbuat demikian untuk memperoleh prinsip murni itu melalui amalan – jika tidak melalui niat – atau sekurang-kurangnya untuk memperdayakan diri sendiri tentang kekurangannya itu. Seseorang yang benar-benar tidak mempunyai perasaan bersyukur di dalam perwatakannya masih rela melakukan tindakan yang menunjukkan seolah-olah dia bersyukur, dan berfikir bahawa dengan cara ini dia telah menunaikan tanggungjawabnya. Tindakan hanya dianggap pada mulanya sebagai petanda niat; tetapi memang biasa perhatian kita akan tertumpu kepada petanda dan perkara yang ditunjukkannya pula diabaikan. Walaupun dalam sesetengah keadaan, seseorang mungkin melakukan sesuatu tindakan semata-mata atas kewajipan moralnya, ini masih mengandaikan bahawa sifat manusia mengandungi prinsip yang mampu menghasilkan tindakan tersebut, dan keindahan moral prinsip inilah yang memberi tindakan itu nilai kebbaikannya.

Sekarang, andaikan seseorang meminjamkan saya wang dengan syarat ia dipulangkan dalam beberapa hari; sekiranya tempoh pinjaman yang dipersetujui tamat dan dia meminta kembali wangnya, soalan saya adalah: Apakah sebab atau niat saya untuk memulangkan wang tersebut? Kerana saya menghormati keadilan dan jijik terhadap penipuan dan kejahatan? Mungkin dikatakan bahawa sebab-sebab ini memadai bagi saya jika saya jujur atau menyedari tanggungjawab dan kewajipan sosial. Dan tidak dapat dinafikan bahawa jawapan ini adalah adil dan memuaskan bagi manusia

bertamadun, dan setelah sebab-sebab ini dilatih berdasarkan sesuatu disiplin atau sukatan pendidikan. Dalam keadaan manusia yang lebih semulajadi dan kasar – jika anda mahu mengaku keadaan sedemikian adalah semulajadi – jawapan ini akan ditolak kerana ia mustahil difahami. Kerana seseorang yang hidup dalam kebidadapan akan bertanya dengan serta-merta: Di manakah terletakinya keadilan dan kejujuran ini yang menggerakkan anda untuk membayar hutang atau menahan diri daripada mengambil harta orang lain? Pasti sekali ia tidak terkandung di dalam tindakan luaran. Oleh itu, ia mesti tercetus daripada niat yang menghasilkan tindakan luaran itu. Tetapi niat ini tidak boleh digunakan untuk menilai kejujuran tindakan tersebut. Adalah dakwaan palsu bahawa niat murni adalah wajib untuk menjadikan sesuatu tindakan itu jujur, dan bahawa penilaian terhadap kejujuran tindakan itu ditentukan oleh niat yang mencetuskan tindakan itu. Kita tidak dapat menilai kemurniaan sesuatu tindakan kecuali jika tindakan itu memang murni dengan sendirinya. Tidak ada tindakan yang murni kecuali ia timbul berikutan niat murni. Oleh itu, niat murni, mesti mendahului penilaian terhadap kemurniaan tindakan tersebut; dan adalah mustahil bahawa niat murni dan penilaian terhadap kemurniaan itu perkara yang sama.

Oleh itu, kita perlu mencari apakah niat untuk tindakan yang adil dan jujur, yang berasingan daripada penilaian kita terhadap kejujuran tindakan tersebut; dan di sini terletakinya kesukaran yang terbesar. Ini kerana jika kita berkata bahawa keprihatinan terhadap kepentingan peribadi atau maruah kita ialah niat sah untuk semua tindakan jujur kita: maka menurut hujah ini, jika keprihatinan itu hilang, kejujuran pun tidak ada tempatnya lagi. Tetapi adalah pasti bahawa kasih sayang terhadap diri sendiri, apabila ia bertindak sewenang-wenangnya dan bukannya mendorong kita ke arah tindakan yang jujur, adalah punca kepada segala ketidakadilan dan keganasan; juga, mustahil seseorang dapat memperbetulkan kesalahan tersebut tanpa memperbetulkan dan mengawal arus semulajadi nafsu tersebut.

Tetapi perlu ditegaskan bahawa sebab atau niat untuk tindakan sedemikian ialah penghormatan terhadap kepentingan umum, dan tiada sifat yang lebih bertentangan kepada kepentingan umum selain daripada ketidakadilan dan pendustaan. Jika ini yang ingin dikatakan, maka saya mencadangkan tiga pertimbangan berikut untuk perhatian kita. Pertama, kepentingan umum tidaklah terikat secara semulajadi kepada pemerhatian peraturan keadilan, tetapi hanya berkait dengannya setelah suatu kelaziman dibentuk untuk mengasaskan peraturan ini, seperti yang akan diterangkan

dengan lebih lanjut. Kedua, jika kita mengandaikan bahawa hutang itu rahsia, dan demi kepentingan pemiutang wangnya harus dikembalikan dengan cara yang sama (seperti ketika dia menyimpan harta-bendanya secara senyap), dalam kes ini contohnya tamat, dan pihak awam tidak lagi berminat dengan tindakan si peminjam, walaupun saya rasa orang yang bermoral tidak akan mengaku bahawa tanggungjawab dan kewajipan itu sudah tamat. Ketiga, pengalaman dapat membuktikan bahawa di dalam amalan kehidupan seharian, manusia bukannya berpandukan kepentingan umum apabila mereka membayar balik pemiutang mereka, menunaikan janji, atau menahan diri daripada merompak, menyamun dan pelbagai jenis perbuatan tidak adil yang lain. Kepentingan umum merupakan suatu niat yang terlalu terpencil dan luhur untuk mempengaruhi tabii umat manusia; tindakan-tindakan yang berdasarkan kepentingan umum sangat bertentangan dengan kepentingan peribadi sepertimana kebanyakan tindakan-tindakan yang berkaitan dengan keadilan dan kejujuran bersama.

Secara amnya, boleh diakui bahawa tiada nafsu di dalam minda manusia seperti kasihnya terhadap umat manusia, yang wujud begitu sahaja, bebas daripada kualiti peribadi, daripada khidmat, atau daripada kaitan dengan diri sendiri. Memang benar bahawa tiada manusia, malah tiada makhluk yang waras, yang tidak mempengaruhi kita sedikit pun melalui kegembiraan atau kesedihannya, lebih-lebih lagi apabila ia berdekatan kita; tetapi ini tercetus hanya daripada simpati, dan bukanlah bukti kasih sejagat terhadap umat manusia, memandangkan keprihatinan ini dapat dilihat juga di luar spesis manusia. Kasih antara jantina ialah nafsu yang jelasnya tertanam dalam sifat semulajadi manusia; dan nafsu ini bukan sahaja muncul dengan tanda-tandanya yang tersendiri, tetapi juga menyemarakkan segala prinsip kasih sayang yang lain, dan membangkitkan cinta yang lebih kuta daripada keindahan, kecerdasan dan budi bahasa, berbanding dengan apa yang biasa timbul daripadanya.

Jika wujud cinta sejagat di kalangan umat manusia, ia akan muncul seperti itu juga. Sebarang tahap kualiti yang baik akan menghasilkan kasih sayang yang lebih kuat berbanding dengan kebencian yang dihasilkan daripada tahap kualiti buruk yang sama; bertentangan dengan apa yang kita dapati berdasarkan pengalaman. Perwatakan manusia sudah tentunya berlainan, dan sesetengahnya lebih cenderung menunjukkan kasih sayang secara lembut, manakala ada pula cenderung kepada jenis yang lebih kasar; tetapi secara umumnya, kita boleh mengakui bahawa manusia secara amnya, atau sifat manusia, merupakan objek kedua-dua kasih sayang dan kebencian, dan

memerlukan sebab lain, melalui kombinasi pengaruh dan pendapatm, yang mungkin menguja nafsu ini. Tidak ada gunanya kita cuba mengelak daripada hipotesis ini. Tiada fenomena yang menunjukkan kasih sayang sedemikian terhadap manusia yang tidak mengira nilai kebaikan perbuatan itu dan segala keadaan yang lain. Kita suka berteman secara amnya; tetapi ia seperti kesukaan kita terhadap sebarang hiburan yang lain. Seorang insan berbangsa Inggeris di Itali ialah teman kita; seorang berbangsa Eropah di China ialah teman kita; dan mungkin seorang insan disukai sedemikian jika kita bertemu di bulan. Tetapi ini tercetus hanya daripada kaitan dengan diri kita sendiri; perhubungan kita di dalam kes ini lebih kuat kerana ia terhad kepada beberapa orang sahaja.

Oleh itu, jika kebajikan umum atau penghormatan terhadap kepentingan umat manusia tidak boleh menjadi niat awal untuk keadilan, maka lagi mustahillah jika niat ini berdasarkan kebajikan peribadi atau pertimbangan terhadap kepentingan pihak yang terlibat. Kerana bagaimana pula jika dia merupakan musuh saya dan telah memberi saya sebab untuk membencinya? Apa kata jika dia seorang yang ganas dan patut dibenci oleh seluruh umat manusia? Bagaimana pula jika dia seorang kedekut dan tidak mengambil peduli pun apabila saya merampas daripadanya penggunaan benda-benda tertentu? Bagaimana pula jika dia merupakan seorang yang tidak bermoral dan tidak senonoh, dan lebih suka menerima keburukan berbanding dengan pemilikan harta yang banyak? Bagaimana pula jika saya sangat terdesak dan mempunyai niat yang sangat penting untuk memperolehi sesuatu buat keluarga saya? Dalam semua kes ini, niat asal untuk berlaku adil akan gagal, dan, seterusnya, keadilan itu sendiri, diikuti dengan segala harta, hak dan kewajipan.

Orang kaya tertakluk kepada kewajipan moral untuk berkongsi sebahagian daripada harta-bendanya yang berlebihan itu dengan orang miskin. Jika kebajikan peribadi merupakan niat asal untuk keadilan, seseorang insan tidak akan tertakluk untuk berkongsi lebih daripada apa yang diwajibkan. Secara amnya manusia lebih memumpukan perasaan sayang mereka kepada apa yang mereka miliki berbanding dengan apa yang mereka tidak pernah nikmati; sebab inilah penarikan balik harta-benda seseorang itu satu kekejaman besar berbanding dengan penafian sesuatu benda kepadanya. Tetapi siapa yang akan menegaskan bahawa ini satu-satunya asas keadilan?

Di samping itu, kita mesti pertimbangkan bahawa sebab utama mengapa manusia melekat diri kepada kepunyaan mereka adalah kerana mereka menganggapnya sebagai harta-benda yang dijamin secara mutlak oleh undang-undang masyarakat. Tetapi ini hanyalah pertimbangan sekunder dan bergantung kepada tanggapan sebelum ini tentang keadilan dan harta.

Harta seseorang itu sepatutnya dipagari daripada orang lain, dalam setiap keadaan yang mungkin. Tetapi kemurahan hati peribadi adalah, dan memang sepatutnya, lebih lemah di dalam sesetengah orang berbanding dengan orang lain; dalam kebanyakan orang ia pasti gagal pun. Oleh itu, kemurahan hati peribadi bukanlah niat asal untuk keadilan.

Daripada semua ini dapat dilihat bahawa kita tidak mempunyai niat yang nyata atau sejagat untuk mematuhi undang-undang kesaksamaan. Niat kita hanyalah berdasarkan kesaksamaan dan nilai kebaikan perbuatan itu; dan oleh kerana hanya tindakan yang timbul daripada niat berasingan boleh menjadi tindakan saksama atau penuh dengan nilai kebaikan, maka terdapat di sini hujah yang berputar-putar dalam satu kitaran. Melainkan kita mengakui bahawa sifat semulajadi telah mengasaskan suatu helah dan mewajibkannya, kita mesti mengakui bahawa kesedaran keadilan dan ketidakadilan tidak wujud secara semulajadi, tetapi muncul secara buatan, dan memang perlu pun, daripada sukatan pendidikan dan tatatertib manusia.

Sebagai ikutan hujah ini, saya menambah bahawa oleh kerana tidak ada tindakan yang layak dipuji atau dipersalahkan, tanpa berlandaskan niat atau nafsu kuat yang berasingan daripada kesedaran moral, nafsu berasingan ini mesti mempunyai pengaruh yang kuat ke atas kesedaran tersebut. Kita hanya boleh memuji atau mempersalahkan perkara-perkara di persekitaran kita berdasarkan kuasa nafsu ini ke atas sifat semulajadi manusia. Dalam menilai kecantikan tubuh haiwan, kita selalu menggunakan ciri-ciri paling asas sesuatu spesis sebagai dasar perbandingan; dan di mana anggota badan dan wajah mematuhi apa yang kita bayangkan tentang spesis tersebut, kita kata ia cantik dan tampan. Dengan cara yang sama, kita selalu mempertimbangkan kuasa nafsu yang semulajadi dan lazim apabila kita membuat keputusan mengenai kejahatan dan kemurniaan; dan jika nafsu tersebut jauh terpesong daripada petanda-petanda lazim di persekitarannya, ia selalu dicela sebagai kejam. Seorang manusia secara semulajadi akan lebih mengasihi anaknya sendiri berbanding dengan anak saudaranya;

dan anak saudaranya lebih daripada sepupunya; dan sepupunya lebih daripada orang yang tidak dikenali. Dari sinilah – kecenderungan memilih satu daripada yang lain – berbangkitnya ukuran bersama kita tentang tanggungjawab. Kesedaran kita tentang tanggungjawab selalu mengikut arus lazim dan semulajadi nafsu kita.

Untuk mengelakkan daripada menyinggung perasaan sesiapa, di sini saya perlu nyatakan bahawa apabila saya menafikan kewujudan keadilan sebagai sifat murni manusia yang semulajadi, saya menggunakan istilah semulajadi hanya untuk menunjukkan maksud yang bertentangan daripada buatan. Dalam pengertian lain kata itu, memandangkan tiada prinsip dalam minda manusia yang lebih bersifat naluri daripada kesedaran tentang kemurniaan, maka tidak ada kemurniaan yang lebih lazim daripada keadilan. Umat manusia ialah spesis yang pandai mencipta; dan di mana sebuah ciptaan itu jelas sekali diperlukan, ia boleh dikatakan wujud secara semulajadi sepertimana segala sifat yang timbul daripada prinsip asal tanpa campurtangan pemikiran atau renungan. Walaupun peraturan keadilan adalah buatan manusia, tetapi ia bukan arbitrari. Ia juga boleh disebut sebagai undang-undang alam semulajadi, jika kita fahami “semulajadi” sebagai sifat atau ciri yang wujud dalam setiap spesis, atau jika kita menghadkan maksudnya kepada apa yang tidak boleh diasingkan daripada spesis tersebut.

Daripada: David Hume, “A Treatise of Human Nature” (Karangan tentang Sifat Manusia), (1739); dipetik daripada: David Hume, *Moral and Political Philosophy* (Falsafah Moral dan Politik) penyunting M.D. Aiken, New York, 1948, ms 49-55.

Friedrich August von Hayek: FIKSYEN KEADILAN SOSIAL

Friedrich August von Hayek (1899-1992), pemenang Anugerah Nobel Ekonomi pada tahun 1974, barangkali merupakan pemikir liberal yang terpenting pada abad ke-20. Mengikuti jejak langkah gurunya, Ludwig von Mises, beliau telah menyangkal teori sosialisme dengan hujah-hujah daripada teori ekonomi. Dalam buku klasiknya, *The Road to Serfdom* (Jalan ke Perhambaan), yang diterbitkan di England pada tahun 1944, beliau membidas ideologi totalitarian, sama ada jenis sayap kiri atau sayap kanan, dan menyeru para pembaca supaya memberikan perhatian terhadap kesamaan struktur kedua-duanya. Ini telah menimbulkan kemarahan, terutamanya di kalangan sosialis. Sama juga dengan kritiknya terhadap negara kebajikan, yakni campurtangan yang semakin mendalam oleh pemerintah akan menggugat asas masyarakat yang bebas. Dalam karya beliau yang terbaru, umpamanya *The Constitution of Liberty* (1960), beliau telah memperkembangkan pembelaan, dari sudut falsafah, untuk masyarakat bebas, suatu pembelaan yang melangkaui garis-garis ekonomi tulen dan pada asasnya berdasarkan pendapat-pendapat perundangan. Hal ini menjadi jelas dalam petikan berikut yang diambil daripada pidatonya yang disampaikan pada tahun 1976, di mana dengan memperkembangkan pendapat-pendapat Hume, beliau menganalisa konsep keadilan sosial secara kritis. Maka tidak hairanlah bahawa, setelah kejatuhan komunisme di Eropah Timur, kelab-kelab Hayek telah didirikan di rantau itu secara spontan sebagai penghormatan kepada beliau yang telah memberikan amaran tentang kezaliman sosialis.

Selama lebih daripada 10 tahun, saya telah menumpukan perhatian saya kepada maksud di sebalik apa yang dikatakan 'keadilan sosial'. Saya telah gagal dalam usaha ini – atau, dengan lebih tepat, telah mencapai kesimpulan bahawa, apabila merujuk kepada masyarakat yang terdiri daripada insan yang bebas, frasa ini tidak membawa sebarang maksud. Usaha untuk mencari sebab mengapa frasa ini – meskipun ia telah menguasai perbincangan politik selama hampir satu abad, dan telah digunakan dengan jayanya di merata-rata tempat untuk menghadapankan tuntutan sesetengah pihak supaya mendapat bahagian yang lebih besar dalam kesejahteraan hidup – masih merupakan suatu persoalan yang menarik. Saya akan cuba memberikan perhatian di sini kepada persoalan ini.

Akan tetapi, terlebih dahulu saya perlu memberikan penjelasan singkat (seperti apa yang saya telah cuba gambarkan dengan terperinci dalam jilid ke-2 karya saya iaitu *Law, Legislation and Liberty*, atau dalam terjemahan Bahasa Malaysianya, Undang-undang, Penggubalan Undang-undang dan Kebebasan, yang akan diterbitkan tidak

lama lagi) kenapa saya kini menganggap 'keadilan sosial' sebagai formula kosong semata-mata, yang lazimnya digunakan untuk menegaskan sesuatu tuntutan itu adalah wajar tanpa sebarang sebab yang bernas. Sememangnya jilid tersebut – yang diberikan tajuk kecil *Mirage of Social Justice* (Ilusi Keadilan Sosial) – ditujukan khas untuk meyakinkan para cendekiawan bahawa konsep 'keadilan sosial' yang sangat mereka gemari, adalah sesuatu yang boleh disangkal dari segi intelek. Ada juga antara mereka yang telah menyedari keadaan ini; tetapi malangnya hasil daripada kesedaran ini, disebabkan mereka hanya telah mampu memikirkan tentang keadilan dari segi 'sosial', maka mereka telah terbawa kepada kesimpulan bahawa semua penggunaan istilah keadilan tidak mengandungi maksud yang signifikan.

Oleh itu, dalam buku yang sama saya terpaksa menunjukkan bahawa peraturan yang adil untuk tingkahlaku individu adalah wajib untuk memastikan keamanan masyarakat yang terdiri daripada insan yang bebas, sepertimana usaha untuk mencapai keadilan 'sosial' adalah bercanggah dengan masyarakat tersebut. Istilah 'keadilan sosial' kini digunakan secara umum sebagai sinonim kepada 'keadilan pengagihan'. Istilah kedua itu mungkin memberikan sudut pandangan yang lebih jelas tentang apa sebenarnya yang dimaksudkan, dan pada masa yang sama menunjukkan mengapa ia mustahil digunakan untuk pasaran ekonomi kerana tidak mungkin wujud keadilan pengagihan di mana tiada pihak yang mengagih.

Keadilan hanya mempunyai makna sebagai peraturan tingkahlaku manusia, dan peraturan untuk tingkahlaku individu yang saling menawarkan bekalan barang jualan dan perkhidmatan dalam pasaran ekonomi tidak mungkin akan menghasilkan pengagihan harta benda yang boleh dikatakan adil atau tidak adil. Individu mungkin berkelakuan seadil yang mungkin, tetapi oleh kerana kesan kepada individu yang berlainan tidak dapat dijangka atau diingini oleh orang lain, maka kesudahan daripada hal ini tidak mungkin dapat dikatakan adil atau tidak adil.

Kekosongan frasa 'keadilan sosial' menjadi jelas melalui hakikat bahawa tidak ada persetujuan tentang apa yang dituntut oleh keadilan sosial dalam perkara-perkara khusus; juga bahawa tiada ujian yang diketahui yang boleh menentukan pihak yang betul jika terdapat perbezaan antara insan, dan tidak ada skim pengagihan yang ditentukan terlebih dahulu yang boleh direka dengan berkesan untuk sebuah

masyarakat yang terdiri daripada insan bebas, dalam maksud mereka dibenarkan menggunakan ilmu mereka sendiri untuk tujuan masing-masing.

Sememangnya, tanggungjawab moral seorang individu terhadap perlakuannya tidak serasi dengan realisasi sebarang pola pengagihan keseluruhan yang diingini. Penelitian akan menunjukkan bahawa, walaupun terdapat ramai insan yang tidak berpuas hati dengan pola pengagihan yang sedia ada, namun tidak ada seorang pun yang mempunyai pandangan yang jelas tentang pola pengagihan yang dianggap adil. Apa yang boleh didapati ialah penilaian secara naluri tentang kes-kes individu yang dianggap tidak adil. Tiada seorang pun yang telah menemui satu peraturan am yang dapat menentukan apa yang 'adil dari segi sosial' bagi semua hal yang dirangkuminya – melainkan peraturan 'gaji saksama untuk kerja yang saksama'.

Persaingan bebas, dengan pengecualian segala perhatian tentang merit atau keperluan dan sebagainya (yang merupakan asas untuk tuntutan keadilan sosial) berkecenderungan untuk menguatkuasakan peraturan gaji saksama. Kebanyakan orang masih menaruh kepercayaan yang kuat terhadap 'keadilan sosial' – walaupun sebenarnya tidak tahu apa yang dimaksudkan dengan frasa ini – kerana mereka berfikir jika hampir kesemua orang yang lain mempercayainya, maka sudah tentu frasa itu amat bermakna.

Asas penerimaan yang hampir sejagat untuk kepercayaan ini, yang maksudnya tidak difahami ramai sebenarnya, adalah bahawa kita telah mewarisi – daripada masyarakat terdahulu yang mempunyai ciri-ciri yang berbeza, di mana manusia telah wujud dengan lebih lama daripada masyarakat kini – beberapa naluri yang tersemadi dengan mendalam yang tidak boleh diterimapakai dalam tamadun kini. Malah, manusia telah muncul daripada masyarakat primitif apabila, dalam sesetengah keadaan, terdapat peningkatan dalam bilangan orang yang mencapai kejayaan kerana tidak mematuhi prinsip-prinsip yang telah memadukan puak-puak yang terdahulu. Dalam 10,000 tahun yang lepas, manusia telah memajukan pertanian, sistem bandar dan akhirnya 'Masyarakat Unggul'. Namun kita tidak boleh lupa bahawa sebelum itu, manusia telah wujud untuk tempoh yang seratus kali lebih lama, dalam kelompok-kelompok kecil yang terdiri daripada kira-kira 50 orang. Kelompok-kelompok ini wujud dalam wilayah-wilayah tertentu dan mempunyai peraturan kekuasaan yang ketat. Keperluan masyarakat purba ini telah menentukan kebanyakan daripada perasaan moral yang masih menguasai kita

pada masa kini, dan yang kita berkenan dalam orang lain. Ia merupakan satu perkelompokan di mana, sekurang-kurangnya untuk kaum lelaki, pemburuan objek fizikal yang dianggap matlamat bersama di bawah arahan lelaki alfa merupakan syarat bagi puak itu untuk terus wujud seperti juga pengagihan hasil buruan antara ahli-ahli puak tersebut berdasarkan taraf kepentingan masing-masing untuk memastikan kesinambungan puak tersebut. Besar kemungkinannya bahawa kebanyakan daripada perasaan moral yang disemai ketika itu bukan hanya menjadi warisan budaya melalui pendidikan dan teladan, tetapi juga kini menjadi naluri dan ditentukan secara genetik.

Akan tetapi bukan semua yang semulajadi adalah baik untuk kemajuan spesis kita dalam keadaan yang berbeza. Dalam bentuk purbanya, kelompok kecil tersebut sememangnya mempunyai ciri yang masih menarik perhatian orang ramai: satu matlamat yang sama, atau tatatingkat matlamat bersama, dan perkongsian sumber yang diatur berdasarkan pendapat umum tentang kelayakan individu tertentu. Ada cadangan bahawa teori yang menjelaskan tatacara pasaran diberi nama 'katalaktik' daripada perkataan Yunani kuno untuk sistem pertukaran – *katalattein*. Saya sedikit sebanyak sudah jatuh cinta dengan perkataan ini semenjak saya mengetahui bahawa dalam bahasa Yunani kuno, selain daripada 'saling bertukaran', ia juga bermaksud 'membenarkan masuk ke dalam komuniti' dan 'untuk mengubah daripada musuh kepada sahabat'. Oleh itu, saya telah mencadangkan bahawa kita namakan permainan pasaran, di mana kita boleh menjemput orang yang tidak dikenali untuk mengalu-alukan dan melayan kita, sebagai 'permainan katalaksi'.

Proses pasaran sememangnya bertepatan belaka dengan takrifan permainan yang diberikan oleh Kamus Bahasa Inggeris Oxford. Ia merupakan 'peraduan yang dimainkan berdasarkan peraturan-peraturan dan ditentukan oleh kehebatan kemahiran, kekuatan atau nasib'. Dari segi ini, ia merupakan permainan berdasarkan kemahiran dan juga nasib. Yang penting sekali, ia merupakan permainan yang mengumpul daripada setiap pemain sumbangan yang paling berfaedah kepada tabung pertaruhan; dari ini setiap pemain akan memenangi sebahagian daripada wang pertaruhan tetapi dalam jumlah yang tidak ditentukan. Permainan ini barangkali dimulakan oleh orang yang telah meninggalkan perlindungan dan kewajipan puak masing-masing untuk mencari keuntungan dengan melayan keperluan orang lain yang tidak dikenali. Apabila saudagar neolitik yang awal membawa kapak batu api dari Britain melalui kapal-kapal yang melintas Selat Inggeris untuk bertukar dengan ambar dan mungkin juga arak, mereka

bertujuan bukan lagi untuk memenuhi keperluan orang yang dikenali, tetapi untuk mengaut keuntungan yang sebesar mungkin. Kerana mereka hanya berminat dengan pihak yang boleh menawarkan harga yang terbaik untuk barang jualan mereka, mereka telah dapat berinteraksi dengan orang yang sama sekali tidak dikenali, dan telah meningkatkan taraf kehidupan mereka itu jauh lebih tinggi berbanding jika mereka hanya memberikan kapak-kapak tersebut kepada jiran mereka yang tidak dinafikan dapat juga mendapat faedah daripada kapak-kapak tersebut.

Oleh itu, hasil daripada permainan katalaksi ini, semestinya adalah bahawa ramai yang akan memperolehi kemenangan yang lebih banyak daripada apa yang difikirkan layak oleh rakan mereka, dan lebih ramai yang memperolehi jauh lebih sedikit daripada apa yang difikirkan patut oleh rakan mereka. Tidak hairanlah jika ramai orang yang mahu memperbetulkan keadaan ini melalui tindakan pengagihan semula yang autoritatif. Masalahnya, jumlah terkumpul produk yang difikirkan boleh diagihkan wujud hanya kerana pulangan untuk usaha yang berlainan ditentukan oleh pasaran tanpa mengira keperluan atau kemahuan individu, dan diperlukan untuk menarik pemilik maklumat yang tertentu, sumber material yang tertentu dan juga kemahiran peribadi kepada satu tahap di mana pada setiap waktu mereka mampu membuat sumbangan yang paling besar. Orang yang lebih suka kepada jaminan pendapatan melalui perjanjian dan tidak mahu mengambil risiko untuk menggunakan peluang yang sentiasa berubah, akan merasa rugi di sebelah mereka yang memiliki pendapatan yang tinggi, yang berlaku akibat daripada pengagihan semula sumber-sumber. Pulangan tinggi oleh pihak yang berjaya, sama ada kejayaan ini layak dikecapi atau hanya satu kebetulan, ialah unsur yang diperlukan untuk memandu sumber-sumber supaya membuat sumbangan terbesar kepada 'tabung' dari mana tiap-tiap orang akan mengambil bahagiannya. Kita yang lain tidak mungkin akan berupaya berkongsi sebanyak mana jika pendapatan individu tersebut dianggap tidak adil; peluang untuk memperolehi pendapatan yang banyak telah mendorongnya untuk membuat sumbangan terbesar kepada 'tabung'. Pendapatan yang sangat tinggi kadang kala mungkin adil.

Apa yang lebih penting, ruang untuk mencapai tahap pendapatan seperti ini mungkin adalah syarat yang wajib untuk mereka yang kekurangan daya usaha, nasib, atau kebijaksanaan untuk memperolehi pendapatan tetap yang diperlukan. Namun ketidaksamaan, yang dibenci oleh ramai orang, bukanlah satu-satunya syarat utama untuk menghasilkan pendapatan tinggi yang kini dinikmati oleh kebanyakan orang Barat.

Sesetengah orang nampaknya percaya bahawa pengurangan tahap umum pendapatan ini atau sekurang-kurangnya memperlahankan kadar peningkatannya – bukannya satu harga yang tinggi untuk apa yang mereka rasa adalah pengagihan yang lebih adil. Tetapi kini terdapat penghalang yang lebih besar terhadap cita-cita sebegini. Sebagai kesan daripada bermain permainan katalaksi, yang memberikan perhatian yang sangat sedikit kepada keadilan tetapi banyak menyumbang kepada peningkatan pengeluaran, populasi dunia sudah mampu untuk berkembang dengan maju, tanpa peningkatan yang begitu banyak kepada pendapatan kebanyakan orang secara mampan, dan peningkatan populasi seterusnya yang tidak dapat dielakkan lagi, hanya jika kita memainkan permainan itu dengan betul dan membuang sumbangan terbesar terhadap produktiviti.

Saya diberitahu bahawa masih terdapat komuniti di Afrika di mana jejaka muda yang berkemampuan, yang ingin sekali untuk menggunakan kaedah-kaedah perdagangan moden, mendapati bahawa adalah mustahil untuk memperbaiki kedudukan mereka kerana adat puak mereka menuntut bahawa mereka berkongsi hasil daripada berkat usaha, kemahiran atau nasib mereka sendiri dengan kesemua kerabat mereka. Peningkatan pendapatan untuk orang yang demikian hanya bermaksud bahawa dia perlu berkongsinya dengan orang yang menuntut hasilnya, yang juga semakin meningkat bilangannya. Oleh itu, dia tidak akan mampu maju ke taraf yang lebih tinggi daripada taraf sederhana di dalam puaknya.

Kesan buruk yang utama daripada 'keadilan sosial' di dalam masyarakat kita ialah bahawa ia menghalang individu daripada mencapai apa yang mereka mampu capai – kerana peluang pelaburan dirampas dari mereka. Ia juga merupakan penggunaan prinsip yang tidak sesuai dengan tamadun yang mempunyai produktiviti yang tinggi, kerana pendapatan dibahagikan dengan sangat tidak rata dan oleh itu penggunaan sumber yang terhad ditumpukan kepada pulangan yang tertinggi. Akibat daripada pengagihan yang tidak sama rata ini, tahap penglibatan golongan miskin di dalam pasaran ekonomi yang bersaing lebih tinggi daripada tahap di dalam sistem yang dirancang dari suatu pusat. Semua ini adalah hasil daripada kejayaan kaedah penyelarasan masyarakat (walaupun ia belum sempurna), di mana hak individu berbanding dengan matlamat masyarakat bersama ini telah mebolehkan kewujudan bersama masyarakat terbuka dan kebebasan individu.

Tetapi golongan sosialis mahu menerbalikkan keadaan ini. Golongan sosialis mempunyai sokongan daripada naluri yang diwarisi, manakala pengekalan kekayaan baru yang mewujudkan cita-cita baru memerlukan suatu disiplin yang perlu dipelajari di mana golongan yang tidak bertamadun di kalangan kita, yang menganggap diri mereka 'terasing', enggan menerima walaupun mereka masih menuntut semua faedahnya.

Daripada: Friedrich August von Hayek, *New Studies In Philosophy, Politics, Economics and the History of Ideas* (Pengajian Baru dalam Falsafah, Politik, Ekonomi dan Sejarah Ide), London 1978.

John Prince-Smith: KEBEBASAN PERDAGANGAN

Walaupun John Prince-Smith (1809-1874) dilahirkan di England, beliau telah menjadi seorang warga Prussia pada tahun 1830; akhirnya, sebagai seorang ahli Parlimen Prussia. Beliau juga telah menjadi ahli German Reichstag baru dari tahun 1871-73. Sebagai pelopor 'kerohanian' Parti Perdagangan Bebas (Free-Trade Party) dan Kongres Para Ekonomi Jerman (Congress of German Economists), beliau mungkin merupakan salah seorang pendokong idealisme perdagangan bebas yang paling berpengaruh pada abad ke-19 di negara Jerman di mana karya-karya beliau (seperti bukunya *Trade Wars* yang muncul pada tahun 1843) begitu popular. Dan yang paling penting, tulisan beliau juga telah diterapkan ke dalam aliran pemikiran English Manchester School dan juga karya-karya Bastiat dan Say (pelopor aliran pemikiran perdagangan bebas Perancis tersohor) yang begitu popular di negara Jerman. Teks berikut dipetik dari sebuah ceramah beliau di Cologne pada tahun 1860.

Dengan itu, isu kekuasaan serta pentingnya kuasa kerajaan dalam hal-ehwal ekonomi sedunia itu sebenarnya merupakan sebahagian dari isu perdagangan bebas. Pandangan mengenai isu ini yang begitu bertapak dan berleluasa sudah pastinya mempunyai kesan asas terhadap pandangan mengenai institusi kerajaan dan polisi antarabangsa. Persoalan perdagangan bebas adalah satu persoalan yang mempunyai kesan terhadap polisi antarabangsa. Untuk menjawab persoalan ini, pertamanya kita perlu mempertimbangkan sistem ekonomi dari segi prinsip utamanya yang termudah; walau kitaran ekonomi agak rumit, namun prinsipnya sebenarnya teramat ringkas dan mudah.

Matlamat ekonomi, yakni meningkatkan sarana untuk memenuhi keperluan, dicapai melalui pembahagian tenagakerja (*division of labour*). Dan pembahagian tenagakerja dicapai melalui peluang untuk pertukaran (*opportunity for exchange*). Penubuhan pasaran, yakni penyelarasan setiap bentuk pertukaran, adalah satu langkah utama yang menjana bentuk-bentuk pembangunan ekonomi yang lain.

Pasaran merupakan satu institusi ekonomi yang besar yang menentukan dan mengawal kitaran ekonomi; ianya menetapkan kepada setiap individu kerja yang akan dibuatnya, menghitung pampasan bagi kerja tersebut, menubuhkan satu 'komuniti' bagi pengusaha persendirian; ianya membawa penyatuan dalam kebebasan, dan memelihara kebebasan di dalam penyatuan. Pasaran adalah satu organ teras, jantung yang

menjana kitaran hidup ekonomi, yang menyalurkan keperluan kepada bahagian-bahagian 'badan' yang lain dengan laju.

Tetapi prinsip hidup pasaran, yakni syarat bagi kehidupan organiknya, adalah kebebasan. Pembahagian tenagakerja mengasingkan pengeluar dari pengguna. Ia membolehkan setiap produk itu dikeluarkan bukan oleh pengguna, tetapi oleh pengeluar yang paling berkebolehan untuk membekal keperluan tersebut, oleh mereka yang memahirkan diri dalam sesuatu bidang, yang dapat memiliki peralatan, mesin dan peralatan lain yang sesuai untuk perniagaan khususnya, dan yang dapat memanfaatkan diri dalam keadaan tempatan yang sedia ada.

Apabila setiap individu bekerja demi pasaran, dia juga perlu meraih keperluan sendiri dari pasaran tersebut sebagai 'pampasan' terhadap apa yang telah disumbangkan kepada apa yang boleh dianggap sebagai suatu gudang pengeluaran bersama. Tetapi di manakah jaminan bahawa dia akan dipampas secara adil, bahawa kepuasan yang dinikmatinya akan setimpal dengan apa yang telah dihasilkannya bagi sarana kepuasan pasaran? Dapatkah kita mengenalpasti kesan sesuatu tindakan terhadap pengeluaran atau hasil menyeluruh? Sebagai contoh, bagaimanakah kita harus mengira hubungkait di antara individu pertama yang menggunakan wang simpanannya untuk membuat sebuah bajak, dengan individu kedua yang menggunakan alat tersebut untuk membajak tanah? Sejauh manakah sumbangan setiap individu itu terhadap hasil pertanian, dan seterusnya berapakah yang harus mereka terima?

Pasaran menjawab persoalan-persoalan ini dengan mudah dan tepat. Di pasaran, setiap barang atau perkhidmatan dijual pada harga yang terbaik. Penjual akan menerima nilai tertinggi dari sesiapa jua yang rela membayar harga tersebut. Pembeli pula akan membayar harga yang terendah kepada sesiapa sahaja yang mahu menjual barangan tersebut. Pampasan bagi setiap kerja diselaraskan menurut 'perjanjian' secara rela di antara pengeluar, yang mahu menjual stoknya dan pengguna yang ingin memenuhi keperluan mereka sebanyak yang boleh.

Tentu sekali, pampasan bagi setiap kerja itu, yang mana normanya dibentuk oleh pasaran, berbeza dari kes ke kes. Tetapi setiap individu bertanggungjawab di atas pilihan yang dibuat di antara aktiviti-aktiviti yang dipasarkan, berdasarkan pampasan terbaik yang ditawarkan. Jika seseorang itu memiliki pengetahuan, kepakaran dan

peralatan yang diperlukan, dia boleh berjaya dengan menyalurkan kesemua dayanya kepada cabang pengeluaran yang memberi pulangan yang terbaik. Jika sumber-sumber ini tidak memadai, maka dia terpaksa berpuashati dengan pekerjaan yang kurang pulungannya (kurang pulangan kerana ramai yang kurang sumber terpaksa melakukan kerja yang sama).

Tetapi, sepertimana yang biasa diperkatakan, seseorang pengeluar itu tidak berjaya di dalam perniagaannya – andaikata pulangan dari pasaran untuk barangannya tidak setimpal dengan apa yang telah dibelanjakan sewaktu pengeluaran – maka ini membuktikan bahawa kerjanya itu tidak berhemat kerana sumber yang ditelan oleh kerjanya itu melebihi hasil pengeluaran; sekaligus mengurangkan jumlah nilai pasaran. Namun pasaran bebas tidak membenarkan keadaan ini. Pasaran bebas tidak memberi jalan kepada seseorang individu itu menyumbang kerja yang akan membawa kesan negatif kepada sektor umum. Pengeluar yang sedemikian akan terpaksa menukar corak pekerjaannya; dia terpaksa bekerja lebih keras lagi dan menggunakan peralatan yang lebih baik untuk meningkatkan pengeluaran bagi pelaburan yang sama, atau pun menukar pekerjaannya. Jika dia tidak dapat berbuat demikian, dia perlu mengurangkan penggunaannya dan hidup serba kekurangan akibat dari kemampuan pengeluarannya yang terhad.

Ini, tuan-tuan, merupakan peraturan asas sistem ekonomi, yakni syarat tunggal yang membolehkan matlamat, peningkatan dan pengagihan saksama ekonomi menjamin sarana untuk memenuhi keperluan. Kesetiakawanan tidak wujud di dalam komuniti ekonomi; ianya tidak boleh, malah tidak patut, menjamin sara hidup. Ia tidak boleh membekalkan kepada sesiapa jua hak selain dari capaian (*access*) bebas kepada pasaran, kerana pasaran itu sendiri merupakan satu-satunya 'kepunyaan' sesebuah organisasi ekonomi. Segala yang terkandung di dalam pasaran itu merupakan harta persendirian. Komuniti ekonomi hanya boleh memberikan subsidi kepada individu yang ingin mempergunakan sumber melebihi apa yang mereka keluarkan dengan menghadkan pampasan yang diberikan kepada orang lain, dan ini pastinya akan melanggar peraturannya. Menggunakan tindakan paksaan seperti ini di dalam perjalanan ekonomi bererti menggantikan keadilan dengan tindakan sewenang-wenang, dan menggugat keseimbangan di antara pengeluaran dan penggunaan – melanggar prinsip kitaran ekonomi, yakni kebebasan.

Namun, ada sesetengah individu yang cenderung menggunakan kuasa kerajaan untuk mempengaruhi perjalanan ekonomi. Sebagai contoh, sekiranya ada pengeluar yang dapat menghalang pesaingnya dari pasaran melalui pelesenan, ordinaran perniagaan atau denda mandatori di bawah alasan tarif perlindungan, maka pasaran akan mengalami kekurangan barangan yang dihasilkan oleh pihak yang memonopolikan pasaran dan pengguna pula akan terpaksa membayar harga yang lebih tinggi. Ketidakadilan yang timbul apabila pihak berkuasa memihak kepada satu pengeluar memanglah ketara. Tetapi apa yang lebih ketara adalah ketidakefisyenan ekonomi yang timbul dari pemihakan ini, kerana dalam memastikan secara paksa bahawa sesetengah individu akan mendapat bahagian yang lebih besar, pengeluaran total pasaran perlu disekat. Ketidakadilan sebegini pastinya ditanggung oleh orang umum. Dan pada amnya, pihak kerajaan tidak ada jalan lain untuk memesong perjalanan ekonomi dari haluan asalnya melainkan dengan mengurangkan bekalan.

Matlamat ekonomi, yakni peningkatan yang paling tinggi disertai dengan pengagihan yang paling adil, dijamin sepenuhnya melalui perdagangan bebas tanpa syarat dan tidak memerlukan sebarang campurtangan kerajaan. Tindakan kerajaan boleh mengubah haluan bebas ekonomi hanya dengan menyekat sesuatu yang efisien, dan dengan memberi mandat kepada sesuatu yang tidak efisien. Kesan campurtangan kerajaan di dalam perjalanan ekonomi ini telah terbukti di berbagai arena; pembatasan perdagangan, cukai terhadap faedah; pembatasan terhadap bank, pembatasan terhadap kebebasan pergerakan, dan pembatasan hak bebas terhadap harta. Ini juga terbukti apabila kita meneliti sekatan perdagangan. Permintaan terhadap kebebasan perdagangan, sepertimana yang telah disebut di atas, adalah supaya tiada pembatasan terhadap pembahagian tenagakerja di antara penghuni-penghuni negara-negara yang berlainan.

Memandangkan pembahagian tenagakerja, yakni sumber kekayaan ekonomi, adalah tinggi apabila penghuni-penghuni setiap negara mempunyai kemampuan pengeluaran yang pelbagai, kita seharusnya dapat menjangka bahawa memang terdapat faedah yang berlipat kali ganda apabila pembahagian tenagakerja ini berlaku di antara penghuni-penghuni dari berbagai iklim dan tempat, yang mana produktiviti mereka telah dibentuk berdasarkan budaya, tabiat dan kemampuan semulajadi. Sepatutnya penyatuan ekonomi pelbagai bangsa dan masyarakat ini dapat menunjukkan bahawa komuniti ekonomi itu pada asasnya adalah berasingan dari komuniti bangsa dan negara

dan mempunyai dasar-dasarnya yang tersendiri. Manakala kerajaan bertanggungjawab memastikan keselamatan harta dan nyawa, serta memastikan tiada kekecohan berlaku di dalam lingkungan sempadan negaranya, komuniti ekonomi pula, yang berada di bawah perlindungan perintah kerajaan, seharusnya merangkumi sesiapa sahaja, tidak kira negara, yang ingin menyumbang kepada sarana memenuhi keperluan. Jadi, atas dasar apakah harus kita kenakan sekatan?

Sekiranya kita memperoleh manfaat 100% apabila individu-individu yang berkata “*ja*” dibenarkan untuk memenuhi keperluan kita, dan kita pula rela membayar harga tersebut, adakah perhubungan asas ekonomi ini harus disongsangkan demi individu-individu yang menggunakan ungkapan “*oui*” atau “*yes*”? Adakah perhubungan asas ini harus dimodifikasikan oleh isu bangsa hinggakan kita mahu mengelak berurusan dengan negara asing hanya kerana mereka boleh menjual pada harga yang rendah; yakni bagi satu bayaran yang tertentu, negara-negara ini boleh memenuhi keperluan kita pada tahap yang lebih tinggi daripada negara kita sendiri?

Susah difahami kenapa ahli-ahli negara-negara yang berkesedaran dan yang menumpukan perhatian sepenuhnya kepada isu-isu perjalanan ekonomi dan juga kepada isu-isu kerajaan dan pemerintahan, gagal melihat kemudatan sekatan perdagangan. Kenapakah pandangan mereka terhadap sistem ekonomi dan tugas kerajaan begitu dangkal hinggakan mereka tidak dapat membezakan di antara tindakan dan bidang kuasa kedua-dua arena ini? Ketegangan dan irihati di antara negara menyebabkan mereka tidak dapat mempertimbangkan keadaan – inilah yang dapat menerangkan kedangkalan pendapat mereka itu. Konsep kepentingan ekonomi bersama dengan orang asing yang dibenci, atau dengan musuh kerajaan atau saingan politik begitu menjelekkkan sehinggakan akal budi digantikan dengan perasaan; ya, begitu kuatnya perasaan kebencian kebangsaan sehinggakan masyarakat membiarkan diri mereka disesatkan walaupun berkenaan isu yang begitu memanfaatkan mereka, atas sebab-sebab dan alasan yang tidak kukuh. Mari kita teliti beberapa hujah yang telah dianjurkan sebagai justifikasi sekatan perdagangan melalui sistem tarif perlindungan.

Mula-mula, sekatan perdagangan ini dibentangkan seolah-olah sebagai satu hukuman terhadap ‘orang asing’ dan untuk meyakinkan kita bahawa isu pokok di sini adalah konflik di antara kepentingan tempatan berbanding dengan pengeluar asing.

Walaupun bagaimanapun, konflik sebenar adalah di antara pengeluar dalam negeri dan pengguna tempatan. Sesetengah pengeluar tempatan mungkin mahu menyekat saingan asing. Pada masa yang sama bekalan tinggi dari luar negara adalah baik untuk pengguna dalam negeri. Kita dimaklumkan bahawa tarif itu dikenakan terhadap besi impot, bulu biri-biri impot, dsbnya. Tetapi apa maksud sebenar perbuatan ini melainkan meletakkan tarif betul-betul di hadapan pengguna tempatan? Sekatan perdagangan dikatakan penting untuk memastikan buruh tempatan mempunyai pekerjaan. Tetapi ini bergantung kepada jumlah modal dalam negeri.

Apabila tarif perlindungan digunakan untuk menyuntik modal ke dalam beberapa cabang perniagaan, kemampuan cabang-cabang tersebut untuk menggaji pekerja sebenarnya tidak naik. Tetapi oleh kerana kos penggunaan mesti dinaikkan untuk menggalakkan cabang-cabang tersebut, hasilnya adalah pengekangan pertumbuhan modal serta pertumbuhan peluang pekerjaan bagi tenagakerja. Idea bahawa kerajaan boleh menggalakkan pertumbuhan industri negara dengan memberi perlindungan kepada perniagaan yang tidak-berdayasaing adalah satu konsep yang begitu menyeleweng; kerana apa yang kekurangan bukanlah perniagaan bagi modal kita, tetapi modal bagi perniagaan kita. Untuk membangunkan perniagaan mereka, industri yang berdaya-saing akan melaburkan apa sahaja modal yang dibekalkan kepada mereka dan mengambil seramai pekerja yang berpatutan. Penggunaan yang berkos tinggi akibat dari tarif perlindungan ini dianggap satu pengorbanan sementara, sebagai satu 'alat pendidikan'. Di bawah sistem yang kononnya satu perlindungan, industri yang digalakkan secara palsu ini dikatakan sepatutnya berkemampuan untuk menjadi utuh dan berdayasaing dalam masa tertentu – yakni mampu walaupun tanpa tarif perlindungan telah luput. Ini sebenarnya akan merupakan satu spekulasi perdagangan di mana kos awal perlu dibandingkan dengan matlamat.

Tetapi ini jarang berlaku; kita sebenarnya tidak mempunyai sebarang industri terlindung di mana modal yang dilaburkan berlipatkali ganda melebihi pengorbanan yang terpaksa dibuat oleh pengguna; dan kita masih tidak dapat melihat sampai bila pengorbanan ini akan diperlukan. Tiada 'alat pendidikan' yang lebih buruk dari ini untuk mendidik industri ke arah berdayasaing, yakni ke arah kecekapan, berhemat serta peningkatan aktiviti, selain dari memberikan industri tersebut harga palsu yang tidak menggalakkan pembentukan sifat-sifat tersebut.

Ada yang mengakui bahawa hanya perdagangan bebaslah yang sebenarnya efisien dari segi ekonomi, tetapi hanya boleh diperkenalkan sekiranya diakui serentak oleh semua negara. Ini adalah satu matlamat yang, seperti yang diketahui ramai, tidak boleh dicapai. Tetapi ini tidak bermakna kita tidak mempergunakan kebebasan perdagangan yang sedia ada sebanyak yang mungkin. Meskipun kita tidak mempunyai kebebasan sepenuhnya untuk menjual hasil kita di luar negara, tiada sebab kenapa kita mesti menafikan diri kita kebebasan untuk membeli apa yang kita mahukan dari luar negara. Apabila kita meluputkan tarif import, kita sebenarnya memberikan kelebihan ekonomi kepada diri kita sendiri terlebih dahulu dan bukan hanya kepada negara asing. Perdagangan bebas hanya boleh tercapai apabila setiap negara berhenti dari menuntut konsesi dari negara lain, dan mengambil keputusan untuk memberi konsesi itu terlebih dahulu; kebebasan perdagangan hanya boleh meluas melalui tindakan yang sepihak (*unilatera*) seperti ini.

Ada juga yang mengatakan bahawa segala keperluan mesti dikeluarkan di negara sendiri supaya bekalan tidak akan putus sewaktu perang; musibah perdagangan yang terputus dan kos pengguna yang tinggi, akibat yang paling buruk sewaktu perang, harus dikenakan secara rela sewaktu sebuah negara itu aman damai! Sebenarnya, barangan seharusnya dibeli pada harga yang paling rendah sewaktu damai supaya sarana pengeluaran akan dapat menampung kenaikan harga sewaktu perang. Tambahan pula, jaringan perhubungan antarabangsa hasil dari perdagangan bebas adalah cara yang paling berkesan untuk menghindari peperangan. Kiranya setiap orang mampu melihat setiap individu asing sebagai seorang pengguna, nescaya mereka tidak akan cenderung untuk berperang dengan orang asing tersebut. Banyak lagi hujah yang dianjurkan untuk mempertahankan perlindungan tarif; saya tidak akan menghabiskan masa menghitung kesemua alasan ini kerana kesemuanya, sepertimana dihuraikan diatas, dianjurkan berdasarkan prejudis yang tidak jelas.

Tetapi sekarang, tuan-tuan, matlamat dan usaha para pengusul perdagangan bebas, yang faham implikasi isu ini, adalah untuk mengurangkan rasa benci antara-negara, memelihara pemikiran rasional dari dibelenggu perasaan melulu, mendidik negara-negara memahami kepentingan ekonomi bersama dan dengan itu, meredakan api konflik di antara negara-negara. Pada amnya, mereka bertujuan untuk menguatkan kepentingan ekonomi berdasarkan penyatuan dan keamanan, sebagai kontra kepada prinsip nasional yang memecah-belah dan bermusuhan; untuk memastikan pihak

kerajaan mendukung kepentingan ini dalam lingkungan negara bertamadun, untuk menyelaras dan menguatkan perhubungan di antara penduduk negara yang berjiran yang berkesedaran melalui talian kesetiakawanan yang tidak mudah diputuskan. Mereka juga bertujuan untuk menebus dunia bertamadun, sejauh yang boleh, dari tekanan yang meningkat untuk menyediakan kelengkapan bersenjata bagi peperangan; untuk memperbaiki keadaan politik dunia semasa yang runcing dan tidak mampu diselenggarakan bagi jangkamasa panjang.

Jelas, tuan-tuan, pada masa ini, banyak negara yang makin menjauh dari tujuan dan matlamat asal mereka; bukan sahaja mereka tidak memastikan keamanan negara, malah mereka mengundang konflik apabila menegaskan pendirian yang saling bermusuhan, di mana perlindungan yang dibekalkan oleh institusi pertahanan mereka tidak boleh diharapkan sangat. Pihak kerajaan mendedahkan komuniti ekonomi mereka kepada isu-isu yang melumpuhkan, padahal mereka sepatutnya menjamin keamanan yang sebenarnya sangat diperlukan demi pembangunan komuniti ekonomi. Semakin hari, semakin banyak modal dan tenaga pekerja yang diserapkan. Mereka menuntut pengorbanan dari komuniti ekonomi, yang sebenarnya satu permintaan yang terlalu tinggi sekali pun mereka hanya menjalankan fungsi kerajaan, seperti berikut: penguatan keamanan dan kebebasan untuk perlindungan komuniti ekonomi. Mengukuhkan perhubungan keamanan antarabangsa, yang seharusnya dihasilkan oleh perdagangan bebas, sebenarnya lebih penting dari keuntungan ekonomi yang diraih hanya dari bekalan barangan pada harga yang rendah. Para pengusul konsep perdagangan bebas, yang mendukung matlamat perdagangan bebas dan mahu meyakinkan masyarakat terhadapnya, lebih mengutamakan reformasi politik di pelbagai pelosok sedunia berbanding dengan reformasi ekonomi. Keagungan matlamat ini juga meningkatkan keberanian mereka walaupun matlamat itu susah dicapai. Matlamat ini bukannya mustahil untuk dicapai memandangkan ianya sebahagian dari arus kemajuan. Dan merealisasikan matlamat ini bukannya terlalu jauh di masa yang akan datang kerana setiap hari, semakin ramai lagi yang mengusulkan matlamat ini. Ia hanya memerlukan, sebagaimana yang diperlukan oleh setiap satu yang cemerlang, usaha yang tidak mengenal penat lelah, usaha yang datang dari keyakinan yang mendalam.

Kita semua sedia maklum bahawa perubahan, memandangkan negara-negara kini saling berhadapan dengan jalan buntu, hanya boleh dicapai melalui motif yang mempunyai kuasa luarbiasa – yakni, hanya sesuatu tindakan luarbiasa yang akan dapat

menganjak kuasa-kuasa kerajaan ke jalan yang lain. Tetapi soalan saya adalah, tuan-tuan, apakah kuasa yang akan membentuk institusi kemanusiaan? Jawabannya adalah persepsi manusia. Dan apakah yang dapat mengolah dan merubah institusi yang paling berkuasa sekalipun? Jawabannya adalah persepsi umum yang berubah.

Ya, tuan-tuan; kita sedang berusaha mengubah persepsi umum mengenai pendirian masyarakat-masyarakat yang terpisah berdasarkan konsep negara. Andainya keadaan ekonomi seseorang individu, keadaan kebudayaan umum, perlu dilindungi dari penganiayaan, kita perlu berusaha untuk menyebarkan persepsi yang jelas mengenai penyatuan komuniti ekonomi sedunia yang tidak boleh dipecahbelahkan berdasarkan sempadan negara. Mari kita sebarkan pandangan bahawa melalui perdagangan yang aman, negara-negara yang bersaing dari segi pengeluaran ekonomi tidak dapat lari dari saling melengkap; bahawa faedah dari pertukaran, dari segi sifatnya, tidak akan berat sebelah; bahawa melalui perdagangan bebas kekayaan seseorang itu tidak akan dibina di atas kemiskinan orang lain; dan bahawa keuntungan yang diraih sekalipun, secara relatif, dianggap lebih penting bagi orang yang lebih lemah, yakni bagi mereka yang kurang maju di dalam industri tersebut. Sekiranya kita menyebarkan pandangan ini, kita akan dapat mematahkan permusuhan antara negara, melupuskan prejudis yang dipegang teguh, mendorong setiap negara memandang negara lain melalui kaca mata baru, yakni kaca mata akal budi – dengan penghayatan yang betul terhadap kepentingan ekonomi bersama dan bukannya kepentingan khusus sesebuah negara.

Justeru itu, marilah kita anjakkan semangat masyarakat kepada tahap prinsip ekonomi. Dari tahap itu, kita akan tunjukkan ruang yang luas terbuka. Dunia berketerampilan lebih menawan, lebih kaya dan lebih aman apabila dilihat dari tahap yang tinggi. Panorama dari tapak yang lebih tinggi menjernihkan persepsi – dan menyucikan hati! (Tepukan gemuruh.)

Daripada: Karl Diehl/Paul Mombert (penyunting), *Ausgewahlte Lesestucke zum Studium der politischen Okonomie*, edisi ke-3 jil IX, Gera 1923, ms. 191-199. (Penterjemahan ke dalam bahasa Inggeris: Sabrina Ferrari-Frankland & Co.)

Jose Ortega y Gasset: KEZALIMAN RAKYAT MASSA

Jose Ortega y Gasset (1883-1955), salah seorang pemikir liberal termasyhur dari Sepanyol, secara sukarela telah menyerahkan kerusinya dalam bidang falsafah di Universiti Madrid untuk meninggalkan Sepanyol setelah perang saudara mengakhiri republik tersebut. Bukunya, *La Rebellion de Las Massas* (Pemberontakan Rakyat), yang muncul pada tahun 1930 memberi amaran yang cukup berkesan tentang ancaman terhadap kebebasan oleh gerakan rakyat massa yang totalitarian. Petikan di bawah ini diambil dari buku tersebut.

Maka kita boleh membuat kesimpulan bahawasanya telah berlaku sesuatu yang amat paradoksikal, tetapi sebenarnya sangatlah lazim; dari pembukaan dunia dan kehidupan untuk insan biasa, jiwanya telah tertutup di dalam dirinya. Justeru itu, saya tegaskan di sini bahawa pemberontakan massa berpunca dari pelenyapan jiwa biasa, dan ini pula membawa kepada masalah yang amat besar yang melanda kemanusiaan hari ini.

Insan-massa menganggap dirinya sempurna. Insan perseorangan, jika mahu menganggap dirinya sempurna, harus bersifat angkuh. Kepercayaan terhadap kesempurnaannya itu bukanlah sehati dengan jiwanya dan ia bukannya jujur, tetapi muncul daripada keangkuhannya, dan bagi dirinya sekalipun, mempunyai ciri-ciri palsu, khayalan dan bermasalah. Oleh itu, insan angkuh ini memerlukan orang lain, dia mencari sokongan dari mereka untuk menegakkan imejnya terhadap dirinya sendiri. Namun, walaupun dikaburi keangkuhan, insan "mulia" masih tidak ini dapat merasakan bahawa dirinya lengkap.

Sebaliknya, insan sederhana pada zaman kita, yakni umat Adam Baru, tidak pernah terfikir untuk meragui kesempurnaannya. Keyakinan dirinya, seperti Adam, amat tinggi. Jiwanya yang tertutup ketat menghalangnya daripada mengenali kelemahannya, yakni membuat perbandingan dengan orang lain. Untuk membandingkan dirinya, dia perlu keluar daripada dirinya seketika dan menjiwai diri jirannya. Tetapi jiwa sederhana tidak berupaya untuk membuat perpindahan sebegini.

Oleh itu, kita sekarang berhadapan dengan perbezaan sama yang wujud sejak azali antara orang bodoh dan orang yang berfikir. Orang yang berfikir sentiasa menahan dirinya sendiri daripada nyaris-nyaris membuat kesilapan; oleh itu dia berusaha untuk mengelakkan situasi sebegini, dan dalam usaha itulah terletak kebijaksanaannya. Sebaliknya, orang bodoh tidak mengesyaki sebarang kelemahan diri sendiri; dia

menganggap dirinya orang yang paling bijak, dan menanam dirinya sendiri di dalam ketenteraman kejahilannya. Seperti serangga-serangga yang tidak boleh dicabut daripada liang-liang kediamannya, tidak ada cara untuk mengeluarkan orang bodoh daripada kebodohnya, untuk menjauhkannya seketika dari keadaan butanya dan memaksanya untuk membezakan antara pandangan kaburnya dan pandangan lain yang lebih tajam. Orang bodoh akan bodoh seumur hidupnya. Sebab inilah Anatole France telah berkata bahawa orang bodoh itu lebih teruk daripada penipu, kerana sekurang-kurangnya si penipu kadang kala berhenti untuk berehat, tetapi orang bodoh tidak.

Persoalannya bukanlah sama ada insan-massa itu bodoh. Sebaliknya, pada hari ini dia semakin pandai, memiliki kemampuan kefahaman yang lebih tinggi berbanding dengan rakannya dari zaman lain. Tetapi keupayaan ini tidak berguna kepadanya; sebenarnya, perasaan kabur di dalam ingatannya – bahawa dia memiliki keupayaan ini – menyebabkan dia menjadi lebih tertutup dan menghalangnya daripada menggunakan keupayaannya. Dia menerima bulat-bulat segala yang biasa, prasangka-prasangka, puntung-puntung idea atau kata-kata kosong yang kebetulannya sudah bertimbun-timbun di dalam pemikirannya. Dengan keberanian yang berpunca dari sifat terusterangnya, dia mula menganjukkan idea-ideanya di semua tempat. Kebudayaan berubah-ubah mengikut kecil besar ketepatan idea-idea ini. Di mana ketepatan ini adalah kecil, kesannya tidak begitu mendalam, manakala apabila ketepatan ini adalah besar, ia menembusi pelaksanaan segala aktiviti secara terperinci.

Sesiapa sahaja boleh memerhati bahawa sejak beberapa tahun yang lepas di Eropah, “perkara pelik” sudah mula berlaku. Untuk memberi contoh yang jelas tentang “perkara pelik” ini saya akan menamakan beberapa gerakan politik, seperti Sindikalisme dan Fasisme. Kita tidak seharusnya menganggap perkara-perkara ini sebagai pelik semata-mata kerana ianya baru. Keghairahan untuk menyambut sesuatu yang baru begitu naluri bagi orang Eropah sehingga menyebabkan dia menghasilkan sejarah yang paling tidak tenteram yang pernah diketahui. Fakta-fakta baru ini bukannya pelik kerana ianya baru, tetapi kerana bentuk luarbiasanya.

Di bawah Sindikalisme dan Fasisme muncul, buat pertama kalinya di Eropah, sejenis insan yang tidak mahu memberi sebab-sebab yang munasabah dan tidak mahu mempunyai pendapat yang betul, tetapi hanya mahu memaksa pendapatnya ke atas orang lain. Inilah perkembangan manusia yang baru: hak untuk tidak berakal budi,

“pemikiran fikiran yang tidak berakal budi”. Di sini saya dapat melihat manifestasi yang paling ketara cara pemikiran baru rakyat massa yang membuat keputusan untuk mentadbir masyarakat, tanpa memiliki keupayaan untuk berbuat demikian. Dalam tingkah laku politik mereka, struktur pemikiran baru ini didedahkan dalam bentuknya yang paling kasar dan meyakinkan; tetapi puncanya adalah intelek yang tertutup rapat. Insan biasa mempunyai “idea” dalam kepalanya, tetapi kurang daya untuk menjanakan idea. Dia sama sekali tidak mempunyai pengertian mengenai suasana unik yang membuahkan idea. Dia ingin mempunyai pendapat, tetapi tidak bersedia untuk menerima syarat dan andaian yang menggariskan segala pendapat. Oleh itu, ideanya tidak lebih daripada nafsu berupa kata-kata, seperti sebuah karya romanza muzikal.

Memiliki sesuatu pendapat mengandaikan bahawa seseorang itu mempercayai yang dia mempunyai sebab-sebab untuk memiliki pendapat itu, dan seterusnya mempercayai kewujudan akal budi, iaitu sebuah dunia yang penuh dengan kebenaran yang boleh difahami. Memiliki idea dan membentuk pendapat bermakna kita perlu merujuk kepada kuasa akal budi ini, menyerahkan diri kepadanya, menerima koda dan keputusannya, sekaligus mempercayai bahawa bentuk perhubungan yang paling unggul ialah dialog yang membolehkan asas-asas idea kita dibincangkan. Tetapi insan-massa akan merasakan dirinya sesat jika dia menerima perbincangan, dan secara naluri menolak kewajipan untuk menerima kuasa agung yang terletak di luar dirinya sendiri.

Oleh itu, “perkara baru” di Eropah ialah “cukuplah dengan perbincangan”, dan segala bentuk perhubungan yang memerlukan penerimaan pemikiran objektif, dari perbualan biasa hinggalah ke Parlimen dan sains, kini ditolak dengan penuh kebencian. Ini bermakna kehidupan budaya, yang berdasarkan norma-norma, ditolak dan masyarakat kembali kepada kehidupan yang tidak bertamadun. Segala proses normal dipendam semata-mata untuk memaksa sesuatu idea. Ketertutupan jiwa yang telah kita teliti sebelum ini, mendesak rakyat massa untuk campurtangan dalam keseluruhan kehidupan awam, sekaligus membawa kepada satu proses campurtangan yang tunggal: tindakan secara langsung (*direct action*).

Apabila kajian asal-usul zaman kita dibuat nanti, akan didapati bahawa ‘irama’ baru ini telah dipelopori oleh kumpulan sindikalis dan realis Perancis sekitar 1900, yang juga merupakan pencipta kaedah dan istilah “tindakan secara langsung”. Manusia memang selalu mampu menggunakan kekerasan; kadangkala kekerasan ini terjadi begitu sahaja

tanpa dirancang tetapi ini bukanlah tumpuan perbincangan kita di sini. Tetapi dalam keadaan yang lain pula kekerasan menjadi jalan terakhir bagi orang-orang yang mahu mempertahankan hak keadilan yang difikirkan menjadi miliknya. Sayang sekali sifat semulajadi manusia kadangkala cenderung ke arah kekerasan sebegini, tetapi tidak dapat dinafikan bahawa ia merupakan manifestasi terbesar terhadap akal budi dan keadilan, kerana kekerasan sebegini berlaku apabila akal budi tidak dibenarkan bersuara. Malah, sebenarnya kekerasan ialah tindakan terakhir (*ultima ratio*). Ironinya, kekerasan diterima dengan penuh kejahilan sebagai satu kelaziman; ini jelas menunjukkan akal budi telah kalah kepada penggunaan kekerasan sebagai 'cara perhubungan'. Kewujudan tamadun itu tidak lebih daripada percubaan untuk mengurangkan kekerasan sebagai tindakan terakhir.

Kita sekarang mula menyedari hakikat ini dengan begitu jelas sekali, kerana "tindakan secara langsung" terdiri daripada niat dan usaha untuk menterbalikkan aturan yang sedia ada dan mengisytiharkan kekerasan sebagai tindakan utama (*prima ratio*) atau tindakan tunggal (*unica ratio*). Ia adalah norma yang mencadangkan pemansuhan segala norma, yang menindas proses perantaraan di antara tujuan kita dan pelaksanaannya. Ia adalah satu Magna Carta untuk kezaliman. Kita harus ingat bahawa pada setiap zaman ketika rakyat massa telah, atas sebab-sebab tertentu, mengambil bahagian di dalam kehidupan awam, ia telah menggunakan "tindakan secara langsung". Ketika itu, ini merupakan kaedah tindakan (*modus operandi*) rakyat massa.

Dan tesis karangan ini dikuatkan oleh fakta yang jelas, bahawa kini – ketika campurtangan utama dalam kehidupan awam pihak massa berubah daripada sesuatu yang jarang berlaku atau hanya kebetulan kepada sesuatu yang normal – "tindakan secara langsung" muncul sebagai kaedah yang diiktiraf secara rasmi. Segala aspek kehidupan bersama kita kini semakin tertakluk di bawah rejim ini di mana penggunaan kuasa "tidak langsung" kini dipinggirkan. Dalam perhubungan sosial "budi pekerti yang baik" tidak lagi diterimapakai. Bahan bacaan dan tulisan "tindakan secara langsung" kurang beradab dan bersifat menghina. Perbatasan terhadap perhubungan seksual dikurangkan.

Perbatasan, piawai, adab, kaedah tidak langsung, keadilan, akal budi! Mengapa semua ini dicipta, kenapa segala kerumitan ini? Jawapannya semua dirumuskan di dalam perkataan "tamadun" (*civilisation*), yang berasal dari perkataan 'rakyat' (*civis*) dan

mendedahkan asal usulnya yang sebenar. Kesemua perkara di atas ini menunjukkan percubaan untuk membolehkan kewujudan bandar, komuniti, kehidupan bersama. Kesemua faktor yang membentuk tamadun, yang dijelaskan sebelum ini mempunyai dasar yang sama. Malah, kesemuanya mengandai keinginan radikal progresif individu untuk mempertimbangkan keperluan orang-orang di sekelilingnya. Paling utamanya, tamadun ialah azam untuk hidup bersama. Ketamadunan seseorang itu berdasarkan tahap pertimbangannya untuk orang lain. Ketidaktamadunan adalah kecenderungan untuk memutuskan pertalian. Jadi, segala zaman yang tidak bertamadun merupakan zaman di mana manusia telah berpecah-belah menjadi kumpulan-kumpulan kecil yang terasing dan saling bermusuhan.

Pegangan politik yang merangkumi percubaan yang paling mulia untuk kehidupan bersama ialah demokrasi liberal. Ia menekankan nekad untuk mempertimbangkan keperluan jiran dan merupakan prototip “tindakan secara tidak langsung”. Liberalisme adalah prinsip hak politik yang membataskan kuasa rakyat, walaupun ia amat kuat. Di bawah liberalisme juga, kuasa rakyat, walaupun ia sendiri mungkin menjadi sasaran, cuba menyediakan ruang dalam pemerintahan negara, bagi individu-individu yang tidak bersependapat dengan pihak majoriti yang lebih berkuasa. Adalah wajar untuk memperingati pada hari ini, bahawa liberalisme ialah bentuk kemurahan hati yang paling mulia; ia merupakan hak yang diserahkan oleh golongan majoriti kepada golongan minoriti, dan oleh itu adalah sorakan paling mulia yang pernah dilaungkan di planet ini. Ia mengisytiharkan azam untuk berkongsi kewujudan dengan pihak musuh; malah lebih daripada itu, dengan musuh yang lemah.

Memang menakjubkan bahawa manusia telah mencapai suatu sikap yang sangat mulia, sangat paradoksikal, sangat halus, sangat bergaya dan sangat berlawanan dengan naluri. Oleh itu, tidak hairanlah bahawa kemanusiaan yang sama ini mahu membuang sifat-sifat mulia tersebut. Ia satu tatacara yang terlalu susah dan sukar untuk berakar di bumi ini. Berkongsi kewujudan kita dengan musuh kita! Mentadbir bersama dengan pihak pembangkang! Bukankah sikap lembut ini nampaknya mustahil difahami? Tidak ada petanda lain yang lebih jelas tentang ciri-ciri zaman kini daripada hakikat bahawa terdapat hanya sebilangan kecil negara di mana pihak pembangkang wujud. Di hampir kesemua negara, masyarakat massa merupakan masalah bagi kuasa rakyat, dan ia menghancurkan dan membinasakan semua kumpulan yang membangkangnya. Masyarakat massa yang mengakuinya sebagai satu kumpulan yang

padat dan besar tidak ingin berkongsi ruang hidup dengan kumpulan lain. Ia menanam kebencian terhadap segala benda yang bukan berpunca daripada dirinya.

Daripada: Jose Ortega y Gasset, *The Tyranny of the Masses* (Pemberontakan Rakyat Massa), penterjemahan yang diizinkan, New York/London 1957, ms. 68-77.

Robert Nozick: UTOPIA

Robert Nozick mungkin merupakan salah seorang pelopor falsafah 'individualisme radikal' kontemporari Amerika yang paling utama. *Bukunya Anarchy, State and Utopia*, yang muncul pada tahun 1974, telah mengkritik secara terperinci dan cermat kesemua konsep pengagihan secara adil, sekaligus membuat sumbangan besar kepada kemunculan semula liberalisme klasik di Amerika Syarikat. Bagi Nozick, yang menggunakan teori yang diilhamkan oleh John Locke berkenaan hak tetap berdasarkan kontrak, hanya pemerintahan minimal sahaja yang mempunyai keabsahan sebenar.

Hanya pemerintahan minimal (*minimal state*), dan tidak lebih dari itu, yang boleh dijustifikasikan. Tetapi bukannya idea atau ideal pemerintahan minima itu sendiri kurang menarik? Dapatkah ianya menyemarakkan jiwa dan memberikan inspirasi kepada masyarakat untuk berjuang dan berkorban? Sanggupkan sesiapa jua mempertahankan sesuatu demi pemerintahan minimal ini? Pemerintahan minimal ini seolah-olah kelam dan lemah jika dibandingkan dengan ekstrim yang lain pula, yakni harapan dan idaman pengusul teori utopia.

Apa-apa pun kelebihanannya, jelas bahawa pemerintahan minimal itu bukanlah satu utopia. Kita pastinya menjangkakan bahawa sesuatu penelitian terhadap teori utopia akan menyorot kepincangan dan kekurangan pemerintahan minimal, dan ini menandakan berakhirnya falsafah politik. Penelitian yang sebegitu juga pasti menarik. Mari kita melihat halatuju teori utopia.

Memang tidak memuaskan sekiranya hanya terdapat satu hujah atau sebab-musabab yang digunakan untuk menerangkan secara sempurna sesuatu bentuk utopia. Memandangkan konsep utopia merupakan fokus pelbagai aliran aspirasi, sudah tentu terdapat banyak teori yang menghala ke arah konsep ini. Mari kita lakarkan alur-alur teori yang alternatif dan saling menyokong ini.

Alur yang pertama bermula dengan fakta bahawa manusia itu berbeza dari segi perwatakan, minat, keupayaan intelektual, aspirasi, kecenderungan semulajadi, usaha mencari kerohanian dan kehidupan yang ingin mereka alami. Mereka mempunyai nilai hidup yang berlainan, dan bagi nilai hidup yang sama sekalipun, penekanan yang berbeza. (Mereka inginkan iklim yang berbeza – di pergunungan, dataran, gurun, pantai,

kota, bandar). Tiada sebab kita harus memikirkan bahawa ada sesuatu komuniti yang akan cocok bagi kesemua manusia di dunia ini, sebaliknya terdapat banyak lagi sebab dan alasan kenapa ini tidak mungkin terjadi. Wittgenstein, Elizabeth Taylor, Bertrand Russell, Thomas Merton, Yogi Berra, Allan Ginsburg, Harry Wolfson, Thoreau, Casey Stengel, The Lubavitcher Rebbe, Picasso, Moses, Einstein, Hugh Hefner, Socrates, Henry Ford, Lenny Bruce, Baba Ram Dass, Gandhi, Sir Edmund Hillary, Raymond Lubitz, Buddha, Frank Sinatra, Columbus, Freud, Norman Mailer, Ayn Rand, Baron Rothschild, Ted Williams, Thomas Edison, H.L. Mencken, Thomas Jefferson, Ralph Ellison, Bobby Fischer, Emma Goldman, Peter Kropotkin, anda dan ibu-bapa anda. Adakah sesuatu bentuk kehidupan yang unggul bagi kesemua nama-nama ini?

Bayangkan mereka wujud di dalam sebuah utopia sepertimana yang pernah diperincikan ciri-cirinya. Cuba huraikan masyarakat yang paling baik bagi semua nama-nama ini. Masyarakat petani atau bandar? Kaya dari segi material atau sederhana dalam memenuhi keperluan asas? Bagaimana dengan perhubungan di antara jantina? Wujudkan institusi yang mirip kepada institusi perkahwinan? Bersifat monogami? Adakah anak-anak akan dibesarkan oleh ibu-bapa? Akan wujudkan konsep harta persendirian? Kehidupan yang aman damai dan selamat, atau hidup yang penuh aksi, cabaran, bahaya dan peluang untuk menjadi wira? Adakah agama akan wujud, mungkin satu agama, beberapa agama, mungkin tiada langsung? Adakah agama merupakan isu penting dalam kehidupan seharian? Adakah manusia akan memberikan penekanan terhadap isu dan keprihatinan peribadi atau tindakan awam dan isu-isu umum? Adakah mereka akan menumpukan perhatian kepada bentuk-bentuk kejayaan dan pekerjaan tertentu, atau mempunyai pelbagai kemahiran dan keseronokan, atau menumpukan perhatian kepada aktiviti senggang yang memenuhi citarasa? Adakah kanak-kanak akan dibesarkan dalam suasana yang serba membolehkan, atau suasana yang mengongkong? Apakah yang akan menjadi tumpuan pendidikan mereka? Adakah sukan akan menjadi aktiviti yang penting (sebagai penonton, pemain)? Bidang seni? Yang mana akan menjadi lebih penting, kepuasan sensual atau aktiviti intelektual? Atau apa lagi? Fesyen pakaian? Adakah manusia akan bersusah payah mencantikkan diri mereka? Apakah sikap manusia terhadap isu kematian nanti? Adakah teknologi dan alat-alat teknologi akan memainkan peranan penting dalam masyarakat tersebut? Dan sebagainya.

Bagi saya, idea bahawa terdapat satu jawapan sepadu kepada kesemua persoalan di atas, satu masyarakat yang paling unggul bagi semua manusia, merupakan satu idea yang agak luarbiasa. (Dan idea bahawa kita kini dapat menghuraikan masyarakat itu, andaikata wujud masyarakat tersebut, merupakan sesuatu yang lebih menghairankan.) Tiada seorang pun yang patut cuba menghuraikan utopia ini selagi dia belum membacasesemula karya-karya Shakespeare, Tolstoy, Jane Austen, Rabelais dan Dostojewski supaya dia ingat semula betapa berbezanya manusia di dunia ini. (Dan juga betapa rumitnya setiap insan itu). Perbezaan ini juga dapat dilihat pada para pereka dan pengarang alam utopia yang begitu yakin dengan wawasan mereka sendiri dan bahawasanya wawasan merekalah yang paling tepat; kesemuanya membentangkan idea-idea berbeza mengenai institusi dan corak hidup yang harus dicontohi. Walaupun konsep 'masyarakat ideal' yang dianjurkan mereka itu terlalu mudah (walaupun bagi komuniti komponen yang akan dibincangkan di bawah), fakta bahawa memang terdapat perbezaan pendapat ini harus diteliti. Tiada seorang pun dari kalangan pengarang-pengarang utopia ini menganggap bahawa setiap individu dalam masyarakat utopianya akan membahagikan waktu yang sama untuk aktiviti yang sama. Kenapa tidak? Tidakkah jawapannya turut menafikan keupayaan untuk membentuk hanya satu jenis komuniti?

Kesimpulan yang dapat dibuat di sini adalah di utopia tersebut, bukan hanya terdapat satu komuniti dan satu corak hidup sahaja. Utopia akan terdiri dari beberapa utopia yang lebih kecil, dengan pelbagai komuniti dan di mana penduduknya akan mengalami susur galur hidup yang berlainan di bawah pelbagai institusi. Seseengah komuniti akan lebih menarik dari yang lain; komuniti juga mempunyai pasang surutnya. Seseengah individu akan meninggalkan komuniti mereka sendiri dan mengikuti komuniti lain, dan seseengah yang lain pula akan tinggal di dalam satu komuniti sepanjang hayat mereka. Utopia adalah satu kerangka bagi pelbagai utopia, sebuah tempat di mana setiap orang bebas bergabung dengan orang yang lain untuk merealisasikan wawasan hidup di dalam komuniti ideal tanpa memaksa utopianya sendiri ke atas orang lain. Masyarakat utopia adalah masyarakat yang bersifat utopianisme. (Pasti ada yang senang hati terhadap keadaan mereka. Bukannya setiap orang akan mengikuti komuniti yang bersifat eksperimental ini, dan ramai yang berkecuali pada mulanya akan mengikuti komuniti-komuniti ini pada masa yang akan datang, selepas mereka jelas tentang bagaimana komuniti-komuniti tersebut beroperasi.)

Sebahagian daripada kebenaran yang ingin saya bentangkan di sini – bahawa utopia berbentuk meta-utopia; lingkungan di mana eksperimen-eksperimen utopia boleh diuji; lingkungan di mana manusia bebas membuat mengikut kehendaknya; satu lingkungan di mana konsepnya harus utuh terlebih dahulu supaya wawasan-wawasan utopia lain yang lebih spesifik boleh direalisasikan secara stabil.

Jadi, sampai di sini sajakah perbincangannya: Utopia ialah masyarakat bebas?

Utopia bukanlah satu masyarakat di mana kerangka utopia akan direalisasikan. Kerana siapa yang boleh mempercayai bahawa sepuluh minit selepas tertubuhnya kerangka tersebut, kita akan menikmati utopia? Tiada yang akan berbeza dari apa yang kita hadapi sekarang. Tetapi apa yang akan berbaloi untuk diperbincangkan hanyalah apa yang berputik secara spontan dari pilihan pelbagai individu. (Ini tidak bermakna bahawa ada peringkat terunggul di dalam proses ini yang menjadi tumpuan kesemua kehendak kita. Proses utopian menggantikan tumpuan utopia teori utopia statik yang lain.) Banyak komuniti akan mencapai pelbagai perwatakan. Hanya si bebal atau seorang nabi yang berani meramalkan kepelbagaian, batas-batas dan sifat-sifat komuniti-komuniti tersebut bertahun selepas beroperasinya kerangka tersebut. Saya tidak berhasrat untuk menjadi si bebal mahupun seorang nabi, dan sebagai penutup, ingin menekankan sifat keduaan utopia yang dibentangkan di sini.

Terdapat kerangka utopia, dan terdapat komuniti tertentu di dalam kerangka ini. Hampir kesemua karya mengenai utopia, menurut pendapat semasa, berkisar sekitar sifat komuniti dalam kerangka tersebut. Saya tidak menggariskan ciri-ciri komuniti tersebut, tetapi ini tidak bermakna saya menganggap usaha ini sebagai sesuatu yang tidak penting, atau kurang penting, atau tidak menarik. Bagaimana boleh saya berbuat demikian? Kita semua hidup di dalam komuniti-komuniti tertentu. Dan di sinilah kita cuba menganjurkan serta melahirkan wawasan bukan-imperialis untuk membentuk masyarakat 'ideal' atau 'unggul'. Itulah fungsi kerangka tersebut. Wawasan-wawasan ini mendorong dan membentuk komuniti-komuniti yang mempunyai sifat-sifat yang tertentu, dan tanpa ini, kerangka itu pastinya tidak akan bernyawa. Dengan penyatuan wawasan dari ramai individu, kerangka tersebut membolehkan kita membentuk dunia yang terbaik.

Pendapat yang dianjurkan di sini menolak perancangan awalan terperinci bagi sebuah lingkungan di mana sesebuah komuniti itu hidup dan pada masa yang sama menerima eksperimen utopia yang berlainan, dan menyediakan tapak di mana utopia ini dapat berkembang; adakah ini satu pendapat utopia atau anti-utopia? Kesulitan menjawab soalan ini mendorong saya menyimpulkan bahawa kerangka tersebut dapat merangkumi kebaikan dan faedah setiap pendirian. (Sekiranya ia berfungsi sebaliknya, dan menyepadukan kesilapan, kepincangan dan masalah kedua-duanya, proses saringan, yang berupa perbincangan terbuka, akan memperjelaskan isu-isu ini).

Kerangka utopia yang kita telah terangkan di sini bersamaan dengan pemerintahan minimal. Sistem negara ini yang sangat diterima dari segi moral, satu-satunya sistem yang sah dari segi moral dan yang boleh diterima, sepertimana yang kita dapat lihat, adalah sistem yang dapat merealisasikan aspirasi utopia dari jumlah pengilham dan individu-individu berwawasan yang tidak terkira. Ia dapat memelihara apa yang dipersetujui oleh setiap individu dari tradisi utopia, dan membenarkan selebih utopia itu untuk diwarnai oleh aspirasi individu. Kita imbas kembali persoalan di awal bab ini. Bukankah pemerintahan minimal itu, yakni kerangka utopia itu, sebuah wawasan yang merangsangkan? Pemerintahan minimal itu menganggap kita sebagai individu yang tidak boleh dicabuli, yang tidak boleh dipergunakan dalam cara-cara tertentu oleh orang lain sebagai sarana, alat atau sumber; ia menganggap setiap orang itu sebagai mempunyai hak individu yang disertai kehormatan. Menghormati kita dengan menghormati hak kita, ia membenarkan kita, sama ada sebagai individu atau dengan sesiapa sahaja yang kita pilih, memilih hidup kita dan merealisasikan matlamat dan pengertian diri kita, sejauh yang boleh, dibantu oleh kerjasama sukarela dari individu-individu lain yang turut mempunyai maruah dan kehormatan yang sama. Sesebuah negara atau sekumpulan individu tidak harus melakukan lebih dari itu. Atau kurang dari itu.

Daripada: Robert Nozick, *Anarchy, State and Utopia*, New York 1974, ms. 297/ 309-312/ 332-334.